



Prestasi Ekonomi dan Prospek

3



Prestasi Ekonomi dan Prospek

Tinjauan

Ekonomi kekal kukuh meskipun persekitaran luar mencabar...

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang melebihi jangkaan dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat 6.7% dalam tempoh separuh pertama 2008. Pertumbuhan ini disokong oleh kecergasan penggunaan awam dan swasta serta permintaan luar yang kukuh. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini dijangka perlahan bagi tempoh separuh kedua tahun ini berikutan persekitaran luar yang tidak menentu. Pertumbuhan perlahan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan harga minyak mentah yang tinggi dijangka memberi kesan negatif terhadap pertumbuhan eksport, terutamanya bagi produk elektrik dan elektronik (E&E). Dari sudut ekonomi domestik, tekanan inflasi akibat kenaikan harga minyak dan makanan dijangka memberi kesan kepada perbelanjaan pengguna dan pelaburan. Meskipun berhadapan dengan cabaran ini, ekonomi negara terus memperoleh manfaat berikutan harga komoditi yang teguh serta pertumbuhan kukuh negara membangun dan negara berkembang pesat, justeru dapat mengurangkan kesan ekonomi global yang perlahan. Tambahan pula, beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam meringankan beban isi rumah akibat peningkatan harga minyak, dijangka dapat menangani kesan kenaikan kos. Secara keseluruhannya, prestasi ekonomi dijangka merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.7% pada tahun 2008.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka menyeluruh dipacu oleh sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta kewangan dan insurans. Sektor pembuatan

dijangka berkembang pada kadar yang stabil berikutan prestasi kukuh industri berasaskan sumber dan permintaan elektronik global yang semakin pulih. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka meningkat, didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit. Sementara itu, sektor perlombongan terus mapan disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah. Sektor pembinaan terus berkembang, didorong oleh pelaksanaan aktiviti kejuruteraan awam di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) serta kerancangan aktiviti industri minyak dan gas.

Dari sudut permintaan pula, pertumbuhan akan dijana oleh perbelanjaan swasta dan penggunaan awam. Penggunaan swasta dijangka kekal mapan disokong oleh harga komoditi yang kukuh, kadar faedah yang menggalakkan dan tahap pengangguran yang rendah. Pertumbuhan pelaburan swasta dijangka kekal teguh manakala pelaburan awam dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan.

Kedudukan imbalan pembayaran (BOP) kekal mantap meskipun dengan ketidakpastian pasaran global. Lebih perdagangan dijangka meningkat didorong oleh pendapatan eksport dari sektor komoditi, terutamanya minyak sawit dan minyak mentah. Sehubungan itu, akaun barangan dijangka mencatat lebih dagangan yang lebih tinggi. Perkembangan dalam industri pelancongan menyumbang kepada aliran masuk bersih akaun perjalanan, seterusnya mengimbangi aliran keluar bersih yang lebih tinggi dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain. Sehubungan ini, akaun semasa dianggar merekod lebihan yang semakin tinggi sebanyak RM115.0 bilion atau 16.4% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang sederhana dalam tempoh separuh kedua 2008, pendapatan negara seperti yang ditunjukkan oleh KNK pada nilai semasa dijangka bertambah 11.6% kepada RM700.8 bilion (2007: 12.9%; RM628.1 bilion) dengan pendapatan per kapita meningkat 9.3% kepada RM25,274 (2007: 10.7%; RM23,114). Pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli (PPP) dianggar mencatat pertumbuhan dua angka menokok 14.7% kepada USD16,617 pada tahun 2008 (2007: 19.1%; USD14,483).

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan kekal sebagai penggerak utama pertumbuhan...

Momentum pertumbuhan **sektor perkhidmatan** dijangka kekal kukuh pada tahun 2008, berkembang 7.1% dan merangkumi 54.3% daripada KDNK (2007: 9.7%; 53.6%), seperti di *Jadual 3.1*. Sektor ini dijangka menyumbang 3.8 mata peratusan kepada keseluruhan kadar pertumbuhan KDNK, dipacu oleh penggunaan domestik dan aktiviti berkaitan perdagangan yang mapan.

Pertumbuhan dalam kumpulan **perkhidmatan perantara** dijangka kekal cergas pada 7.4% (2007: 11.7%), didorong oleh subsektor kewangan dan insurans serta pengangkutan dan penyimpanan. Di samping itu, kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka berkembang 7.6% pada tahun 2008 (2007: 9.2%), disokong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit serta penginapan dan restoran.

Subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 9.4% pada tahun 2008 (2007: 12.5%), manakala **subsektor penginapan dan restoran** dijangka berkembang 7.6% (2007: 10.8%). Momentum pertumbuhan kedua-dua subsektor ini didorong oleh peningkatan perbelanjaan pengguna, pelaburan domestik yang mapan serta jumlah ketibaan pelancong yang lebih tinggi.

Pertumbuhan dalam aktiviti runcit disokong oleh peluasan perniagaan sedia ada dan pembukaan *outlet* baru oleh kedua-dua pengendali rangkaian pasar raya besar tempatan dan antarabangsa. Kini, terdapat sebanyak 86 pasar raya besar dan *superstore* milik asing beroperasi di negara ini. *Outlet* beli-belah jenama antarabangsa telah

JADUAL 3.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Sektor 2007 – 2009 (pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Pertanian	2.2	3.6	3.7	7.6	7.5	7.4	0.2	0.3	0.3
Perlombongan	3.3	2.8	3.4	8.4	8.2	8.1	0.3	0.3	0.3
Pembuatan	3.1	4.7	4.3	30.1	29.8	29.5	1.0	1.4	1.3
Pembinaan	4.6	4.0	3.1	3.0	3.0	2.9	0.1	0.1	0.1
Perkhidmatan	9.7	7.1	6.9	53.6	54.3	55.1	5.0	3.8	3.7
Tolak: FISIM yang tidak diagihkan ³	7.5	7.2	7.0	3.9	4.0	4.0	0.3	0.3	0.3
Tambah: Duti import	4.4	11.3	-0.2	1.1	1.2	1.1	0.0	0.1	0.0
KDNK	6.3	5.7	5.4	100.0	100.0	100.0	6.3	5.7	5.4

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Perkhidmatan Perantara Kewangan yang Diukur Secara Tidak Langsung (FISIM).

Nota: Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.2

Prestasi Sektor Perkhidmatan 2007 – 2009

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Sumbangan Kepada KDNK (%)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
Perkhidmatan perantara						
Pengangkutan dan penyimpanan	10.0	8.4	7.3	3.7	3.8	3.9
Komunikasi	7.0	8.0	8.7	3.7	3.8	3.9
Kewangan dan insurans	11.1	8.4	8.1	10.7	10.9	11.2
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	18.2	4.3	7.8	5.3	5.2	5.3
Perkhidmatan akhir						
Utiliti (elektrik, air dan gas)	3.9	4.3	4.3	3.0	3.0	2.9
Perdagangan borong dan runcit	12.5	9.4	7.4	12.2	12.6	12.9
Penginapan dan restoran	10.8	7.6	6.9	2.4	2.4	2.4
Perkhidmatan lain	5.0	5.4	5.4	5.7	5.7	5.7
Perkhidmatan kerajaan	4.5	4.2	4.0	6.9	6.8	6.7
Jumlah	9.7	7.1	6.9	53.6	54.3	55.1

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

mula memasuki pasaran runcit tempatan dengan memasarkan koleksi barangan dan fesyen jenama terkemuka, seterusnya membuka peluang perniagaan dan pelaburan kepada pembekal dan pelabur tempatan. Kehadiran peruncit asing turut membantu usaha Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong serta meningkatkan pendapatan, terutamanya daripada pelancong yang berbelanja tinggi. Selaras dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi beli-belah terpilih, jumlah perbelanjaan pelancong asing bagi aktiviti membeli-belah dijangka meningkat 8.1% kepada RM13.3 bilion pada tahun 2008 (2007: 31.5%; RM12.3 bilion) dan kekal sebagai komponen penyumbang kedua tertinggi kepada jumlah keseluruhan pendapatan pelancongan.

Industri pelancongan terus merangsang pertumbuhan sektor perkhidmatan. Pada tahun 2008, Malaysia dijangka menerima seramai 21.5 juta pelancong berikutan pelanjutan program Tahun Melawat Malaysia (TMM) sehingga bulan Ogos 2008, dengan kadar purata bermalam sebanyak 6.7 dan menjana jumlah pendapatan sebanyak RM48 bilion.

Di samping itu, promosi Tahun Melawat Kedah, Kelantan dan Terengganu yang dilancarkan pada bulan Januari 2008 dijangka merancakkan lagi aktiviti pelancongan. Usaha Kerajaan untuk memperkukuh industri pelancongan domestik dan membangunkan destinasi tarikan pelancongan di koridor pertumbuhan dijangka terus melonjakkan pertumbuhan industri ini. Tambahan pula, Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu telah menyenarai Langkawi sebagai sebahagian daripada jaringan geopark global, serta mengiktiraf Melaka dan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia. Inisiatif ini dijangka terus meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan antarabangsa.

Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, jumlah ketibaan pelancong meningkat 2.6% kepada 11 juta (Januari – Jun 2007: 24.8%; 10.7 juta). Peningkatan ini disokong oleh promosi pemasaran yang berterusan, penganjuran pelbagai acara antarabangsa, pertambahan kekerapan penerbangan dan rangkaian destinasi serta kadar tambang kompetitif yang ditawarkan oleh syarikat penerbangan tempatan. Tiga negara penyumbang tertinggi ketibaan pelancong adalah

Singapura (49.9%), Indonesia (10.0%) dan Thailand (6.9%). Selain dari negara Pertubuhan Negara Asia Tenggara (ASEAN), negara lain yang turut menyumbang kepada pertumbuhan industri ini adalah China, India, Eropah dan Asia Barat.

Menyedari kepentingan sumbangan industri pelancongan, Kerajaan telah memberi tumpuan untuk mempromosi produk dan destinasi pelancongan tertentu. Promosi khusus telah dibuat untuk memasarkan produk pelancongan terpilih seperti ekopelancongan, pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan, Malaysia Rumah KeduaKu (MM2H) dan *homestay*. Kerajaan turut bekerjasama dengan negara jiran untuk mempromosi rantau ASEAN sebagai destinasi pelancongan menarik. Di samping itu, *Multiple Entry Visa* yang mempunyai tempoh sah lebih panjang sehingga satu tahun telah diperkenalkan bagi memudahkan proses kemasukan ahli perniagaan asing.



Jumlah perbelanjaan pelancong asing turut menyumbang kepada pertumbuhan subsektor penginapan dan restoran. Pada tahun 2008,

perbelanjaan pelancongan bagi penginapan dijangka meningkat 0.8% kepada RM14.4 bilion (2007: 10.9%; RM14.2 bilion) dan kekal sebagai komponen penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan pendapatan pelancongan. Di samping itu, perbelanjaan bagi segmen makanan dan minuman dijangka meningkat 1.3% kepada RM8.5 bilion (2007: 22.9%; RM8.3 bilion).

Industri pelancongan Malaysia juga banyak mendapat manfaat daripada aktiviti Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE) antarabangsa. Pada tahun 2008, peserta MICE ke Malaysia dijangka mencapai jumlah 2.3 juta dengan 9,375 acara dan menjana pendapatan sebanyak RM7.1 bilion (2007: 1 juta; 4,221; RM3.2 bilion). Di samping itu, Kerajaan juga telah memperhebat promosi program MM2H untuk menarik lebih ramai pelancong supaya menginap lebih lama dan melabur di Malaysia. Sejak tahun 2002 hingga akhir bulan Jun 2008, seramai 10,965 peserta telah menyertai program MM2H, terutamanya dari negara China, Bangladesh, United Kingdom (UK) dan Jepun.

CARTA 3.1

Industri Pelancongan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan dan Jabatan Perangkaan, Malaysia.

Subsektor kewangan dan insurans dijangka meningkat 8.4% pada tahun 2008 (2007: 11.1%), disokong oleh peningkatan aktiviti berasaskan fi dan pinjaman bank. Persekitaran kadar faedah yang stabil dijangka mengekalkan permintaan pinjaman daripada sektor isi rumah dan perniagaan. Tambahan pula, perkembangan dalam kewangan Islam dan operasi pasaran modal akan terus menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini. Sehingga akhir bulan Jun 2008, jumlah pinjaman terkumpul dalam sistem perbankan meningkat 11.7% kepada RM685.9 bilion (akhir Jun 2007: 6.0%; RM614 bilion), dengan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menyumbang 17.8% dan isi rumah pula sebanyak 54.5% (akhir Jun 2007: 17.7%; 55.7%). Di samping itu, pertumbuhan subsektor ini juga telah disokong oleh peningkatan aktiviti insurans berikutan prestasi segmen insurans am yang lebih baik, hasil daripada permintaan kenderaan yang lebih tinggi.

Dalam tempoh separuh pertama 2008, pertumbuhan **subsektor pengangkutan dan penyimpanan** telah disokong oleh peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan dan perjalanan. Peningkatan aktiviti pengangkutan air, khususnya bagi memenuhi permintaan industri minyak dan gas serta penambahbaikan operasi pelabuhan, lapangan terbang dan lebuh raya telah memberi sumbangan yang ketara kepada pertumbuhan subsektor ini. Meskipun harga bahan api tinggi, namun pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan dijangka kekal cergas sebanyak 8.4% pada tahun 2008 (2007: 10.0%).

Bilangan kendalian kontena di tujuh pelabuhan utama (Klang, Tanjung Pelepas, Johor, Pulau Pinang, Kuantan, Bintulu dan Kuching) mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.6% kepada 7.9 juta *twenty-foot equivalent units* (TEUs) dalam tempoh separuh pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 14.3%; 7.3 juta TEUs), dipacu oleh pertumbuhan mantap dalam kuantiti kendalian *transshipment*. Peningkatan aktiviti *transshipment* serantau, terutamanya dalam perdagangan intra-Asia, serta peluasan rangkaian ke pelabuhan asing terus menyokong pertumbuhan segmen ini. Penambahbaikan infrastruktur dan jentera serta peningkatan produktiviti dan kecekapan turut merancakkan permintaan bagi perkhidmatan

pelabuhan. Jumlah kendalian kontena dianggarkan meningkat 12.2% kepada 16.8 juta TEUs pada tahun 2008 (2007: 12.9%; 15 juta TEUs).

Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, Pelabuhan Klang yang terdiri daripada Northport dan Westports telah mengendalikan 3.9 juta TEUs, merangkumi 49.8% daripada jumlah keseluruhan kendalian kontena (Januari – Jun 2007: 3.4 juta TEUs; 46.7%). Sementara itu, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mencatat 2.8 juta TEUs, menyumbang 34.9% kepada jumlah kendalian kontena (Januari – Jun 2007: 2.7 juta TEUs; 37.4%). Menurut *Containerisation International*, pada tahun 2007, Pelabuhan Klang kekal di kedudukan ke-16 dari segi jumlah kendalian TEUs (2006: ke-16), manakala PTP pula meningkat ke kedudukan ke-18 (2006: ke-19). Bilangan kapal berlabuh di pelabuhan utama mencatat sejumlah 21,613 kapal (Januari – Jun 2007: 21,767), dengan Pelabuhan Klang menguasai 38.9% daripada jumlah keseluruhan kapal berlabuh (Januari – Jun 2007: 38.5%).

Usaha bersepadu sedang giat dijalankan untuk terus menambah baik kapasiti dan daya saing pelabuhan domestik bagi memenuhi peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pelabuhan yang cekap. Antara usaha yang sedang dilaksanakan, termasuk pendalaman dermaga dan penambahan bilangan tambatan kapal untuk memenuhi keperluan kapal bersaiz besar serta menarik lebih banyak syarikat perkapalan utama. Pelbagai inisiatif sedang dijalankan untuk menambah baik kemudahan dan perkhidmatan bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan masa pengendalian kapal yang dijangka merancakkan lagi operasi pelabuhan. Penawaran pelbagai perkhidmatan tambah nilai seperti pusat pengagihan (*distripark*), hab halal, penggudangan, storan sejuk dan Zon Perdagangan Bebas dijangka terus menyokong pertumbuhan segmen ini.

Pertumbuhan dalam segmen pengangkutan darat dijangka kukuh pada tahun 2008, disokong oleh peningkatan bilangan penumpang dan penambahbaikan kemudahan, perkhidmatan serta infrastruktur darat dan rel. Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, bilangan kenderaan di lebuh raya bertol meningkat 8.9% kepada 611.6 juta (Januari – Jun 2007: 3.1%; 561.7 juta). Ini

berikutan kerja-kerja menaik taraf lebuh raya dan penyempurnaan projek lebuh raya seperti *Butterworth Outer Ring Road* dan *Stormwater Management and Road Tunnel* atau SMART serta lebuh raya Kuala Lumpur – Putrajaya. Sementara itu, purata harian bilangan penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas RapidKL meningkat 11.9% kepada 385,413 penumpang dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 344,532), disebabkan sebahagian besarnya oleh peningkatan kekerapan, kualiti dan peluasan kawasan perkhidmatan. Tambahan pula, RapidPenang yang mula beroperasi pada bulan Ogos 2007 telah merekodkan sejumlah 14.2 juta penumpang pada akhir bulan Jun 2008. Pertambahan bilangan penumpang sebahagiannya juga disebabkan oleh peralihan penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam berikutan peningkatan harga bahan api berkuat kuasa 5 Jun 2008.

Jumlah penumpang perkhidmatan rel bandar di Lembah Klang (Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, KL Monorel, *Express Rail Link* dan KTM Komuter) meningkat 2.1% kepada 83.7 juta penumpang dalam tempoh separuh pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 3.7%; 82 juta). Beberapa inisiatif sedang dilaksanakan untuk menaik taraf pengangkutan darat dan rel bandar. Inisiatif ini termasuk menambah baik sistem pengangkutan berintegrasi yang berterusan, terutamanya melalui peningkatan penyambungan, rangkaian dan sistem maklumat serta menaik taraf mesin jualan tiket di stesen. Selaras dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam, usaha sedang giat dijalankan untuk meningkatkan penyambungan Aliran Kelana Jaya dan Aliran Ampang ke kawasan lain. Aliran ini akan dilanjutkan lagi dari Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights yang merupakan stesen pertukaran bagi kedua-dua aliran tersebut.

Bilangan penumpang Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) antara bandar kekal pada 1.7 juta penumpang dalam tempoh separuh pertama 2008, manakala kutipan hasil penumpang meningkat 3.5% kepada RM35.8 juta (Januari – Jun 2007: -2.7%; RM34.6 juta), terutamanya berikutan peningkatan jumlah penumpang jarak jauh. Hasil daripada perkhidmatan barang yang merupakan penyumbang utama kepada pendapatan KTMB meningkat secara marginal sebanyak 0.2% kepada RM58.8 juta,

disokong oleh peningkatan dalam pengangkutan bahan binaan bagi aktiviti pembinaan.

Prospek pertumbuhan segmen pengangkutan darat dijangka kekal menggalakkan, berikutan penambahbaikan berterusan dalam infrastruktur pengangkutan awam seperti pembinaan terminal pengangkutan bersepadu (Bandar Tasik Selatan), pembinaan lebuh raya baru (Senai – Desaru, Pantai Timur Fasa 2, Duta – Ulu Kelang, Kajang – Seremban dan Kemuning – Shah Alam) dan projek landasan berkembar elektrik (Sentul – Batu Caves, Seremban – Gemas dan Ipoh – Padang Besar) serta peningkatan kapasiti rel dengan penambahan gerabak penumpang. Penyempurnaan projek landasan berkembar elektrik Rawang – Ipoh pada bulan Disember 2007 dijangka membolehkan perkhidmatan KTM Komuter disambungkan ke Tanjung Malim menjelang tahun 2009.

Pertumbuhan segmen pengangkutan udara kekal memberangsangkan dalam tempoh enam bulan pertama 2008, meskipun dalam keadaan pengurusan operasi yang mencabar berikutan kenaikan harga bahan api global. Pertumbuhan segmen ini disokong oleh peluasan rangkaian yang berterusan, penambahan bilangan pesawat, aktiviti promosi yang agresif serta penawaran tambang kompetitif oleh syarikat penerbangan tempatan. Bilangan penumpang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia mencatat pertumbuhan 5.3% kepada 11.9 juta penumpang (Januari – Jun 2007: -0.1%; 11.3 juta), berikutan peningkatan permintaan penerbangan tambang murah dan liberalisasi laluan penerbangan Kuala Lumpur – Singapura pada bulan Februari 2008. Jumlah kargo yang dikendalikan oleh kedua-dua syarikat penerbangan tersebut pula kembali cergas sebanyak 10.4% kepada 277 juta tan metrik (Januari – Jun 2007: -6.1%; 251 juta tan metrik), berikutan peningkatan kapasiti dan rangkaian. Tambahan pula, pengoperasian syarikat penerbangan baru seperti Firefly (April 2007), MASWings (Oktober 2007) dan AirAsia X (November 2007) turut menyumbang kepada pertumbuhan segmen ini. Sejak permulaan operasi sehingga akhir bulan Jun 2008, Firefly telah mencatat bilangan penumpang seramai 274,271 dan MASWings seramai 499,027 penumpang, manakala bilangan penumpang AirAsia X adalah seramai 111,428.

Bilangan penumpang di semua lapangan terbang dalam negara mencatat pertumbuhan menggalakkan sebanyak 8.7% kepada 23.9 juta penumpang dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 2.1%; 22 juta). Bilangan penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah mencatat pertumbuhan sebanyak 7.7% kepada 13.5 juta penumpang (Januari – Jun 2007: 7.3%; 12.5 juta), disokong oleh pengoperasian syarikat penerbangan baru dan pertambahan bilangan ketibaan pelancong. Sehingga akhir bulan Jun 2008, bilangan syarikat penerbangan yang beroperasi di KLIA meningkat kepada 54 syarikat (akhir Jun 2007: 48), didorong oleh aktiviti pemasaran yang giat berserta penawaran pakej insentif yang menarik dan penambahbaikan kemudahan yang disediakan di lapangan terbang tersebut. Jumlah kargo udara yang dikendalikan di semua lapangan terbang dalam negara kembali cergas sebanyak 5.4% kepada 491 juta tan metrik (Januari – Jun 2007: -9.6%; 466 juta tan metrik). Sementara itu, kendalian kargo udara di KLIA juga meningkat 17.7% kepada 345 juta tan metrik (Januari – Jun 2007: -9.3%; 293 juta tan metrik).

Industri pengangkutan udara domestik dijangka kekal kompetitif walaupun dalam persekitaran harga bahan api yang tinggi dan liberalisasi industri udara yang progresif. Selain meningkatkan surcay bahan api bagi menampung peningkatan kos operasi, syarikat penerbangan turut mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan keselesaan dan perkhidmatan mesra pelanggan, termasuk penambahbaikan perkhidmatan e-tiket dan kiosk *self check-in* untuk mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti. Industri penerbangan tambang murah dijangka terus berkembang dengan penambahbaikan Terminal Tambang Murah di KLIA yang dijadualkan siap pada awal tahun 2009 bagi menampung 15 juta penumpang berbanding 10 juta pada masa kini. Industri pengangkutan udara dijangka terus mendapat faedah daripada penganjuran *World Route Development Forum* yang ke-14 di Kuala Lumpur oleh *Malaysia Airports Holding Berhad* pada bulan Oktober 2008. Sebagai negara penganjur pertama di Asia, forum ini akan memberi manfaat kepada Malaysia dari segi peluang perniagaan baru melalui usaha sama dan jalinan serta memperluas rangkaian dengan industri udara antarabangsa.

Subsektor komunikasi dijangka berkembang 8.0% pada tahun 2008 (2007: 7.0%), disokong oleh pertumbuhan ketara dalam industri telekomunikasi, terutamanya berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan selular dan jalur lebar. Prestasi segmen selular kekal memberangsangkan, terutamanya hasil daripada peningkatan penggunaan perkhidmatan data, suara dan multimedia. Pada akhir bulan Jun 2008, kadar langganan telefon selular berkembang 18.2% kepada 25.1 juta (akhir Jun 2007: -1.4%; 21.2 juta) dengan nisbah langganan prabayar dan pasca bayar sebanyak 80:20. Pasaran selular di Malaysia adalah antara pasaran matang di rantau ini dengan kadar penembusan 90.6%, menjadikan Malaysia negara kedua tertinggi di Asia Tenggara selepas Singapura. Pertumbuhan dalam segmen selular dipacu oleh persaingan agresif dan penambahbaikan kualiti perkhidmatan oleh pembekal perkhidmatan. Tambahan lagi, dengan pelan *Mobile Number Portability* yang bakal dilancarkan dan kemasukan *Mobile Virtual Network Operators* dijangka merancakkan lagi persaingan dalam industri telekomunikasi.

Di samping itu, peningkatan penggunaan perkhidmatan data seperti yang ditunjukkan oleh penggunaan perkhidmatan pesanan pendek (SMS) telah turut menyumbang kepada perkembangan segmen ini. Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, bilangan SMS mencatat kadar pertumbuhan ketara sebanyak 35.9% mencapai 34.2 bilion (Januari – Jun 2007: 67.1%; 25.2 bilion), terutamanya berikutan kadar penggunaannya yang tinggi pada pilihan raya umum 2008. Tambahan lagi, pada akhir bulan Jun 2008, jumlah langganan perkhidmatan generasi ketiga (3G) melonjak 201.1% kepada 2.5 juta dipacu, terutamanya oleh harga yang berpatutan dan peningkatan permintaan bagi aplikasi jalur lebar mudah alih (akhir Jun 2007: 319.2%; 830,000). Penggunaan 3G dijangka mencapai 3.9 juta langganan pada akhir tahun 2008.

Segmen jalur lebar terus berkembang 51.6% kepada 1.7 juta pelanggan dengan kadar penembusan sebanyak 6.1% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir Jun 2007: 69.1%; 1.1 juta; 4.1%). Peningkatan ini adalah berikutan penawaran perkhidmatan secara pakej dan pelan harga inovatif serta peningkatan kualiti perkhidmatan. Pertumbuhan dalam segmen ini dijangka kekal

cergas apabila Kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk memperluas penggunaan jalur lebar di seluruh negara. Ini termasuk penubuhan Jawatankuasa Kabinet Jalur Lebar pada bulan Mei 2007 serta usaha sama awam-swasta bersama Telekom Malaysia (TM) untuk melaksanakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi meliputi 2.27 juta premis dalam tempoh 10 tahun. Tambahan pula, Kerajaan telah mengumumkan beberapa insentif fiskal dalam Bajet 2008 untuk meningkatkan penggunaan jalur lebar, termasuk elaun cukai infrastruktur *last-mile*, pengecualian cukai jualan dan duti import bagi peralatan jalur lebar serta potongan cukai kepada majikan yang menyediakan manfaat jalur lebar kepada kakitangan.

Bagi jalur lebar tanpa wayar, pelaksanaan perkhidmatan *hotspot* di Malaysia semakin meluas. Sehingga akhir bulan Jun 2008, bilangan *hotspot* tanpa wayar di seluruh negara meningkat kepada 1,756 lokasi (akhir Jun 2007: 1,463), dengan Selangor dan Kuala Lumpur mewakili 55.8% daripada jumlah keseluruhan lokasi *hotspot*. Tambahan lagi, untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya tanpa wayar menjelang tahun 2010, projek *KL Wireless Metropolitan* yang digariskan di bawah inisiatif *Klang Valley Broadband Push 90* mensasarkan pelaksanaan sebanyak 1,500 *Wireless Fidelity* atau Wi-Fi *hotspot* di beberapa kawasan terpilih di Kuala Lumpur menjelang bulan Januari 2009. Projek ini dijangka dapat menyediakan perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar secara percuma kepada penduduk Kuala Lumpur bagi tempoh dua tahun. Setelah dilaksanakan sepenuhnya, projek ini akan membolehkan 80% daripada penduduk Kuala Lumpur mendapat akses perkhidmatan jalur lebar. Di samping itu, teknologi *Worldwide Interoperability for Microwave Access* atau WiMAX dijangka menyumbang dengan ketara bagi mencapai sasaran Informasi, Komunikasi dan Perkhidmatan Multimedia Malaysia 886 sebanyak 50% kadar penembusan jalur lebar isi rumah menjelang tahun 2010.

Pada akhir bulan Jun 2008, bilangan pelanggan internet *dial-up* menguncup secara marginal sebanyak 0.1% kepada 3.9 juta pelanggan (akhir Jun 2007: 3.6%; 3.9 juta). Kadar pertumbuhan bagi internet *dial-up* adalah rendah dan trend ini dijangka berterusan berikutan bahagian pasaran perkhidmatan jalur lebar yang semakin meningkat,

terutamanya disebabkan oleh perubahan gaya hidup dan penggunaannya yang lebih mudah. Jumlah langganan talian tetap pula menguncup 1.0% kepada 4.3 juta (akhir Jun 2007: 0.3%; 4.4 juta), berikutan perkhidmatan telefon selular yang semakin digemari.

Bagi perkhidmatan penyiaran, langganan perkhidmatan televisyen satelit berbayar, ASTRO, telah mencatat 2.4 juta pelanggan dengan kadar penembusan isi rumah sebanyak 42.2% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir Jun 2007: 2.3 juta; 35.8%). Pertumbuhan yang menggalakkan ini adalah berikutan peningkatan kualiti perkhidmatan yang berterusan dan tawaran pakej menarik bagi memenuhi cita rasa pelanggan. Momentum pertumbuhan langganan dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2008, terutamanya berikutan penyiaran Sukan Olimpik Beijing 2008.

Aktiviti perkhidmatan kiriman pos yang dikendalikan oleh Pos Malaysia Berhad (PMB) merekodkan pertumbuhan jumlah pendapatan sebanyak 8.8% kepada RM470.6 juta dalam tempoh separuh pertama 2008, berikutan peningkatan jumlah kendalian mel dan kurier (Januari – Jun 2007: 3.8%; RM432.7 juta). Jumlah kendalian mel menguncup 2.0% kepada 672.6 juta item (Januari – Jun 2007: 4.0%; 686.5 juta), terutamanya berikutan persaingan daripada pembekal perkhidmatan lain dan migrasi pelanggan kepada mod komunikasi elektronik. Di samping itu, aktiviti kurier terus mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 70.0% dengan kendalian 8 juta item (Januari – Jun 2007: 14.0%; 4.7 juta). Ini didorong oleh peningkatan kuantiti perniagaan daripada pelanggan kontrak serta pelaksanaan POS *Integrated Track and Trace Information System*. Jumlah transaksi melalui kaunter di semua pejabat pos di seluruh negara dijangka meningkat, terutamanya dalam tempoh separuh kedua 2008, berikutan pengendalian pembayaran subsidi minyak oleh PMB kepada pemilik kenderaan persendirian yang layak mulai 14 Jun 2008 hingga 31 Mac 2009.

Pertumbuhan **subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** dijangka berkembang 4.3% pada tahun 2008 (2007: 18.2%), disokong oleh aktiviti harta tanah yang stabil. Pertumbuhan segmen perkhidmatan perniagaan pula dijangka perlahan seiring dengan kelembapan prestasi

pasaran ekuiti global. Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, aktiviti dagangan di Bursa Malaysia menguncup 60.1% dengan purata dagangan harian sebanyak 679.9 juta unit (Januari – Jun 2007: 98.8%; 1,705.1 juta unit), seterusnya menyebabkan penurunan dalam pendapatan broker. Jumlah urusan harta tanah berkembang 20.1% kepada 171,564 urusan (Januari – Jun 2007: 8.8%; 142,886), terutamanya dalam subsektor kediaman dan seterusnya meningkatkan nilai transaksi sebanyak 39.5% kepada RM46.5 bilion (Januari – Jun 2007: 11.7%; RM33.3 bilion). Tambahan lagi, pinjaman yang diluluskan untuk pembelian harta kediaman meningkat 43.1% kepada RM30 bilion (Januari – Jun 2007: 27.8%; RM21 bilion) dan pinjaman yang diluluskan untuk pembelian harta bukan kediaman berkembang 43.1% kepada RM17 bilion (Januari – Jun 2007: 71.5%; RM11.9 bilion).

Pertumbuhan bagi segmen perkhidmatan perniagaan juga disokong oleh peningkatan aktiviti penyumberan luar dan permintaan yang lebih tinggi bagi perkhidmatan berkaitan teknologi maklumat (IT). Prestasi aktiviti perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar (SSO) yang meliputi penyumberan luar proses perniagaan dijangka kekal menggalakkan seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan stabil dalam bilangan *back-office processing* dan syarikat berkaitan sokongan pelanggan. Sepanjang enam bulan pertama 2008, sejumlah 70 pertubuhan serantau telah diluluskan di Malaysia yang terdiri daripada enam ibu pejabat operasi, dua pusat perolehan antarabangsa, satu pusat pengagihan serantau, 28 pejabat serantau dan 33 pejabat perwakilan. Di samping menyediakan peluang pekerjaan berasaskan pengetahuan dan bernilai tambah, pertubuhan serantau ini juga dijangka meningkatkan jaringan dan hubungan antarabangsa dengan syarikat global.

Prospek bagi aktiviti penyumberan luar dijangka kekal positif dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai lokasi pilihan bagi perkhidmatan SSO yang bernilai tinggi serta sebagai pusat sehenti penyumberan luar untuk syarikat multinasional. Menurut *A.T. Kearney Global Services Location Index*, Malaysia kekal sebagai destinasi ketiga terbaik di dunia bagi aktiviti penyumberan luar selepas India dan China sejak tiga tahun yang lalu. Kedudukan tersebut

mengambil kira tiga kategori utama iaitu daya tarikan kewangan, pekerja dan kemahiran yang sedia ada serta persekitaran perniagaan.

Sejak 12 tahun penubuhan sehingga akhir bulan Jun 2008, Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) telah menyumbang dengan ketara terhadap pembangunan industri IT, mewujudkan sebanyak 2,076 syarikat di kawasan MSC Malaysia yang terlibat dalam empat kluster teknologi. Empat kluster tersebut terdiri daripada *Software and eSolutions* (77.8%), *Creative Multimedia* (10.7%), SSO (7.2%) serta institusi pengajian tinggi dan inkubator (4.3%). Dalam tempoh separuh pertama 2008, sebanyak 82 syarikat telah diberi status MSC Malaysia (Januari – Jun 2007: 123). Dalam tempoh tiga tahun beroperasi, kesemua syarikat ini dijangka menyediakan 10,258 peluang pekerjaan dan menjana pelaburan sebanyak RM641 juta. Kini, terdapat 13 MSC Malaysia *Cybercities* dan *Cybercentres* di seluruh negara, termasuk i-City dan Menara TM yang telah diberi taraf MSC Malaysia *Cybercentre* pada bulan Mei 2008. Dalam tempoh 2008 – 2010, pelaksanaan MSC Malaysia ke Putra Square (Pahang), Kuching (Sarawak) dan Kota Kinabalu (Sabah) dijangka terus merencanakan segmen perkhidmatan perniagaan. Tambahan pula, pengumuman Kongres Dunia Teknologi Maklumat (WCIT) yang ke-16 pada bulan Mei 2008 di Kuala Lumpur telah membuka peluang bagi syarikat IT tempatan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan mereka di peringkat global.

Subsektor utiliti dianggap berkembang 4.3% mencerminkan permintaan kukuh bekalan elektrik dan air pada tahun 2008 (2007: 3.9%). Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, penjanaan elektrik meningkat 3.7% (Januari – Jun 2007: 4.4%), manakala jualan elektrik berkembang 5.8% berikutan peningkatan permintaan daripada segmen industri, komersial dan isi rumah (Januari – Jun 2007: 4.8%). Segmen industri telah menyumbang 46.9% daripada jumlah keseluruhan penggunaan elektrik, diikuti oleh komersial (32.1%) dan isi rumah (19.6%). Permintaan maksimum bekalan elektrik mencecah tahap tertinggi pada 14,007 megawatt (MW) pada bulan Mei 2008 (Januari – Jun 2007: 13,409 MW; Mac). Sementara itu, bekalan air kepada pengguna meningkat 2.1% kepada 12,837 juta liter sehari (mld) (Januari – Jun 2007: 3.3%; 12,573 mld).

Subsektor perkhidmatan kerajaan dianggar tumbuh pada kadar perlahan sebanyak 4.2% pada tahun 2008 (2007: 4.5%), sebahagiannya berikutan langkah terbaru Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ini akan didorong oleh kecekapan dan peningkatan produktiviti serta usaha berterusan dalam penyediaan keperluan asas yang berkualiti tinggi.

Pertumbuhan **subsektor perkhidmatan lain** dijangka mapan pada kadar 5.4% pada tahun 2008 (2007: 5.0%), disokong terutamanya oleh peningkatan aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta. Sehingga akhir bulan Jun 2008, terdapat 525 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), termasuk 37 universiti dan kolej universiti serta 488 kolej swasta. Jumlah enrolmen keseluruhan pelajar asing di institusi pengajian tinggi dijangka meningkat 7.5% kepada 51,530 pelajar pada tahun 2008 (2007: 8.0%; 47,928) dengan 42,300 pelajar di IPTS dan selebihnya di IPTA. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah ditubuhkan pada 1 November 2007, berikutan penggabungan Lembaga Akreditasi Negara dan Bahagian Jaminan Kualiti, Kementerian Pengajian Tinggi. MQA berperanan untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan pusat rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan. Sementara itu, berikutan promosi pelancongan kesihatan yang agresif, jumlah pelancong asing yang mendapatkan rawatan di hospital swasta dijangka meningkat 15.0% kepada 392,482 pesakit, menjana jumlah pendapatan sebanyak RM329.9 juta pada tahun 2008 (2007: 15.0%; 341,288; RM253.8 juta). Kini, majoriti daripada mereka adalah dari Indonesia (78.0%), diikuti oleh Jepun, Eropah, India dan China.

Sektor Pembuatan

Pertumbuhan dipacu industri berorientasi domestik...

Sektor pembuatan dijangka mencatat pertumbuhan 4.7% pada tahun 2008 (2007: 3.1%), dipacu oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam industri berorientasi domestik. Manakala, industri berorientasi eksport dijangka mencatat

pertumbuhan yang sederhana kesan daripada pengembangan pengeluaran E&E yang perlahan. Walau bagaimanapun, pengeluaran bagi industri petroleum, getah serta jentera dan kelengkapan dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh. Pada keseluruhannya, sektor pembuatan merekodkan pertumbuhan yang lebih tinggi pada kadar 5.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 0.4%). Prestasi positif sektor pembuatan ini ditunjukkan oleh nilai jualan produk pembuatan yang meningkat 15.9% kepada RM287 bilion (Januari – Jun 2007: 3.0%; RM248 bilion). Kadar kapasiti penggunaan bagi sektor pembuatan kekal tinggi pada 82.6% (Q1 2008: 83.0%) dalam tempoh suku kedua 2008.

Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, **industri berorientasi domestik** berkembang kukuh sebanyak 9.9% (Januari – Jun 2007: 4.1%) kesan daripada pertumbuhan yang lebih tinggi bagi kebanyakan subsektor seperti di *Jadual 3.3*. Prestasi industri kelengkapan pengangkutan, industri berkaitan pembinaan serta industri produk makanan berkembang baik dan mencatat pertumbuhan yang teguh.

Output **industri kelengkapan pengangkutan** melonjak dengan ketara pada kadar 27.1% (Januari – Jun 2007: -17.4%), dipacu sebahagian besarnya oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi kenderaan bermotor (26.8%), alat ganti dan aksesori (29.1%) serta peralatan pengangkutan lain (22.0%). Pertumbuhan pengeluaran kenderaan bermotor didorong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi kereta penumpang lebih 1,500 cc (87.5%), motosikal dan skuter (22.1%), kenderaan perdagangan (12.4%) dan kereta penumpang di bawah 1,500 cc (9.1%). Ini ekoran permintaan tinggi yang dijana menerusi pelancaran model baru pada harga yang berpatutan dan kemudahan pembiayaan yang menarik. Permintaan yang tinggi ini dicerminkan dalam jualan kenderaan bermotor dalam tempoh enam bulan pertama 2008. Jualan kenderaan bermotor baru meningkat dengan ketara sebanyak 25.9% kepada 277,973 unit (Januari – Jun 2007: 220,739 unit), iaitu 254,252 unit adalah kereta penumpang. Walau bagaimanapun, pengeluaran kenderaan bermotor khususnya kenderaan penumpang lebih 1,500 cc dijangka tumbuh perlahan dalam tempoh separuh kedua 2008 disebabkan oleh harga minyak yang tinggi dan kebimbangan terhadap prospek inflasi

JADUAL 3.3

**Indeks Pengeluaran Pembuatan
Januari – Jun
(2000 = 100)**

Industri	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2007	2008	2007	2008	2007	2008
Industri berorientasi eksport	134.7	138.2	-1.8	2.7	62.3	60.7
Produk elektronik dan elektrik	132.8	135.9	-5.2	2.4	37.3	36.2
Produk berasaskan petroleum	169.7	174.9	8.1	3.1	13.2	12.9
Tekstil, pakaian dan kasut	79.5	81.1	-10.9	1.9	2.2	2.1
Kayu dan produk kayu	114.2	107.4	2.9	-6.0	3.1	2.7
Produk berasaskan getah	150.9	157.2	9.5	4.2	3.7	3.7
Jentera dan kelengkapan	109.0	128.2	-14.8	17.6	1.6	1.8
Instrumen saintifik, optik dan perubatan	124.2	131.5	8.5	5.8	1.2	1.2
Industri berorientasi domestik	142.2	156.4	4.1	9.9	37.7	39.3
Kimia dan produk kimia	152.2	154.4	9.2	1.4	9.9	9.6
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	113.5	122.9	0.5	8.3	3.9	4.0
Produk plastik	170.4	181.5	-4.3	6.5	5.1	5.2
Produk makanan	145.5	160.0	11.7	10.0	4.0	4.1
Kelengkapan pengangkutan	129.1	164.1	-17.4	27.1	3.1	3.7
Pemprosesan luar estetik	118.5	141.1	-7.5	19.1	2.8	3.1
Produk logam yang direka	180.8	207.4	22.0	14.7	4.1	4.4
Logam asas	119.4	139.4	15.4	16.8	2.1	2.4
Kertas dan produk kertas	144.7	157.2	13.9	8.6	2.0	2.1
Minuman	116.9	126.1	9.0	7.9	0.5	0.5
Produk tembakau	88.0	97.3	3.2	10.5	0.2	0.2
Jumlah	137.4	144.9	0.4	5.4	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

yang mengakibatkan pengguna menangguhkan pembelian kenderaan bermotor.

Output **industri berkaitan pembinaan** terus berkembang 13.3% (Januari – Jun 2007: 11.0%) berikutan pertambahan permintaan bagi produk logam yang direka, besi asas serta produk galian bukan logam dan produk lain yang berkaitan, seperti di *Jadual 3.4*. Pengeluaran produk logam yang direka dan besi asas mencatat pertumbuhan 14.7% dan 16.8% (Januari – Jun 2007: 22.0%; 15.4%). Pertumbuhan ini berikutan permintaan yang tinggi daripada projek berkaitan pembinaan, kerja kejuruteraan awam, kerja pengubahsuaian dan penyelenggaraan serta pembinaan bangunan bukan kediaman. Di samping itu, kepesatan pembangunan industri minyak dan gas telah meningkatkan permintaan keluli bagi kegunaan aktiviti pembinaan yang berkaitan dengan minyak dan gas. Pemansuhan harga siling bar keluli dan bilet serta liberalisasi import akan menangani kekurangan bekalan serta meningkatkan daya saing industri keluli tempatan. Begitu juga,

JADUAL 3.4


**Pertumbuhan Industri Berkaitan Pembinaan
Januari – Jun
(2000 = 100)**

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2007	2008	2007	2008
Industri Berkaitan Pembinaan	11.0	13.3	8.3	9.0
Kaca dan produk kaca	-3.2	15.2	1.5	1.7
Produk galian bukan logam (t.s.t.l.)	3.1	3.8	2.3	2.3
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	52.7	15.2	1.7	1.8
Dawai, produk dawai dan kancing logam	-9.4	38.5	0.7	0.9
Besi asas dan keluli	26.6	8.3	1.0	1.1
Logam asas berharga dan bukan ferus	9.1	23.4	1.1	1.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.2

Prestasi Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

output galian bukan logam dan produk berkaitan secara kumpulan mencatat pertumbuhan 8.3% (Januari – Jun 2007: 0.5%), terutamanya didorong oleh pertumbuhan dua angka bagi kaca dan produk kaca sebanyak 15.2% (Januari – Jun 2007: -3.2%). Pengeluaran simen hidraul terus berkembang 4.2% (Januari – Jun 2007: 11.4%), sementara lain-lain produk konkrit, simen dan plaster meningkat kukuh 19.9% (Januari – Jun 2007: 8.1%). Output simen dijangka meningkat setelah harga kawalan pentadbiran bagi simen dimansuhkan pada 5 Jun 2008.

Walaupun harga input global untuk barangan seperti tepung, minyak makanan dan susu meningkat, pengeluaran **makanan dan minuman** terus berkembang. Output makanan meningkat 10.0% (Januari – Jun 2007: 11.7%) sementara minuman pula menokok 7.9% (Januari – Jun 2007: 9.0%). Meskipun sentimen pengguna terjejas oleh jangkaan kenaikan inflasi akibat peningkatan harga bahan api global, masih terdapat pertumbuhan pengeluaran produk makanan dan minuman seperti susu tepung penuh krim (86.1%), beras (12.3%), tepung gandum

(5.2%), marjerin (15.5%) dan minuman tidak beralkohol (5.6%). Sementara itu, pengeluaran udang beku pula menurun 7.1% berikutan beberapa pengeksport tempatan menghentikan buat sementara pengeluaran udang beku bagi menambah baik kemudahan pengeluaran untuk memenuhi standard kesihatan dan keselamatan makanan Kesatuan Eropah (EU).

Output **kimia dan produk kimia** meningkat 1.4% (Januari – Jun 2007: 9.2%), disumbang terutamanya oleh pengeluaran racun perosak dan produk kimia pertanian lain, begitu juga sabun dan bahan cuci menunjukkan pertumbuhan yang kukuh pada kadar 34.3% dan 21.8% (Januari – Jun 2007: 16.3%; -15.6%). Pertumbuhan ini ditunjukkan melalui jualan bagi racun perosak dan produk kimia pertanian lain yang meningkat 82.0% (Januari – Jun 2007: 5.5%), berpunca daripada permintaan dalam dan luar negara serta harga yang lebih tinggi. Sementara itu, jualan bagi sabun dan bahan cuci melonjak 73.3% (Januari – Jun 2007: -1.7%). Selain itu, pengeluaran bagi subsektor produk farmaseutikal, kimia perubatan dan botani menyusut 11.9% (Januari – Jun 2007: -34.1%), sebahagiannya disebabkan peralihan pengeluaran kepada produk khusus yang memberi pulangan yang lebih lumayan. Peralihan ini dapat dibuktikan daripada peningkatan jualan produk ini sebanyak 21.9% kepada RM720 juta. Jumlah jualan 2008 dijangka melebihi RM1 bilion yang mana 50% merupakan jualan eksport. Penduduk yang semakin berumur dan peningkatan kekayaan individu di rantau ini dijangka memberi dorongan kepada pertumbuhan industri farmasi dan bahan kimia perubatan di Malaysia. Sementara itu, output bahan kimia asas secara kumpulan menurun sebanyak 1.5% (Januari – Jun 2007: 11.9%) disebabkan oleh pengeluaran baja (-10.0%) dan gas industri (-9.0%) yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam pengeluaran plastik dalam bentuk utama sebanyak 5.3% telah mengimbangi penurunan pengeluaran bahan kimia asas, berikutan permintaan yang lebih tinggi daripada industri pembungkusan plastik.

Output **produk plastik** meningkat dengan ketara pada kadar 6.5% (Januari – Jun 2007: -4.3%) diterajui oleh permintaan yang lebih tinggi daripada industri kelengkapan pengangkutan. Peningkatan

ini dicerminkan oleh pertumbuhan yang kukuh dalam komponen seperti produk tiupan teracu plastik (16.6%) dan produk penonjolan plastik (14.5%). Tambahan pula, pemulihan ketara dalam pengeluaran komputer dan perisian komputer turut menyokong permintaan bagi produk plastik.

Pengeluaran **industri berorientasi eksport** mencatat pertumbuhan 2.7% (Januari – Jun 2007: -1.8%), berikutan pemulihan sederhana dalam permintaan global bagi semikonduktor dan produk elektrik serta komponen lain. Pengeluaran produk **E&E** meningkat 2.4% (Januari – Jun 2007: -5.2%) dipacu oleh pengeluaran mesin pejabat, perakaunan dan pengira serta alat pandang dengar dan kelengkapan komunikasi yang lebih tinggi, seperti di *Jadual 3.5*. Semikonduktor dan komponen elektronik, merangkumi 23.3% daripada jumlah pengeluaran sektor pembuatan telah meningkat 1.5% (Januari – Jun 2007: -0.2%). Pertambahan permintaan semikonduktor dari pasaran bukan AS telah mengimbangi permintaan yang berkurangan dari AS. Kelemahan pasaran AS dapat dilihat melalui nisbah *book-to-bill* sebanyak 0.81 yang dikeluarkan oleh pengeluar peralatan semikonduktor Amerika Utara pada Jun 2008. Tambahan pula, pengeluaran mesin

JADUAL 3.5


Pertumbuhan Industri E&E
Januari – Jun
(2000 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2007	2008	2007	2008
Jumlah Pembuatan	0.4	5.4	100.0	100.0
Jumlah produk E&E	-5.2	2.4	37.3	36.2
Semikonduktor dan lain-lain komponen	-0.2	1.5	24.2	23.3
Perkakas komunikasi dan visual audio	-12.6	4.3	5.1	5.1
Mesin pejabat, perakaunan dan pengiraan	-17.4	7.0	6.1	6.2
Jentera dan perkakas elektrik	12.9	-4.0	1.8	1.6
Peralatan domestik	-53.0	-36.8	0.2	0.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.3

Prestasi Industri Berorientasi Domestik Terpilih
(% perubahan tahunan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

pejabat, mesin perakaunan dan mesin pengira mencatat pemulihan 7.0% (Januari – Jun 2007: -17.4%), terutamanya disumbang oleh peningkatan pengeluaran komputer dan peranti komputer (10.7%), ekoran peningkatan permintaan dari pasaran berkembang pesat. Peningkatan dari pasaran bukan AS ini adalah berdasarkan laporan Persatuan Industri Semikonduktor yang menunjukkan bahawa sumbangan AS kepada jumlah jualan global komputer peribadi telah berkurangan kepada 21% daripada 31% sebelum ini. Pengeluaran alat pandang dengar dan peralatan komunikasi meningkat 4.3% disokong oleh peningkatan pengeluaran televisyen dan radio rakaman bunyi atau video (24.8%), yang juga menyumbang kepada prestasi yang baik dalam subsektor E&E. Ekoran peningkatan permintaan televisyen plasma dan *liquid crystal display*, banyak syarikat tempatan beralih daripada pengeluaran televisyen *cathode ray tube*. Justeru, Malaysia muncul semula sebagai salah satu pengeksport terbesar televisyen di peringkat global.

CARTA 3.4

Output Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Output **produk petroleum** berkembang 3.1% (Januari – Jun 2007: 8.1%) disokong oleh harga yang lebih baik serta permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara. Pengeluaran yang tinggi bagi produk petroleum bertapis, terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak bahan api, minyak tanah, gas petroleum cecair dan gas asli cecair (LNG) bagi memenuhi permintaan luaran. Selain itu, permintaan domestik yang lebih tinggi daripada industri yang berintensif tenaga seperti keluli dan simen serta penjana kuasa elektrik persendirian turut menyokong pertumbuhan industri ini. Ini dicerminkan oleh jualan produk petroleum bertapis yang meningkat dengan ketara sebanyak 50.9% (Januari – Jun 2007: 0.8%) berikutan harga yang lebih baik dan permintaan luaran yang lebih tinggi.

Pengeluaran **industri berasaskan getah** meningkat 4.2% (Januari – Jun 2007: 9.5%) menyumbang 3.7% kepada jumlah pengeluaran sektor pembuatan. Tayar dan tiub getah mencatat pertumbuhan 7.2% (Januari – Jun 2007: 4.9%) berikutan permintaan yang meningkat bagi tayar

dan tiub yang berkualiti tinggi. Sementara itu, pengeluaran sarung tangan getah yang merupakan komponen terbesar industri berasaskan getah meningkat 3.5% (Januari – Jun 2007: 5.0%) dipacu oleh permintaan luaran yang berterusan khususnya daripada penggunaan wajib sarung tangan getah untuk pekerja kesihatan. Pengeluaran catheters berasaskan susu getah terus berkembang sebanyak 21.3% berikutan peningkatan dalam permintaan luaran yang dirancakkan oleh perluasan perkhidmatan perubatan global. Walau bagaimanapun, output **industri berasaskan kayu** menguncup 6.0% (Januari – Jun 2007: 2.9%) sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan pengeluaran papan lapis dan kepingan venir akibat permintaan luaran yang lembap. Selain daripada kesan kelembapan perumahan AS, aktiviti pembinaan perumahan yang perlahan di Jepun, yang merupakan pengimport terbesar papan lapis Malaysia, turut menyumbang kepada kelembapan prestasi subsektor ini. Namun demikian, baru-baru ini, harga eksport papan lapis telah pulih antara 5% hingga 7%, menunjukkan pemulihan dalam situasi stok berlebihan. Justeru, pengeluaran papan lapis dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2008.

Pengeluaran **industri tekstil, pakaian dan kasut** meningkat 1.9% (Januari – Jun 2007: -10.9%), terutamanya disokong oleh output yang tinggi dalam subsektor tekstil dan kasut yang telah mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 3.9% dan 48.1% (Januari – Jun 2007: -23.9%; -19.7%). Pengeluaran yang tinggi ini adalah ekoran pengeluar mengambil kesempatan terhadap pengukuhan ringgit bertujuan menaik taraf kemudahan pengeluaran dan menerima pakai strategi pemasaran yang lebih baik. Keadaan ini dicerminkan oleh pengeluaran yang tinggi bagi benang kapas (33.9%) dan kain kapas (40.4%). Di sebalik perkembangan positif ini, industri tekstil dan pakaian terus menghadapi beberapa cabaran. Pengeluar tekstil terpaksa berhadapan dengan persaingan sengit daripada negara pengeluar berkos rendah seperti China dan Viet Nam. Pada tahun 2009, AS akan memansuhkan kuota eksport ke atas China. Tindakan ini akan menjejaskan lagi pengeksport tekstil Malaysia memandangkan AS merupakan pasaran terbesar bagi negara. Oleh kerana industri ini terlalu bergantung kepada pekerja

asing, sebarang halangan ke atas mereka akan menjejaskan operasi industri ini. Sehubungan itu, pengeluar tekstil dan pakaian tempatan telah mengambil beberapa pendekatan, termasuk memindahkan tapak pengeluaran ke beberapa negara yang mempunyai kos buruh yang rendah tetapi mengekalkan kemudahan tempatan sebagai pusat reka bentuk dan pembangunan. Pengeluar tempatan juga memulakan penyelidikan dan pembangunan untuk menaikkan nilai rantai yang lebih tinggi kepada produk khusus seperti fabrik bebas kedut dan tahan api serta fabrik fungsian bagi mengelak industri ini menjadi malap.

Pengeluaran **industri jentera dan kelengkapan** berkembang 17.6% (Januari – Jun 2007: -14.8%), ekoran permintaan lebih tinggi bagi penyaman udara untuk industri, mesin penyejuk dan pengalih udara yang telah mencatat pertumbuhan yang mendadak sebanyak 20.8% (Januari – Jun 2007: -11.2%). Tambahan pula, pengeluaran pam, pemampat, kepala paip dan injap meningkat 10.8% (Januari – Jun 2007: -21.6%) berikutan permintaan luaran yang lebih tinggi. Sementara itu, pengeluaran **instrumen perubatan, optik dan saintifik** meningkat 5.8% (Januari – Jun 2007: 8.5%), sebahagian besarnya didorong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi subsektor perkakasan dan instrumen perubatan yang telah meningkat 7.3% (Januari – Jun 2007: 6.0%) daripada pasaran global serta domestik. Selain itu, jam tangan dan jam yang mencatat pertumbuhan 15.9% (Januari – Jun 2007: 10.0%) turut memberi sumbangan yang ketara kepada prestasi industri ini.

Sektor Pertanian

Pengeluaran minyak sawit dalam kitaran meningkat...

Sektor pertanian dijangka kukuh 3.6% pada tahun 2008 (2007: 2.2%), seperti di *Jadual 3.6*, disokong oleh subsektor kelapa sawit, pertanian lain dan penternakan. Pelaksanaan pelbagai program pertanian diterajui oleh sektor swasta seperti Taman Kekal Pengeluaran Pertanian, *Agro-Entrepreneur*, Ladang Kontrak, Pusat Fidlot

Kebangsaan dan Zon Industri Akuakultur, dijangka meningkatkan lagi peranan sektor pertanian dalam menjana pertumbuhan ekonomi. Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dijangka kekal stabil 7.5% pada tahun 2008 (2007: 7.6%).

Nilai ditambah sektor pertanian berkembang mapan 6.1% dalam tempoh separuh pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 1.0%), sebahagian besarnya didorong oleh hasil minyak sawit yang lebih tinggi. Pengeluaran pertanian lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran serta akuakultur juga menyumbang kepada prestasi kukuh sektor ini.

Nilai ditambah industri **kelapa sawit** kembali melonjak dan mencatat pertumbuhan 22.7% (Januari – Jun 2007: -7.9%), menyumbang 30.9% kepada prestasi keseluruhan sektor pertanian. Ini digambarkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) yang kembali cergas 22.8% (Januari – Jun 2007: -8.0%), berikutan peningkatan hasil dan keadaan cuaca yang baik. Bagi keseluruhan 2008, pengeluaran CPO dijangka bertambah 7.1% kepada 17.0 juta tan metrik (2007: -0.4%; 15.8 juta tan metrik), seperti di *Jadual 3.7*.

Hasil buah tandan segar meningkat 9.5 tan metrik sehektar (Januari – Jun 2007: 8.2 tan metrik sehektar), berikutan pemulihan tekanan biologi, keadaan cuaca yang menggalakkan, pertambahan jumlah kawasan matang dan amalan pertanian baik. Selain itu, kadar perahan minyak sawit merekodkan purata peningkatan 20.1% (Januari – Jun 2007: 20.0%), berikutan cuaca yang baik dan kadar hujan yang mencukupi di negeri pengeluar utama. Jumlah keseluruhan kawasan penanaman kelapa sawit dianggarkan meningkat kepada 4,450,000 hektar pada tahun 2008 (2007: 4,304,913 hektar), berikutan pembukaan tanah tambahan bagi penanaman kelapa sawit, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Kini, kawasan penanaman kelapa sawit merangkumi 66% daripada jumlah keseluruhan tanah pertanian. Kawasan penanaman yang belum matang dijangka meningkat 4.1% kepada 562,857 hektar, manakala kawasan matang pula diunjur bertambah 3.3% kepada 3,887,143 hektar. Daripada jumlah keseluruhan kawasan penanaman kelapa sawit, Sabah mempunyai kawasan terbesar dengan jumlah keluasan

JADUAL 3.6

**Nilai Ditambah Sektor Pertanian
2007 – 2008**

(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)		Sumbangan kepada Pertanian (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Pertanian	2.2	3.6	100.0	100.0
Kelapa sawit	-0.1	7.0	29.7	30.7
Getah	-6.0	-1.1	6.3	6.1
Koko	9.9	-7.0	0.2	0.2
Perhutanan dan pembalakan	2.0	-1.5	22.1	20.9
Pertanian lain-lain ²	5.4	4.4	15.7	15.8
Perikanan	3.5	4.0	16.3	16.4
Ternakan	8.4	5.9	9.7	9.9

¹ Anggaran.² Termasuk padi, sayuran, kopra, tembakau, teh, bunga, lada hitam dan nanas.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

1,278,244 hektar atau mewakili 29.7%, diikuti dengan Johor sebanyak 670,641 hektar (15.6%) dan Sarawak sebanyak 664,612 hektar (15.4%). Malaysia kekal sebagai pengeluar minyak sawit kedua terbesar dunia dengan sumbangan 41.4% daripada pengeluaran dunia.

Stok keseluruhan minyak sawit meningkat ketara sebanyak 45.4%, pada purata 1.9 juta tan metrik (Januari – Jun 2007: -17.9%; 1.3 juta tan metrik), berikutan pengeluaran CPO yang tinggi. Stok penutup pada bulan Jun merekodkan paras tertinggi, mencecah 2.0 juta tan metrik. Daripada jumlah keseluruhan stok, 50.9% merupakan CPO, manakala selebihnya minyak sawit yang telah diproses.

Dalam tempoh separuh pertama 2008, harga CPO kekal teguh disokong oleh permintaan luar yang tinggi, berikutan peningkatan penggunaan minyak sayuran di China, India dan AS. Tambahan pula, kekurangan bekalan dunia dan kenaikan harga minyak sayuran turut menyumbang kepada trend peningkatan harga CPO. Trend ini dapat dilihat melalui perbezaan harga dagangan minyak kacang soya berbanding harga CPO pada Jun

2008 yang mencatatkan harga premium tertinggi sebanyak USD400 setan metrik. Purata harga CPO hantaran tempatan meningkat kepada RM3,478 setan metrik (Januari – Jun 2007: RM2,184 setan metrik). Walau bagaimanapun, berikutan prospek kelembapan ekonomi global serta ketidaktentuan bagi pasaran komoditi dalam tempoh separuh kedua 2008, harga CPO dijangka mencatatkan trend yang menurun pada purata RM3,000 setan metrik untuk sepanjang tahun (2007: RM2,517 setan metrik)

Nilai ditambah bagi **getah** sebaliknya menguncup 3.6% (Januari – Jun 2007: -2.9%), berikutan pengeluaran hasil yang menyusut 4.3% kepada 564,991 tan metrik (Januari – Jun 2007: -3.3%; 590,106 tan metrik), akibat musim hujan yang berpanjangan dalam tempoh suku pertama 2008. Walau bagaimanapun, bagi keseluruhan tahun, pengeluaran getah dijangka pulih 0.6% kepada 1.21 juta tan metrik (2007: -6.6%; 1.20 juta tan metrik), berikutan peningkatan hasil dalam tempoh separuh kedua 2008, seperti di *Jadual 3.8*. Sebanyak 95% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran getah disumbang oleh pekebun kecil dan selebihnya oleh estet. Malaysia merupakan

JADUAL 3.7

**Keluasan Tanaman dan Pengeluaran
Kelapa Sawit
2007 – 2008**

			Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Keluasan tanaman (‘000 hektar)	4,304	4,450	3.4	3.4
Kawasan matang (‘000 hektar)	3,764	3,887	1.7	3.3
Pengeluaran (‘000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit	15,824	16,955	-0.4	7.1
Minyak isirong kelapa sawit	1,908	2,086	-2.5	9.3
Hasil (tan/hektar) ²	19.0	20.0	-2.9	5.1

¹ Anggaran.² Hasil buah tangan segar.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.8

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2007 – 2008

			Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,230	1,218	0.4	-1.0
Kebun kecil	1,177	1,169	0.4	-0.6
Estet	53	48	0.6	-9.1
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,414	1,420	4.7	0.4
Estet	1,620	1,650	6.2	1.9
Jumlah pengeluaran ('000 tan metrik)	1,200	1,207	-6.6	0.6
Kebun kecil	1,133	1,140	-6.8	0.6
Estet	67	67	-2.3	0.4
% daripada pengeluaran dunia	12.3	11.8		

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

pengeluar getah asli ketiga terbesar dengan sumbangan 11.8% daripada jumlah keseluruhan bekalan dunia.

Jumlah kawasan penanaman getah dijangka merosot kepada 1,217,570 hektar (2007: 1,229,940 hektar) akibat penukaran ladang getah kepada penanaman kelapa sawit serta pembangunan perumahan. Kerajaan telah menetapkan kawasan minima sebanyak 1.2 juta hektar untuk penanaman getah dalam memastikan pengeluaran minima satu juta tan metrik dihasilkan setiap tahun bertujuan melindungi aktiviti hiliran getah. Selain itu, 20,000 hektar akan diperuntukkan setiap tahun bagi tujuan aktiviti penanaman semula. Tambahan pula, beberapa kawasan baru telah dikenal pasti seperti di Pulau Banggi, Kudat dan Bengkoka di Sabah serta Sri Aman dan Saratok di Sarawak bagi meluaskan lagi kawasan penanaman getah.

Harga purata getah asli *Standard Malaysian Rubber 20* meningkat dengan ketara sebanyak 22.3% kepada RM8.83 sekilogram (sekg)

(Januari – Jun 2007: -1.5%; RM7.22 sekg). Harga getah dijangka kekal kukuh didokong oleh permintaan tinggi daripada perkembangan pesat pasaran automobil di China dan India. Selain itu, peningkatan harga getah tiruan disebabkan oleh harga minyak mentah dunia yang tinggi telah meningkatkan permintaan bagi getah asli. Pada keseluruhan 2008, harga getah dijangka kekal pada RM8.50 sekg (2007: RM7.34 sekg), berikutan peningkatan permintaan dunia.

Industri perikanan pulih dengan mencatatkan pertumbuhan 1.4% (Januari – Jun 2007: -0.6%), sebahagiannya disebabkan oleh pertambahan pengeluaran akuakultur yang merekodkan peningkatan 4.9% kepada 134,234 tan metrik (Januari – Jun 2007: 16.4%; 127,968 tan metrik). Pelaksanaan 11 Zon Industri Akuakultur seluas 6,695 hektar, termasuk di Sungai Como, Terengganu serta di Kuala Selangor dan Sabak Bernam, Selangor mendorong kepada pertambahan pengeluaran akuakultur. Bagi keseluruhan 2008, pengeluaran akuakultur dijangka bertambah kepada 234,542 tan metrik (2007: 220,950 tan metrik). Sementara itu, pendaratan ikan laut meningkat sedikit pada kadar 0.3% kepada 678,492 tan metrik (Januari – Jun 2007: 1.7%; 676,498 tan metrik). Insentif baru yang telah diberikan kepada pemilik kapal pada kadar 10 sen sekg untuk hasil tangkapan serta pemberian RM200 sebulan kepada nelayan berdaftar bertujuan mengurangkan beban harga bahan api, dijangka dapat meningkatkan lagi pendaratan ikan laut. Justeru, nilai ditambah industri perikanan dijangka meningkat 4.0% pada tahun 2008 (2007: 3.5%).

Subsektor ternakan mencatatkan pertumbuhan 6.1% (Januari – Jun 2007: 13.1%) disokong oleh pengeluaran ternakan ayam-itik dan lembu yang tinggi. Subsektor ternakan dianggar meningkat 5.9% pada tahun 2008 (2007: 8.4%) berikutan pelaksanaan beberapa program seperti projek fidlot dan kaedah ternakan moden ayam-itik.

Nilai ditambah bagi **subsektor pertanian lain** merangkumi padi, nanas, tembakau, kelapa, sayur-sayuran, buah-buahan, bunga, teh dan lada hitam terus meningkat 3.6% (Januari – Jun 2007: 2.2%), hasil daripada pertambahan pengeluaran sayur-sayuran. Selaras dengan pelaksanaan

JADUAL 3.9

Pengeluaran Pertanian Lain 2007 – 2008

('000 tan metrik)

			Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Koko	35	30	10.3	-14.8
Padi	2,376	2,384	10.3	0.4
Ternakan				
Daging ²	236	235	-5.6	-0.7
Ayam	1,096	1,158	5.8	5.7
Telur (juta)	8,200	8,714	5.8	6.3
Susu (juta liter)	51	57	12.4	10.6
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ³	1,151	1,169	1.4	1.6
Lada hitam	20	25	5.3	22.5
Sayuran	695	816	17.6	17.5
Kelapa	505	497	1.0	-1.6
Tembakau (juta kg)	62	63	5.2	1.1
Bunga (juta keratan)	150	160	2.7	6.8

¹ Anggaran.² Termasuk daging lembu, khinzir dan kambing.³ Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, manggis, pisang, rambutan, tembikai dan nanas.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia.

projek berimpak tinggi serta pemberian insentif baru kepada petani, pertumbuhan bagi subsektor pertanian lain diunjur meningkat 4.4% pada 2008 (2007: 5.4%). Selain itu, program pertanian, termasuk Pertanian Bersepadu dan Taman Kekal Pengeluaran Pertanian di Selangor, Pahang dan Pulau Pinang, mendorong kepada pertambahan pengeluaran sayur-sayuran. Permintaan luar yang tinggi bagi sayur-sayuran dan buah-buahan tropika juga menyumbang kepada pertumbuhan subsektor ini. Malaysia merupakan antara 20 pengeluar terbaik dunia bagi nanas dan betik serta antara pengeluar dan pengeksport utama buah-buahan tropika seperti tembikai, pisang, durian dan kelapa.

Sementara itu, pengeluaran padi dijangka bertambah 0.4% pada tahun 2008 (2007: 10.3%), sebahagian besarnya disumbang oleh peningkatan produktiviti. Hasil padi sehektar dijangka meningkat kepada 3.6 tan metrik

sehektar berikutan pengurusan sawah padi yang lebih baik serta penggunaan benih berhasi tinggi. Berdasarkan pengeluaran padi semasa, Malaysia telah berjaya mencapai tahap sara diri (SSL) 73% bagi beras. Kawasan penanaman padi dijangka berkembang berikutan pembangunan kawasan padi yang baru, terutamanya di Sarawak, Sabah dan Pahang serta pemulihan tanah dan penambahbaikan infrastruktur pertanian, termasuk sistem pengairan. Seiring dengan peruntukan tambahan bagi mengekalkan jaminan bekalan makanan, pengeluaran beras dijangka mencapai SSL 86% menjelang 2010.

Sektor Perlombongan


Pengeluaran minyak mentah yang tinggi berikutan penambahan kapasiti...

Pertumbuhan **sektor perlombongan** mengukuh 1.6% dalam tempoh separuh pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 3.5%), disokong oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) meningkat 5.3% kepada 699,214 tong sehari (tsh) (Januari – Jun 2007: 0.5%; 664,013 tsh), didorong, terutamanya oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada medan minyak Kikeh, di luar persisiran pantai Sabah dan medan minyak Abu, di luar persisiran pantai timur Semenanjung Malaysia. Pada tahun 2008, sektor ini dianggar berkembang 2.8% (2007: 3.3%) selaras dengan peningkatan pengeluaran minyak mentah 4.2% kepada 711,400 tsh (2007: 2.4%; 682,722 tsh), seperti di *Jadual 3.10*.

Dalam persekitaran permintaan global yang semakin berkembang, penawaran yang semakin berkurangan serta ketegangan geopolitik yang semakin meningkat, harga hadapan minyak mentah *West Texas Intermediate* yang diniagakan di *New York Merchantile Exchange* mencatat paras tertinggi USD145.29 setong pada 3 Julai 2008 (rujuk rencana, *Mengawal Kesan Kenaikan Harga Minyak*). Harga minyak mentah Tapis Malaysia turut merekodkan catatan tertinggi USD152.81 setong pada 4 Julai 2008. Peningkatan harga minyak mendorong Petroliaam Nasional Berhad mempergiatkan lagi aktiviti penerokaan terutama di laut dalam dan di medan minyak kecil bagi

CARTA 3.5

Nilai Ditambah Komoditi Utama



¹ Anggaran.

Nota: Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

meningkatkan rizab minyak dan gas. Pada 1 Januari 2008, rizab minyak mentah berada pada paras 5.46 bilion tong (1 Januari 2007: 5.36 bilion tong) dan dianggar bertahan selama 22 tahun. Walaupun harga minyak telah berkurangan pada Ogos 2008 berbanding dengan harga tertinggi yang pernah direkodkan, harga purata pertengahan minyak mentah dijangka kekal kukuh. Berdasarkan situasi kekurangan pelaburan sektor ini pada dekad lalu, pengukuhan harga minyak ini akan terus menggalakkan pembangunan serta aktiviti penerokaan.

Sebaliknya, pengeluaran gas asli menyusut 4.0% kepada 1,053,452 juta kaki padu standard (jkps) dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 5.8%; 1,096,858 jkps), disebabkan sebahagiannya oleh pembaikan dan penyenggaraan saluran paip dan pelantar. Walau bagaimanapun, pengeluaran gas asli dijangka bertambah 21.2% kepada 2,602,100 jkps bagi tempoh keseluruhan 2008, berikutan permintaan domestik yang lebih tinggi,

JADUAL 3.10

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2007 – 2008

			Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Minyak mentah				
Pengeluaran ² ('000 tong sehari)	682.2	711.4	2.4	4.2
Simpanan (bilion tong)	5.36	5.46	2.1	1.9
Simpanan/Pengeluaran (tahun)	22	22		
Gas asli				
Pengeluaran ³ (juta kaki padu sehari)	5,868.2	7,129.0	1.9	21.2
Simpanan (trilion kaki padu)	88.9	88.0	1.1	1.0
Simpanan/Pengeluaran (tahun)	39	36		

¹ Anggaran.

² Termasuk kondensat.

³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Sumber: Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS).


Mengawal Kesan Kenaikan Harga Minyak

Tinjauan

Mengikut sejarah, kelembapan ekonomi global mempunyai hubung kait dengan harga minyak mentah yang tinggi, seperti di *Carta 1*. Harga minyak dijangka kekal tinggi untuk jangka masa yang panjang seperti yang ditunjukkan oleh harga hadapan bagi satu bulan *West Texas Intermediate* (WTI) yang didagangkan di *New York Merchantile Exchange* (NYMEX), yang mana telah mencecah paras tertinggi dalam sejarah iaitu USD145.29 setong pada 3 Julai 2008. Harga semasa minyak mentah yang tinggi menjadikan banyak negara sedang membangun berhadapan dengan cabaran untuk mengekang inflasi atau merangsang pertumbuhan ekonomi. Lebih penting lagi, Kerajaan juga memikul tanggungjawab untuk meringankan kesusahan golongan berpendapatan rendah akibat kenaikan kadar inflasi tersebut. Sehubungan itu, strategi jangka panjang makroekonomi perlu digubal bagi memastikan kestabilan ekonomi yang berterusan dan dalam masa yang sama menggalakkan penggunaan sumber dengan cekap.

CARTA 1

Kronologi Harga Minyak dan Pertumbuhan Dunia



Sumber: Bloomberg dan US Energy Information Administration.

Faktor Kenaikan Harga Minyak

Permintaan

Berdasarkan kepada *International Energy Agency*, permintaan tenaga dunia meningkat dengan pesat dan dijangka berkembang melebihi 30% kepada 112.5 juta tong sehari (tsh) menjelang tahun 2030. Sementara penggunaan minyak di negara maju kekal pada paras yang sama berikutan penggunaan tenaga yang cekap, penggunaannya di negara sedang membangun terutama China dan India telah meningkat dengan ketara, seperti di *Jadual 1*. Keadaan ini sebahagiannya didorong oleh peningkatan kadar kekayaan berikutan dari perkembangan ekonomi yang kukuh sebelum ini yang menyebabkan pertambahan penggunaan tenaga. Umpamanya, golongan pertengahan di China telah meningkat seramai 350 juta dan di India seramai 250 juta, telah meningkatkan kuasa beli dan membolehkan mereka menikmati gaya hidup yang lebih selesa.

Situasi ini diburukkan lagi dengan sistem subsidi minyak di kebanyakan negara ekonomi sedang membangun, yang mana tidak menggambarkan kos sebenar penggunaan tenaga. Keadaan ini telah menyebabkan penggunaan minyak fosil dengan tidak terkawal terutama dalam sektor pengangkutan yang sangat bergantung kepada penggunaan minyak yang mempunyai kurang tenaga gantian. Berhadapan dengan pertumbuhan sektor pengangkutan yang eksponen di kebanyakan negara ekonomi sedang membangun, harga minyak mentah dunia dijangka kekal tinggi.

Penawaran

Berdasarkan anggaran industri, rizab minyak mentah dunia dijangka bertahan selama 42 tahun, manakala rizab gas asli selama 60 tahun. Walaupun jumlah rizab ini mencukupi, kekurangan pelaburan dalam aktiviti penerokaan dan kemudahan penapisan dalam tempoh 25 tahun yang lalu, telah menyebabkan ketidakseimbangan permintaan dan penawaran minyak mentah. Pengeluaran minyak mentah terus berkurangan berikutan telaga minyak utama dunia yang telah lama beroperasi, kekurangan infrastruktur serta kekurangan tenaga kerja mahir. Tambahan pula, industri ini sedang berhadapan dengan pertambahan kos penerokaan yang telah meningkat tiga kali ganda sejak tiga tahun yang lalu. Bekalan minyak mentah dunia terus tergugat ekoran ketegangan geopolitik yang berlarutan di Timur Tengah, kekacauan politik beberapa negara dan bantahan pekerja serta keganasan etnik di beberapa negara yang telah mengakibatkan kenaikan harga minyak lebih tinggi.

Aktiviti Spekulasi Yang Berlebihan

Secara tradisinya, dagangan dalam pasaran hadapan minyak melibatkan pengeluar dan pengusaha penapis minyak serta pengurus dana pencen lindung nilai yang sememangnya mempunyai pendedahan dalam pelaburan yang berkaitan dengan minyak. Mereka memasuki pasaran dengan matlamat untuk menjamin keuntungan daripada kegiatan penapisan atau pulangan kepada pelaburan. Walau bagaimanapun, pasaran hadapan minyak pada masa ini dikerumuni oleh pengurus dana lindung nilai yang mengurus niaga semata-mata untuk mengaut keuntungan dan bukan atas dasar komersial. Pada bulan Jun 2006, Penyiasatan Jawatankuasa Tetap Senat Amerika Syarikat (AS) melaporkan dalam laporan yang bertajuk *'Peranan Spekulasi Pasaran dalam Kenaikan Harga Minyak dan Gas'* dan mengesahkan bahawa *'...terdapat bukti yang kukuh menyokong kesimpulan bahawa jumlah spekulasi yang besar di pasaran semasa telah meningkatkan harga dengan ketara'*. Peningkatan minat untuk spekulasi di pasaran minyak juga dicerminkan oleh pertambahan dana indeks komoditi yang telah meningkat dengan ketara sejak kebelakangan ini. Peningkatan ini ditunjukkan oleh pertambahan tiga kali ganda Indeks Komoditi Goldman Sachs sejak tiga tahun yang lalu. Penyusutan nilai dolar juga menyumbang kepada peningkatan aktiviti spekulasi dalam pasaran hadapan minyak. Komoditi terutamanya minyak mentah adalah dilihat sebagai pelindung nilai kepada dolar yang lemah dalam persekitaran kadar faedah yang rendah, inflasi yang tinggi serta kejatuhan pasaran ekuiti dan harta tanah.

Kenaikan Harga Minyak – Kesan Ke Atas Ekonomi Malaysia

Sebagai pengeksport bersih minyak, Malaysia memperoleh manfaat daripada harga minyak yang lebih tinggi dalam tempoh terdekat berikutan terma perdagangan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, harga minyak yang tinggi turut memberi kesan negatif kepada Malaysia. Kenaikan harga minyak akan memberi impak kepada pertumbuhan dunia, seterusnya memberi kesan ke atas aktiviti penggunaan dan pelaburan serta pendapatan. Malaysia sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, dijangka terdedah kepada kesan pusingan kedua terhadap penggunaan swasta, eksport dan pendapatan sebenar (akibat inflasi tolakan kos) serta pekerjaan.

Seperti kebanyakan negara sedang membangun yang lain, Malaysia memberi subsidi harga petrol bagi melindungi rakyat daripada harga minyak mentah yang tidak menentu. Subsidi ini meliputi sebahagian besar produk petroleum dan memberi faedah kepada semua sektor dalam ekonomi. Pemberian subsidi ini secara relatifnya tidak menggugat kedudukan fiskal ketika harga minyak berada di sekitar USD30 - USD40 setong sebelum tahun 2005. Walau bagaimanapun, pemberian

JADUAL 1:
PERMINTAAN DAN PENAWARAN DUNIA (juta tong sehari)

	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Permintaan Dunia	79.4	82.4	83.7	84.6	85.8	86.9
% Pertumbuhan	1.6	3.8	1.6	1.1	1.4	1.3
Jumlah Organisasi Kerjasama untuk Ekonomi dan Pembangunan (OECD)	48.6	49.4	49.7	49.3	49.1	49.1
<i>Amerika Utara</i>	24.5	25.4	25.5	25.3	25.5	25.6
<i>Eropah Barat</i>	15.4	15.5	15.6	15.6	15.3	15.3
<i>OECD Pacific</i>	8.6	8.5	8.6	8.4	8.3	8.2
Jumlah Negara Membangun	26.2	28.3	29.2	30.5	31.8	32.9
<i>China</i>	5.6	6.5	6.7	7.2	7.6	8.0
<i>India</i>	2.3	2.4	2.4	2.6	2.7	2.9
<i>Negara Lain Asia</i>	5.6	6.0	6.3	6.2	6.4	6.4
<i>Amerika Latin</i>	4.8	4.9	5.1	5.3	5.5	5.6
<i>Timur Tengah</i>	5.1	5.5	5.8	6.2	6.5	6.8
<i>Afrika</i>	2.7	2.7	2.9	3.0	3.1	3.1
Jumlah Negara Serantau yang Lain	4.5	4.7	4.8	4.8	4.9	5.0
Penawaran Dunia	79.6	83.0	84.2	84.4	84.8	88.0
% Pertumbuhan	6.1	4.2	1.4	0.2	0.5	3.8
<i>Bukan-OPEC</i>	47.6	48.4	48.5	48.9	49.4	50.5
<i>OPEC</i>	28.3	30.6	31.6	31.4	31.0	32.5
<i>OPEC NGLs+ minyak bukan konvensional</i>	3.7	4.0	4.1	4.1	4.4	5.0
Nota: Jumlah angka komputan mungkin tidak bersamaan disebabkan pembundaran Penawaran dunia untuk 2008 berdasarkan penawaran semasa. NGL : Cecair gas asli.						
Sumber: OPEC, US Energy Information Administration dan Bloomberg.						

subsidi ini tidak dapat diteruskan lagi memandangkan harga minyak mentah kini melebihi USD100 setong. Pemberian subsidi yang besar juga telah menyebabkan penggunaan secara tidak ekonomik ke atas sumber yang tidak boleh baharui ini. Selain itu, perbezaan harga telah mendorong aktiviti penyeludupan minyak bersubsidi ke negara jiran. Akibatnya, jumlah subsidi minyak meningkat dengan ketara daripada RM1.7 bilion pada tahun 2002 kepada RM7.5 bilion pada tahun 2007. Sekiranya Kerajaan terus memberi subsidi, jumlah tersebut akan melonjak kepada RM28 bilion pada tahun 2008, justeru menjejaskan daya tahan kedudukan fiskal negara.

Langkah Mengurangkan Kesan Negatif Kenaikan Harga Runcit Minyak

Kerajaan telah membuat keputusan untuk menstruktur semula subsidi minyak apabila harga minyak mula mencecah USD130 setong pada 21 Mei 2008. Tindakan ini adalah satu keputusan yang sukar tetapi perlu diambil bagi mengelakkan defisit fiskal yang tinggi daripada berpanjangan. Akibatnya, Kerajaan telah membuat keputusan untuk menaikkan harga runcit petrol sebanyak 41% dan diesel sebanyak 63%. Susulan daripada itu, tarif elektrik juga meningkat antara 18% dan 26% bagi penggunaan domestik, komersil dan industri. Walau bagaimanapun bagi penggunaan domestik yang kurang daripada 200 kwj sebulan (RM43.60 sebulan), tarif elektrik adalah tidak berubah.

Beberapa langkah segera telah diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan kenaikan harga minyak kepada rakyat. Bagi meringankan beban berikutan harga petrol dan diesel yang tinggi, Kerajaan telah memberi rebat tunai dengan segera pada 14 Jun 2008 bagi tempoh April bulan 2008 hingga Mac 2009. Rebate tunai ini berjumlah RM625 bagi setiap kenderaan dan diberi kepada pemilik kenderaan persendirian dengan kapasiti enjin sehingga 2,000 cc dan trak pikap serta jip sehingga 2,500 cc. Pemilik motosikal persendirian dengan kapasiti enjin sehingga 250 cc pula menerima rebat tunai berjumlah RM150 setahun. Kerajaan juga telah memutuskan untuk memanjangkan pembayaran rebat tunai kepada pemilik kenderaan persendirian dengan enjin berkapasiti sehingga 3,000 cc di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Bagi pemilik kenderaan persendirian dengan kapasiti enjin melebihi 2,000 cc, cukai jalan akan dikurangkan sebanyak RM200, manakala RM50 bagi pemilik motosikal persendirian dengan kapasiti enjin melebihi 250 cc. Sementara itu, Kerajaan akan terus memberi subsidi diesel kepada nelayan dan pengusaha perkhidmatan pengangkutan pada harga RM1.43 seliter. Bagi operator teksi yang menggunakan minyak petrol, mereka boleh terus membeli petrol pada kadar subsidi RM1.92 seliter sehingga pada kadar maksimum sebanyak 720 liter sebulan operator teksi. Ini adalah untuk memastikan golongan ini tidak dibebani dengan kos bahan api yang tinggi. Syarikat pengangkutan yang layak termasuk syarikat bas ekspres dan bas sekolah telah diberikan kad *fleet* dan ini telah membolehkan mereka membeli minyak diesel pada kadar subsidi RM1.43 seliter. Selain itu, harga gas memasak dan gas asli untuk kenderaan tidak berubah.

Kesimpulan

Di samping langkah yang dilaksanakan dalam mengurangkan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat berikutan inflasi tolakan kos akibat harga minyak yang tinggi, rakyat perlu mengubah cara hidup bagi membantu mengurangkan penggunaan tenaga tidak boleh baharui ini. Amalan ini akan membantu mengurangkan penggunaan tenaga kepada paras yang lebih wajar di samping menyumbang kepada persekitaran yang lebih bersih. Memandangkan tabiat penggunaan tenaga yang efisien perlu dipupuk sejak usia kecil, maka ibu bapa dan guru perlu menanam kesedaran tentang kepentingan penjimatan penggunaan tenaga kepada mereka. Melalui penggunaan tenaga yang efisien dari peringkat awal, adalah penting bagi ibu bapa dan pihak sekolah dalam mengajar anak-anak mereka tentang kepentingan penjimatan tenaga. Selain itu, pihak industri juga perlu melabur dalam bidang penjimatan tenaga serta menggunakan minyak fosil secara efisien bagi mengekalkan daya saing untuk jangka masa panjang.

peningkatan pembelian dari Jepun dan Korea Selatan serta pertambahan medan gas. Pada 1 Januari 2008, rizab gas berjumlah 88.0 trilion kaki padu (1 Januari 2007: 88.9 trilion kaki padu), mencukupi untuk menampung keperluan selama 36 tahun.

Sektor Pembinaan

Aktiviti pembinaan kekal positif...

Nilai ditambah **sektor pembinaan** terus meningkat 4.5% (Januari – Jun 2007: 4.5%), disumbang oleh peningkatan aktiviti kejuruteraan awam, kerja pertukangan khas dan subsektor kediaman. Meskipun demikian, prestasi keseluruhan sektor ini kekal stabil dan dianggarkan berkembang 4.0% (2007: 4.6%).

Subsektor kejuruteraan awam berkembang 6.3% (Januari – Jun 2007: 3.5%) ekoran kerancangan aktiviti sektor minyak dan gas serta pelaksanaan

projek di bawah RMKe-9 dan pembangunan koridor pertumbuhan, seperti di *Jadual 3.11*. Projek ini, termasuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Kota Kinabalu dan Kuala Terengganu serta pembinaan Lebuhraya Senai – Desaru, Lebuhraya Lembah Klang Selatan, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 dan projek Landasan Berkembar Elektrik Seremban – Gemas serta Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan. Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dijangka bermula pada tahun 2008 dan seterusnya meningkatkan lagi aktiviti kejuruteraan awam. Pembangunan infrastruktur di Sabah dan Sarawak dianggarkan kukuh dengan peningkatan peruntukan dalam melaksanakan beberapa projek seperti pembinaan Jalan Kota Marudu – Ranau, Lingkaran luar Sandakan Utara, Jalan Kota Samarahan – Gempeh dan menaik taraf Jalan Kuching – Sibul. Subsektor kejuruteraan awam juga mendapat faedah oleh kerancangan aktiviti pembinaan dalam industri minyak dan gas, khususnya pembinaan Saluran Paip Gas Sabah – Sarawak serta kerja penerokaan laut dalam.

Pada 6 Ogos 2008, Kerajaan telah mengumumkan beberapa penetapan syarat perubahan harga di dalam kontrak kerja bagi projek kerajaan. Ini bagi membantu kontraktor dalam menghadapi masalah kenaikan harga bahan binaan. Pengiraan perubahan harga diperluaskan dari 5 kepada 11 jenis bahan binaan untuk kerja-kerja kejuruteraan awam. Selain itu, kontraktor yang terlibat dalam projek reka dan bina akan dibayar berdasarkan pada perubahan harga bahan binaan.

Aktiviti **subsektor kediaman** meningkat 3.5% (Januari – Jun 2007: 0.9%) dalam tempoh enam bulan pertama 2008. Prestasi subsektor yang positif ini dijangka sebahagiannya oleh pelaksanaan Kerajaan yang berterusan dalam program perumahan rumah kos rendah dan sederhana. Ini termasuk pembinaan 36,000 unit rumah mampu milik oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Liberalisasi peraturan di bawah Jawatankuasa Pelaburan Asing bagi pembelian harta tanah oleh warga asing dan promosi MM2H juga menyumbang kepada perkembangan subsektor kediaman. Ini dicerminkan oleh aktiviti pembinaan yang lebih tinggi bagi kondominium mewah, terutama di Selangor dan Kuala Lumpur. Walau


JADUAL 3.11

Projek Utama Yang Sedang Dilaksanakan

Lebuhraya Senai – Desaru
 Lebuhraya Duta – Ulu Kelang
 Lebuhraya Lembah Klang Selatan
 Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2
 Lebuhraya Kajang – Seremban Fasa 2
 Lebuhraya Kemuning – Shah Alam
 Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar
 Landasan Berkembar Elektrik Seremban – Gemas
 Landasan Berkembar Elektrik Elektrik Sentul – Batu Caves
 Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
 Menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu

Sumber: Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan dan Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

CARTA 3.6

Penunjuk Penawaran Kediaman

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).

bagaimanapun, peningkatan harga bahan binaan dan tekanan inflasi yang tinggi menyebabkan pemaju mengambil langkah yang lebih berhati-hati. Sehubungan itu, pelancaran unit baru bagi kediaman mencatatkan jumlah yang lebih rendah iaitu 9,442 unit (Januari – Jun 2007: 35,492 unit). Penawaran akan datang bagi unit kediaman merekodkan jumlah 568,348 unit (akhir-Jun 2007: 595,115 unit) akibat pengurangan unit mula dibina dalam tempoh yang sama. Sejumlah 69,051 unit kediaman telah siap dibina dan ini mencatatkan paras stok sedia ada meningkat 4.0% pada akhir bulan Jun 2008 (akhir Jun 2007: 5.3%) dengan negeri Selangor terus berkembang 28.6%, diikuti Johor (15.6%), Kuala Lumpur (9.0%) dan Perak (8.8%).

Dari sudut permintaan, prestasi jualan bagi pelancaran unit kediaman baru meningkat 26.5% (Januari – Jun 2007: 17.0%) sebahagiannya disumbang oleh beberapa langkah Kerajaan dalam menggalakkan pemilikan rumah. Sebagai tambahan kepada pengecualian Cukai Keuntungan


Harta Tanah (RPGT), pengecualian duti setem 50% telah diberikan ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian sebuah rumah yang berharga tidak melebihi RM250,000. Pengecualian ini akan mengurangkan kos pembelian seunit rumah kediaman sehingga RM2,000. Memandangkan pembayaran balik pinjaman perumahan merupakan sebahagian besar tanggungan kewangan bagi kebanyakan isi rumah, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dibenarkan membuat pengeluaran bulanan dari baki Akaun 2 bagi mengurangkan beban kewangan mereka. Sementara itu, Kerajaan telah mewujudkan dana berjumlah RM50 juta sebagai jaminan kepada Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional dalam memberi pinjaman kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti petani dan peniaga kecil serta mereka yang tidak dapat menyediakan bukti punca pendapatan. Sehubungan itu, Kerajaan terus komited dalam menyediakan kediaman yang mampu dimiliki bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan sistem penyampaian dalam sektor pembinaan, termasuk mempercepatkan kelulusan, mempermudah proses dan memperkenalkan sistem kawal selia sendiri. Pusat Setempat telah ditubuhkan di beberapa kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mempercepatkan kelulusan projek terutama projek berimpak tinggi serta projek yang berpotensi menarik pelaburan asing. Langkah ini membolehkan urusan memproses oleh PBT, kerajaan negeri dan persekutuan dilaksanakan secara serentak, seterusnya memendekkan proses kelulusan daripada 357 hari kepada maksimum 120 hari. Sebagai tambahan, Sistem Perakuan Kelayakan Menduduki telah digantikan dengan Perakuan Siap dan Pematuhan agar para jurutera, arkitek atau pelukis pelan bangunan berdaftar dapat mengesahkan kelayakan bangunan, seterusnya mempercepatkan proses penyerahan harta tanah yang telah siap.

Subsektor bukan kediaman meningkat sedikit 1.6% (Januari – Jun 2007: 6.7%) disokong oleh pembinaan berterusan bagi harta tanah komersial,

CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Bukan Kediaman



unit industri dan hotel, seperti di *Carta 3.7* Pembinaan unit mula dibina bagi kedai meningkat kepada 5,594 unit (Januari – Jun 2007: 4,379 unit), berikutan penambahan 42,097 unit kedai yang sedang dalam pembinaan. Sementara itu, sebanyak 17 kompleks membeli-belah yang telah mula dibina pada 2007 dijangka menyumbang pertambahan 302,566 mp bagi ruang niaga apabila siap. Selain itu, sejumlah 39,594 mp ruang niaga yang mula dibina telah direkodkan dalam tempoh separuh pertama 2008. Dengan pembinaan yang baru siap dibina bagi kompleks membeli-belah seperti Pavillion dan The Gardens Galleria di Kuala Lumpur serta The Spring dan Boulevard Shopping Complex di Sarawak, ia telah meningkatkan paras stok sedia ada kepada 8,818,780 mp (akhir-Jun 2007: 8,201,000 mp) Kadar keseluruhan penghunian bagi ruang niaga kekal tinggi pada 80.9% (akhir-Jun 2007: 79.8%) mencerminkan keyakinan peniaga terhadap perbelanjaan pengguna.

Segmen pejabat binaan khas terus mencatat prestasi yang menggalakkan melalui 1.6 juta mp

ruang pejabat yang sedang dibina. Trend yang meningkat bagi kadar penghunian merekodkan peningkatan sebanyak 85.2% (akhir-Jun 2007: 84.9%), berikutan pertambahan permintaan bagi ruang pejabat, terutama di kawasan Lembah Klang walaupun penawaran yang terhad. Pembinaan harta tanah industri juga terus meningkat pembinaan unit mula dibina kepada 406 unit (Januari – Jun 2007: 303 unit). Kini, jumlah unit industri yang sedang dalam pembinaan meningkat kepada 6,865 unit berbanding 6,013 unit pada akhir bulan Jun 2007.

Aktiviti pembinaan harta riadah terus kukuh, disokong oleh usaha berterusan Kerajaan dalam mempromosikan industri pelancongan. Ini dicerminkan oleh pembinaan berterusan 66 hotel dengan 18,714 bilik (akhir-Jun 2007: 58 hotel; 16,704 bilik). Sehingga akhir bulan Jun 2008, paras stok sedia ada mencatatkan jumlah 2,204 hotel dengan 152,564 bilik (akhir-Jun 2007: 2,220 hotel; 151,886 bilik). Kadar purata penghunian hotel bertaraf tiga hingga lima bintang

berada pada paras 63.4% (Januari – Jun 2007: 64.4%) didorong oleh ketibaan pelancong yang stabil.

Nilai pindah milik harta bertambah 39.5% kepada RM46,487 juta (Januari – Jun 2007: 11.7%; RM33,321 juta), mencerminkan peningkatan purata harga harta tanah yang telah dipindah milik. Jumlah transaksi juga meningkat 20.1% kepada 171,564 transaksi (Januari – Jun 2007: 8.8%; 142,886 transaksi), disokong oleh kemudahan pinjaman perumahan dan kadar faedah yang menggalakkan serta pengecualian RPGT. Segmen kediaman menyumbang 63.0% kepada jumlah keseluruhan transaksi, diikuti oleh pertanian (21.4%), komersial (8.9%), pembangunan (4.4%) dan perindustrian (2.3%).

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Permintaan domestik memacu pertumbuhan ekonomi...

Dalam keadaan persekitaran luar yang lebih mencabar, permintaan domestik terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi dan dijangka berkembang 6.1% pada tahun 2008 (2007: 9.8%). Pertumbuhan permintaan domestik akan disokong oleh pengukuhan perbelanjaan penggunaan swasta dan awam yang dianggar meningkat 6.8% dan 5.7% (2007: 10.8%; 6.6%).

Perbelanjaan sektor swasta dijangka berkembang 6.6% (2007: 10.6%) dan meningkatkan peratusan bahagian kepada KDNK sebanyak 62.9%, menyumbang 4.1 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2007: 62.3%; 6.3 mata peratusan), seperti di *Jadual 3.12*. Sementara itu, **perbelanjaan sektor awam** dianggar mencatatkan pertumbuhan 4.7% (2007: 7.9%) menyumbang 1.1 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2007: 1.9 mata peratusan). Pertumbuhan ini akan disumbang oleh pelaburan modal daripada Perusahaan Awam Bukan Kewangan serta penggunaan awam.

Pelaburan swasta dijangka mapan pada kadar 6.2% (2007: 9.8%), didorong oleh pelbagai inisiatif Kerajaan bertujuan mengurangkan

kos kendalian perniagaan serta menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif. Pertumbuhan ini ditunjukkan oleh Penyiasatan Jangkaan Perniagaan yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pertumbuhan perbelanjaan modal dari sektor swasta dijangka meningkat kukuh sebanyak 114.5% dalam tempoh separuh pertama 2008. Sektor perlombongan dan elektrik akan menyumbang peratusan terbesar kepada perbelanjaan modal sebanyak 38.3%, diikuti oleh sektor perkhidmatan (37.6%) terutamanya dalam subsektor pengangkutan dan komunikasi.

Peningkatan perbelanjaan modal ini juga sejajar dengan penunjuk pelaburan yang lain. Import barangan modal dan perantaraan meningkat 9.9% dan 9.6% (Januari – Jun 2007: -3.2%; 7.7%), manakala jualan kenderaan perdagangan melonjak 16.9% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: -11.9%). Selain itu, nilai pinjaman keseluruhan yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor bukan isi rumah meningkat ketara sebanyak 18.8% kepada RM221.9 bilion (Januari – Jun 2007: -1.0%; RM186.8 bilion), terutamanya bagi sektor perkilangan (34.3%), diikuti dengan perdagangan borong, runcit, restoran dan hotel (24.7%) serta aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan (13.2%).

Projek yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia bagi pelaburan domestik meningkat kepada RM9.3 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: RM15.2 bilion), khususnya dalam industri produk logam asas dan kelengkapan pengangkutan. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan global yang kukuh terhadap produk berkaitan besi dan kenderaan. Sementara itu, kelulusan bagi pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor pembuatan meningkat ketara kepada RM23.3 bilion (Januari – Jun 2007: RM16.4 bilion) sebahagian besarnya dalam industri produk logam asas dan produk E&E. Jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan meningkat kepada RM32.5 bilion (Januari – Jun 2007: RM31.6 bilion), dengan sebahagian besar pelaburan disalurkan kepada produk logam asas, produk E&E, kelengkapan pengangkutan serta kimia dan

produk kimia. Peningkatan ini sejajar dengan usaha Kerajaan dalam menggalakkan pelaburan bagi projek berintensif modal serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi oleh pelabur tempatan dan asing. Jumlah bersih kemasukan FDI pula telah mencatatkan RM3.4 bilion dalam tempoh suku pertama 2008, terutamanya dalam sektor pembuatan, perlombongan dan kuari serta pertanian.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** dianggarkan meningkat 6.8% dengan sumbangan kepada KDNK sebanyak 51.0% pada tahun 2008 (2007: 10.8%, 50.5%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan pendapatan isi rumah hasil daripada pasaran buruh yang stabil serta kenaikan harga komoditi. Peningkatan penggunaan swasta juga dicerminkan oleh penunjuk utama penggunaan

seperti jualan kereta penumpang dan motosikal yang mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 26.8% dan 20.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: -12.2%; 4.5%). Penunjuk penggunaan lain turut berkembang seperti kutipan cukai jualan (13.9%), import barangan penggunaan (13.3%) dan pinjaman kad kredit (10.4%). Walau bagaimanapun, kebimbangan terhadap inflasi dijangka memperlahankan kadar penggunaan swasta dalam tempoh separuh kedua 2008. Namun begitu, pemberian rebat tunai oleh Kerajaan serta langkah pemulihan lain yang dilaksanakan dalam mengatasi kenaikan harga makanan serta kekurangan bekalan makanan akan dapat membantu golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas. (rujuk rencana, *Menangani Cabaran Harga Bahan Makanan yang Tinggi*).

JADUAL 3.12

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Permintaan Agregat
2007 – 2009**
(pada harga malar 2000)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²	2007	2008 ¹	2009 ²
KDNK	6.3	5.7	5.4	100.0	100.0	100.0	6.3	5.7	5.4
Permintaan dalam negeri³	9.8	6.1	6.0	86.6	87.0	87.5	8.2	5.3	5.3
Perbelanjaan swasta	10.6	6.6	6.4	62.3	62.9	63.5	6.3	4.1	4.0
Penggunaan	10.8	6.8	6.5	50.5	51.0	51.6	5.2	3.4	3.3
Pelaburan	9.8	6.2	5.8	11.9	11.9	12.0	1.1	0.7	0.7
Perbelanjaan awam	7.9	4.7	5.1	24.3	24.1	24.0	1.9	1.1	1.2
Penggunaan	6.6	5.7	4.0	12.9	12.9	12.8	0.9	0.7	0.5
Pelaburan	9.3	3.6	6.4	11.4	11.1	11.2	1.0	0.4	0.7
Perubahan dalam stok				-1.2	-0.4	0.1	-1.3	0.8	0.5
Sektor luar	-3.8	-2.9	-2.6	14.6	13.4	12.4	-0.6	-0.4	-0.3
Eksport ⁴	4.2	4.7	4.6	122.2	121.1	120.2	5.2	5.7	5.6
Import ⁴	5.4	5.7	5.5	107.7	107.7	107.8	5.8	6.1	6.0
KDNK (RM bilion, harga semasa)	641.9	715.9	790.0						
Perubahan (%)	11.9	11.5	10.4						

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Tidak termasuk perubahan dalam stok.




⁴ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Nota: Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.




CARTA 3.8

Penunjuk Pelaburan Swasta

^a Anggaran.

CARTA 3.9

Penunjuk Penggunaan Swasta

^a Anggaran.¹ Pada akhir tahun dan pada 15 Ogos 2008.

Penggunaan awam turut dijangka meningkat 5.7% (2007: 6.6%), didorong oleh perbelanjaan berterusan dalam usaha mengekang inflasi. Perbelanjaan ini antara lain, termasuk pemberian subsidi bagi mengawal kenaikan harga makanan dan bahan api, pelbagai bantuan kepada golongan berpendapatan rendah serta pelaksanaan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan.

Pelaburan awam dijangka merekodkan pertumbuhan 3.6%, menyumbang 11.1% kepada KDNK (2007: 9.3%; 11.4%), berikutan pemelesaian pelaksanaan projek di bawah RMKe-9. Dalam hal ini, pelaburan awam disasarkan untuk meningkatkan kapasiti, kecekapan dan liputan rangkaian pengangkutan termasuk menaik taraf pelabuhan, lapangan terbang serta jalan raya. Sebagai tambahan, penekanan akan turut diberikan kepada projek mesra rakyat, seperti memperbaiki akses dan kualiti penjagaan kesihatan, pendidikan dan utiliti asas serta pembukaan tanah baru dan pemuliharaan tanah terbiar bertujuan meningkatkan pengeluaran bahan makanan.

Kedudukan Sumber Negara

Kedudukan sumber negara terus kukuh...

Pada tahun 2008, pendapatan negara pada harga semasa terus mencatat pertumbuhan mapan sebanyak 11.6% (2007: 12.9%), berikutan kecergasan aktiviti ekonomi domestik dan harga komoditi yang kukuh. **Tabungan Negara Kasar** (TNK) terus berkembang 10.2% kepada RM266.0 bilion, mencakupi 38.0% daripada KNK (2007: 13.0%; RM241.3 bilion; 38.4%), dengan sektor swasta menyumbang 70.0% (2007: 56.9%) daripada jumlah tabungan tersebut. Setelah mengambil kira jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) sebanyak RM151.0 bilion atau 21.5% daripada KNK, **jurang tabungan pelaburan** dijangka mencatat lebihan yang semakin tinggi sebanyak RM115.0 bilion atau 16.4% daripada KNK (2007: RM100.5 bilion; 16.0%), yang mana boleh digembleng untuk pelaburan jangka panjang yang produktif tanpa bergantung kepada pembiayaan luar.

JADUAL 3.13

Jurang Tabungan Pelaburan 2005 – 2009

(pada harga semasa)

	2005	2006	2007	2008 ¹	2009 ²
	RM juta				
Sektor awam					
Tabungan	70,506	83,226	103,937	79,806	76,789
Pembentukan modal dalam negeri	53,480	58,480	64,643	68,358	73,986
Lebihan/Defisit	17,026	24,746	39,294	11,448	2,804
Sektor swasta					
Tabungan	112,258	130,365	137,405	186,163	219,144
Pembentukan modal dalam negeri ³	50,935	61,692	76,154	82,632	96,032
Lebihan/Defisit	61,323	68,673	61,251	103,531	123,112
Keseluruhan					
Tabungan negara kasar	182,764	213,591	241,342	265,969	295,933
(% daripada KNK)	36.7	38.4	38.4	38.0	38.2
Pembentukan modal dalam negeri	104,415	120,172	140,797	150,990	170,018
(% daripada KNK)	20.9	21.6	22.4	21.5	22.0
Lebihan/Defisit	78,349	93,419	100,545	114,979	125,915
(% daripada KNK)	15.7	16.8	16.0	16.4	16.3

¹ Anggaran.

² Unjuran.

³ Termasuk perubahan dalam stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.


Menangani Cabaran Harga Bahan Makanan Yang Tinggi

Tinjauan

Kenaikan harga bahan makanan global yang mendadak baru-baru ini telah mencetuskan kebimbangan di seluruh dunia. Mengikut *Food and Agriculture Organization* (FAO), indeks harga bahan makanan telah meningkat 44% dalam tempoh separuh pertama 2008, berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Pada bulan Jun 2008, harga bijirin telah meningkat pesat pada kadar 274%, minyak dan lemak 292%, gula 156%, daging 135% serta tenusu 263%, seperti di *Carta 1*. Kenaikan harga tersebut telah meningkatkan bil import makanan dan melebarkan defisit perdagangan, justeru membebankan negara sedang membangun. Bank Dunia menganggarkan bahawa kenaikan harga makanan yang berganda sejak tiga tahun kebelakangan ini akan menyebabkan lebih kurang 100 juta penduduk menjadi semakin miskin. Peningkatan harga bahan makanan bukan saja menjejaskan pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium dalam membasmi kemiskinan, tetapi juga telah mencetuskan rusuhan di beberapa negara sedang membangun, mengakibatkan ketidakstabilan sosial dan politik.

CARTA 1

Indeks Harga Bahan Makanan, 2000 – 2008



¹ Jun.

Sumber: Food and Agriculture Organisation (FAO).

Faktor yang Menyebabkan Kenaikan Harga Bahan Makanan

Punca utama peningkatan mendadak harga bahan makanan global sejak kebelakangan terbahagi kepada faktor kitaran dan struktural. Faktor kitaran merupakan fenomena jangka pendek yang akan mereda dalam tempoh terdekat. Faktor ini, antara lain, termasuk keadaan cuaca yang buruk, aktiviti spekulasi dan penyusutan nilai dolar Amerika Syarikat (AS). Keadaan cuaca yang buruk seperti kemarau di Australia, banjir di beberapa kawasan di Asia Selatan serta iklim sejuk dan serangan serangga perosak di Viet Nam pada tahun 2007 telah memusnahkan tanaman, seterusnya mengakibatkan kekurangan bekalan makanan. Sementara itu, harga bahan makanan kian meningkat,

sebahagiannya didorong oleh permintaan yang lebih tinggi berikutan peningkatan kemewahan, terutamanya di China dan India. Aktiviti spekulasi juga menyumbang kepada peningkatan harga bahan makanan akibat pengaliran dana ke pasaran komoditi yang disebabkan oleh masalah dalam pasaran kewangan, gadai janji dan harta tanah yang bermula di AS pada tahun lepas. Pada masa yang sama, penyusutan nilai dolar AS berbanding matawang utama juga telah meningkatkan harga “soft” komoditi yang berlandaskan dolar AS seperti gandum, kacang soya, jagung dan gula. Tambahan pula, apabila negara mula menggantikan stok makanan yang berkurangan sebagai langkah mencegah kekurangan bekalan makanan, permintaan terhadap komoditi terus meningkat memberi tekanan ke atas harga bahan makanan. Selain itu, respon polisi seperti sekatan eksport dan kawalan harga yang dikenakan oleh negara pengeksport beras utama sebagai usaha mengekang tekanan inflasi domestik telah memburukkan lagi ketidakstabilan dan ketidaktentuan pasaran makanan dunia.

Sebaliknya, faktor struktural seperti kenaikan harga bahan api, pertambahan penduduk dan urbanisasi, biasanya merupakan fenomena jangka sederhana hingga jangka panjang, berhubung dengan asimetri di antara permintaan dan penawaran dan dijangka berterusan di masa hadapan. Kenaikan harga bahan api sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah meningkatkan kos pengeluaran pertanian, justeru menyebabkan kenaikan harga makanan. Tambahan pula, ekoran harga minyak yang tinggi, lebih banyak bijirin digunakan untuk mengeluarkan biofuel sebagai bahan api alternatif. Mengikut FAO, sejak tahun 2000, permintaan bijirin sebagai bahan makanan telah meningkat 4.0% manakala permintaannya bagi tujuan biofuel telah bertambah melebihi kadar 25.0%, kerana setiap tahun lebih banyak bijirin ditukarkan kepada biofuel. Misalnya, pada tahun 2008, AS telah menggunakan hampir 25.0% daripada pengeluaran jagungnya dan 9.0% daripada gandumnya untuk menghasilkan biofuel. Manakala, Kesatuan Eropah mensasarkan 10.0% daripada jumlah petrol bagi pengangkutan mereka akan menggunakan biofuel berasaskan tanaman dalam tempoh 12 tahun akan datang. Sehubungan itu, bekalan bijirin yang digunakan bagi pengeluaran biofuel telah menyebabkan pengurangan bekalan makanan bagi kegunaan manusia, seterusnya menyumbang kepada peningkatan harga bahan makanan.

Pertambahan penduduk, urbanisasi dan industrialisasi telah menyebabkan persaingan penggunaan tanah sama ada bagi tujuan aktiviti komersial, kediaman atau kegunaan pertanian. Penanaman bijirin bagi biofuel juga telah mengurangkan tanah yang digunakan bagi pengeluaran makanan. Tambahan pula, ekoran transformasi demografi, akses kepada kemudahan air yang mencukupi bagi pertanian kekal menjadi cabaran kepada kebanyakan negara pengeluar bijirin. Pertumbuhan penduduk berserta peningkatan pendapatan di kebanyakan negara Asia juga telah meningkatkan permintaan terhadap bahan makanan untuk manusia, haiwan ternakan dan perindustrian. Sebaliknya, paras produktiviti pertanian pula kekal rendah sejak kebelakangan ini, dicerminkan oleh pertumbuhan hasil pertanian yang telah menurun dengan ketara sejak tahun 1990-an. Laporan Bank Pembangunan Asia menunjukkan bahawa hasil gandum dan beras yang berkembang pada kadar 3.8% dan 2.3% antara tahun 1961 dan 1989 telah jatuh ke paras 2.0% dan 1.1% pada masa kini akibat kadar pembentukan modal yang rendah, kaedah penanaman secara tradisional serta kekurangan penyelidikan dalam bidang pertanian secara intensif.

Aspek struktural yang lain pula ialah kegagalan perjanjian perdagangan pelbagai hala bagi melindungi petani di negara sedang membangun berhadapan dengan import hasil pertanian yang murah dari negara maju. Kegagalan ini adalah berikutan negara maju memberi subsidi kepada petani yang membolehkan mereka mengeksport barangan ke negara sedang membangun dengan lebih murah. Akibatnya, sektor pertanian di negara sedang membangun mengalami gangguan dan dijangka mengambil masa yang lama untuk pulih memandangkan petani di negara ini tidak mampu bersaing dengan tahap teknologi dan produktiviti yang tinggi di negara maju. Ini mengakibatkan sektor pertanian mengalami kekurangan pelaburan, justeru menggugat bekalan bahan makanan.

Peningkatan Harga Bahan Makanan di Malaysia

Malaysia juga tidak terkecuali daripada kesan kenaikan mendadak harga bahan makanan global kerana kita masih belum mencapai tahap sara diri (SSL) dalam pengeluaran beberapa produk makanan. Malaysia mengimport bahan makanan dalam jumlah yang besar terutamanya beras, seperti di *Jadual 1 dan 2*.

JADUAL 1:
Malaysia: Eksport dan Import Makanan dan Minuman
2000 – 2008 (RM juta)

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2007 ^a	2008 ^a
Eksport	17,531	17,771	23,698	30,731	34,085	33,160	36,468	50,033	9,170	15,764
Imports	10,593	12,078	12,678	13,162	18,478	18,411	21,136	24,435	5,492	7,219
Imbangan Perdagangan	6,938	5,694	11,020	17,570	15,607	14,749	15,332	25,599	3,678	8,544

^a Januari-Mac.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 2:
Malaysia: Import Beras
2000 – 2008

	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008 ^a
RM '000	689.3	529.7	510.1	398.7	548.1	688.7	1,048.9	1,072.9	189.3
'000 tan	594.1	516.6	495.5	365.4	506.0	581.1	836.1	796.0	123.6

^a Januari-Februari.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sejak November 2007, Malaysia bukan sahaja mula mengalami kenaikan harga beras secara mendadak tetapi juga turut menghadapi masalah kekurangan bekalan beras, disebabkan oleh sekatan eksport yang diamalkan oleh beberapa negara pengeksporth seperti China, India dan Viet Nam sebagai salah satu langkah mengekang inflasi harga makanan. Masalah kekurangan beras ini menjadi semakin buruk dengan wujudnya aktiviti sorokan yang telah meningkatkan lagi gangguan kepada pasaran beras. Sehubungan itu, setelah mengambil kira kebajikan pengguna dan petani, pada bulan Mei 2008, Kerajaan mengumumkan lima langkah bertujuan menjamin bekalan beras mencukupi serta mengekang kenaikan harga beras seperti berikut:

- mengekalkan beras Super Tempatan 15% sebagai beras yang dikawal harganya di antara RM1.65 sekg hingga RM1.80 sekg mengikut zon;
- menetapkan harga siling beras Super Special Tempatan 5% dan 10% pada RM2.80 sekg dan RM2.70 sekg, berkuatkuasa mulai 1 Jun 2008;
- mengapungkan harga beras import termasuk beras Putih Thai;
- membenarkan pemindahan padi di antara negeri secara berperingkat; dan
- menaikkan Harga Minimum Terjamin padi daripada RM650 setan metrik kepada RM750 setan metrik.

Selain itu, harga enam jenis makanan lain, antaranya, tepung gandum, gula dan minyak masak juga turut dikawal bagi menstabil serta mengelakkan manipulasi harga bahan makanan. Pada masa yang sama, subsidi diberikan kepada pengeluar roti dan minyak masak bagi menangani peningkatan harga input.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan domestik melalui penerokaan kawasan baru bagi tanaman, penggunaan optimum sumber sedia ada, peningkatan produktiviti melalui teknologi serta penggalakkan penyertaan dan pelaburan sektor swasta. Inisiatif ini terus dipergiatkan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9 untuk mencapai tahap sara diri bagi makanan utama agar dapat memenuhi permintaan yang semakin bertambah serta mengekalkan tahap harga makanan yang rendah dan stabil. Langkah ini termasuk meningkatkan produktiviti subsektor makanan, menambah baik rangkaian pengedaran serta melaksanakan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.

Pada 23 April 2008, Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara telah dilancarkan dengan peruntukan berjumlah RM2.5 bilion untuk tahun 2008 bertujuan menangani masalah kenaikan harga dan kekurangan bekalan makanan. Sementara itu, sejumlah RM3.0 bilion telah diperuntukkan di bawah Kajian Separuh Penggal RMKe-9 bagi menyediakan infrastruktur utama untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan dasar tersebut. Dasar ini merangkumi perwujudan stok penimbal beras, peningkatan pengeluaran hasil pertanian, perikanan dan ternakan, pemberian insentif kepada petani, nelayan dan penternak, pengukuhan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bagi memastikan pemasaran dan pengedaran hasil pertanian yang cekap, pembukaan tanah baru dan pengurusan tanah terbiar untuk meningkatkan pengeluaran makanan serta memberi perlindungan kepada petani daripada liberalisasi perdagangan. Melalui usaha bersepadu ini, pengeluaran makanan negara akan meningkat dan SSL bagi beras dijangka mencapai tahap 86%, buah-buahan 138%, perikanan 103% dan ternakan 122% menjelang 2010 (2005: 72%, 117%, 91% dan 121%). Usaha ini adalah selaras dengan seruan FAO agar semua negara meningkatkan pengeluaran makanan bagi memastikan *“setiap orang pada setiap masa mampu mendapat makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat dalam memenuhi keperluan dietari serta mempunyai pilihan makanan untuk menjalani hidup yang sihat dan aktif”*.


Kesimpulan

Tekanan kenaikan harga bahan makanan dijangka berterusan untuk beberapa tahun akan datang dan era memperoleh makanan yang murah dan mencukupi kini mungkin akan berakhir. Inflasi harga makanan dijangka menurunkan kuasa beli, meningkatkan kekurangan makanan dan malnutrisi. Oleh itu, komuniti global, kerajaan sesebuah negara dan semua pihak yang terlibat perlu mengambil langkah pemulihan untuk mengurangkan harga makanan dan menangani kesan negatif akibat kenaikan harga bahan makanan. Dalam jangka panjang, infrastruktur yang lebih baik serta penyelidikan dan pelaburan yang lebih banyak perlu disalurkan kepada sektor pertanian untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan.

Malaysia mempunyai tanah yang luas dan sumber yang banyak untuk aktiviti pertanian. Melalui langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan, subsektor tanaman makanan dijangka berkembang pada paras 6.2% setahun untuk baki tempoh RMKe-9. Penekanan akan tertumpu kepada peningkatan produktiviti melalui aktiviti penanaman semula dengan menggunakan klon baru dan klon berhasi tinggi, penyatuan tanah termasuk mengenalpasti tanah terbiar seperti kawasan bekas lombong untuk aktiviti akuakultur, amalan pertanian baik serta penggunaan teknologi dan mesin dengan maksimum. Melalui langkah proaktif ini, fenomena kenaikan harga bahan makanan dalam negara dijangka dapat dibendung dalam tempoh terdekat.

CARTA 3.10

Jurang Tabungan Pelaburan



Prestasi Perdagangan Luar

Prestasi Eksport

Komoditi memacu pertumbuhan eksport...

Jumlah eksport Malaysia meningkat kepada 15.5% (Januari – Jun 2007: 1.2%) dalam tempoh enam bulan pertama 2008, didorong oleh eksport komoditi yang kukuh dan pemulihan eksport barangan pembuatan. Keseluruhan pendapatan eksport dijangka melonjak 9.3% pada tahun 2008 (2007: 2.7%), disokong oleh hasil eksport komoditi yang lebih tinggi, seperti di *Jadual 3.14*. Eksport barangan pembuatan meningkat 4.5% (2007: 0.6%), menyumbang 76.2% kepada jumlah eksport dan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah pendapatan eksport. Pendapatan eksport bagi komoditi pertanian berkembang kukuh sebanyak 31.7% (2007: 22.6%), berikutan harga dan kuantiti yang lebih tinggi ekoran permintaan global yang kukuh. Sementara itu, hasil eksport sektor perlombongan

pulih dengan ketara sebanyak 29.2% (2007: 7.1%), didorong oleh harga yang lebih tinggi bagi minyak mentah, LNG dan produk petroleum bertapis. Hasil eksport gas asli dijangka meningkat berikutan kontrak baru yang ditandatangani antara Malaysia dengan negara lain seperti China dan Jepun.

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport barangan pembuatan dipacu oleh industri bukan E&E...

Eksport **barangan pembuatan** yang merupakan pendapatan terbesar Malaysia berkembang 8.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 kepada RM247.4 bilion (Januari – Jun 2007: 0.5%; RM228.8 bilion), seperti di *Jadual 3.15*. Sumbangan eksport barangan bukan E&E kepada jumlah eksport barangan pembuatan meningkat 44.7% atau RM110,706 juta (Januari – Jun 2007: 40.2%; RM92,084 juta), tetapi sumbangan eksport barangan E&E jatuh kepada 55.3% atau RM136,706 juta (Januari – Jun 2007: 59.8%; RM136,758 juta). Eksport **produk bukan E&E** terus berkembang dan mencatat pertumbuhan dua angka pada kadar 20.2% (Januari – Jun 2007: 8.9%) dengan prestasi kukuh oleh eksport produk getah (25.0%), produk petroleum (68.9%) dan makanan siap diproses (40.5%). Kenaikan ketara eksport barangan bukan E&E adalah disebabkan permintaan luaran yang lebih tinggi dan kenaikan harga.

Walaupun eksport barangan **E&E** berkurangan dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: -4.4%), pengembangan dicatatkan dalam eksport pada April (13.5%), Mei (8.7%) dan Jun (4.6%). Meskipun eksport semikonduktor menurun 5.5% (Januari – Jun 2007: 3.3%), eksport telah pulih pada April (19.8%), Mei (13.8%) dan Jun (5.5%) sejajar dengan peningkatan jualan semikonduktor global. Pemacu utama permintaan global untuk semikonduktor ialah komputer peribadi dan telefon bimbit berikutan peningkatan fungsi dan harga yang lebih rendah. Semikonduktor masih kekal sebagai komponen utama bagi eksport pembuatan memandangkan

JADUAL 3.14

**Eksport Kasar
2007 – 2008**

	RM juta		Perubahan (%)		Sumbangan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Barangan Pembuatan	482,424	503,998	0.6	4.5	79.7	76.2
Barangan Pertanian	46,882	61,741	22.6	31.7	7.7	9.3
Barangan Perlombongan	59,801	77,245	7.1	29.2	9.9	11.7
Lain-lain	16,047	18,182	5.5	13.3	2.7	2.8
Eksport kasar	605,153	661,166	2.7	9.3	100.0	100.0

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

ia menyumbang RM44 bilion atau 17.7% daripada keseluruhan eksport pembuatan (Januari – Jun 2007: RM46.4 bilion; 20.3%). Prestasi eksport kelengkapan elektronik dan alat ganti mencatat penurunan kecil 1.0% (Januari – Jun 2007: -10.6%), sementara jentera dan produk elektrik mencatat pertumbuhan positif 8.5% (Januari – Jun 2007: -3.6%).

Pendapatan eksport yang tinggi dicatatkan oleh **produk petroleum** dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 68.9% (Januari – Jun 2007: -5.2%) berikutan peningkatan kuantiti eksport serta harga yang lebih tinggi. Tambahan pula, pembangunan yang pesat dalam industri petrokimia di rantau ini berikutan permintaan kukuh untuk produk petrokimia menerajui permintaan yang lebih tinggi untuk propana, butana, petrol, gas dan gas hidrokarbon yang digunakan terutamanya sebagai sumber bekalan kepada industri ini. Semua subsektor industri ini mencatat peningkatan yang kukuh, terutamanya petroleum bertapis (80.8%; RM15,457 juta), propana cecair dan butana (61.9%; RM1,803 juta) serta produk petrol, gas dan gas hidrokarbon (14.3%; RM1,761 juta).

Pada masa yang sama, pendapatan eksport dari **produk besi, keluli dan logam** mencatat pertumbuhan pesat 17.6% (Januari – Jun 2007: 14.4%). Di dalam kumpulan ini, eksport utama adalah produk logam yang direka, dan logam bukan ferus. Eksport logam yang direka meningkat

dengan ketara sebanyak 39.0% kepada RM5,322 juta (Januari – Jun 2007: 15.8%; RM3,829 juta) dipacu oleh permintaan yang meningkat daripada pengimport utama seperti Indonesia, Viet Nam dan Singapura sejajar dengan kerancakan industri minyak dan gas di rantau ini. Sementara itu, logam bukan ferus mencatatkan pertumbuhan 22.0% kepada RM4,404 juta (Januari – Jun 2007: 30.0%; RM3,609 juta) berikutan permintaan yang kukuh untuk tembaga dan aluminium, terutamanya bagi sektor telekomunikasi dan pembinaan. Eksport besi dan keluli menguncup sebanyak 0.2% kepada RM4,972 juta (Januari – Jun 2007: 3.5%; RM4,984 juta) disebabkan peningkatan dalam permintaan domestik.

Eksport **produk getah** mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 25.0% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 16.7%). Pertumbuhan pesat ini dipacu oleh eksport bahan perkilangan getah dan tayar getah yang berkembang 54.1% kepada RM1,955 juta dan 33.2% kepada RM521 juta (Januari – Jun 2007: 14.0%; RM1,269 juta dan 63.2%; RM391 juta). Sementara itu, eksport sarung tangan getah iaitu penyumbang utama kepada industri ini meningkat 10.9% kepada RM3,158 juta (Januari – Jun 2007: 15.2%; RM2,848 juta) disokong oleh permintaan untuk tujuan perubatan yang tinggi dan harga yang meningkat. Malaysia kekal sebagai pengeksport terbesar sarung tangan getah.

JADUAL 3.15

**Eksport Barangan Pembuatan
Januari – Jun**

	Nilai (RM juta)		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2007	2008	2007	2008	2007	2008
Peralatan elektronik, elektrik dan jentera	136,758	136,706	-4.4	-0.0	59.8	55.3
Semikonduktor	46,453	43,906	3.3	-5.5	20.3	17.7
Kelengkapan dan alat ganti elektronik	54,810	54,282	-10.6	-1.0	24.0	21.9
Produk elektrik dan jentera	35,494	38,516	-3.6	8.5	15.5	15.6
Produk bukan E&E	92,084	110,706	8.9	20.2	40.2	44.7
Kimia, produk kimia dan plastik	20,128	23,136	22.1	14.9	8.8	9.4
Produk berasaskan petroleum	11,473	19,374	-5.2	68.9	5.0	7.8
Produk besi, keluli dan logam	12,673	14,901	14.4	17.6	5.5	6.0
Produk berasaskan kayu	7,370	7,135	9.8	-3.2	3.2	2.9
Tekstil, pakaian dan kasut	4,953	5,178	-8.4	4.6	2.2	2.1
Makanan, minuman dan tembakau	6,298	8,851	15.6	40.5	2.8	3.6
Produk berasaskan getah	4,960	6,199	16.7	25.0	2.2	2.5
Kelengkapan pengangkutan	4,003	4,780	-21.0	19.4	1.7	1.9
Produk galian bukan logam	1,823	2,329	14.9	27.7	0.8	0.9
Produk pembuatan lain	18,399	18,819	12.2	2.3	8.0	7.6
Jumlah	228,843	247,412	0.5	8.1	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Produk **makanan, minuman dan tembakau** mencatatkan pertumbuhan eksport yang memberangsangkan sebanyak 40.5% (Januari – Jun 2007: 15.6%) dengan destinasi utama eksportnya adalah Singapura, Australia dan Jepun. Pendapatan eksport produk makanan meningkat 46.5% kepada RM7,735 juta (Januari – Jun 2007: 16.2%; RM5,279 juta) berikutan permintaan luaran yang lebih tinggi sementara eksport minuman dan tembakau meningkat 9.5% kepada RM1,116 juta (Januari – Jun 2007: 12.7%; RM1,019 juta). Prestasi yang kukuh ini ekoran daripada usaha berterusan yang diambil untuk meningkatkan produktiviti menerusi automasi dan tumpuan terhadap sektor pertumbuhan baru seperti industri makanan halal.


Eksport **produk kimia dan plastik** berkembang 14.9% (Januari – Jun 2007: 22.1%), terutamanya dipacu oleh permintaan yang meningkat untuk bahan kimia organik, minyak pati dan bahan plastik

bukan dalam bentuk utama. Eksport bahan kimia organik dan minyak pati meningkat 20.9% kepada RM6,692 juta dan 36.3% kepada RM1,499 juta (Januari – Jun 2007: 43.4%; RM5,535 juta dan 14.0%; RM1,099 juta). Eksport bahan plastik bukan dalam bentuk utama mencatatkan pertumbuhan 18.5% kepada RM1,774 juta (Januari – Jun 2007: 1.5%; RM1,497 juta) sementara eksport bahan plastik dalam bentuk utama terus berkembang 15.4% kepada RM5,329 juta (Januari – Jun 2007: 16.8%; RM4,619 juta). Manakala, bahan kimia tak organik berkembang 22.2% kepada RM808 juta (Januari – Jun 2007: 12.5%; RM661 juta). Secara keseluruhannya, eksport bahan kimia dan produk plastik menyumbang 9.4% daripada jumlah eksport barangan pembuatan (Januari – Jun 2007: 8.8%).

Eksport **kelengkapan pengangkutan** mencatatkan pemulihan pertumbuhan 19.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007:

CARTA 3.11

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

-21.0%), terutamanya berikutan peningkatan eksport yang kukuh untuk barangan pengangkutan jalan raya yang telah merekodkan pertumbuhan 23.7% kepada RM2,675 juta (Januari – Jun 2007: 32.5%; RM2,163 juta). Singapura dan AS merupakan destinasi utama eksport bagi kelengkapan pengangkutan. Eksport bagi kelengkapan pengangkutan yang lain seperti pesawat udara, kapal, bot dan struktur terapung kembali meningkat 14.4% kepada RM2,106 juta (Januari – Jun 2007: -46.4%; RM1,840 juta).

Pertumbuhan yang kukuh juga dicatatkan bagi eksport barangan **bukan E&E** lain seperti produk galian bukan logam serta tekstil dan pakaian yang meningkat 27.7% dan 4.6% (Januari – Jun 2007: 14.9%; -8.4%). Sementara itu, eksport bagi **barangan pembuatan lain** seperti perabot dan komponen telah menurun 9.3% kepada RM1,868 juta (Januari – Jun 2007: 17.3%; RM2,061 juta) akibat permintaan yang rendah dari AS dan Jepun.

Eksport Komoditi Utama

Komoditi utama mencatat pertumbuhan eksport yang kukuh...

Pada tahun 2008, hasil eksport bagi komoditi utama termasuk pertanian dan produk mineral dianggap bertambah 28.7% kepada RM138,985 juta (2007: 14.8%; RM107,968 juta) dirangsang oleh harga komoditi yang kukuh serta permintaan luar yang teguh, seperti di *Jadual 3.16*. Dalam tempoh separuh pertama, hasil eksport komoditi pertanian meningkat 66.5% (Januari – Jun 2007: 13.5%), sementara itu sektor perlombongan berkembang 42.8% (Januari – Jun 2007: 1.4%). Sehubungan itu, sumbangan komoditi utama kepada eksport keseluruhan meningkat kepada 22.1% atau RM72,391 juta (Januari – Jun 2007: 16.8% atau RM47,442 juta).

Malaysia kekal sebagai pengeksport terbesar **minyak sawit** mencakupi 47% daripada permintaan dunia. China masih merupakan pengimport terbesar minyak sawit Malaysia, diikuti oleh Pakistan, Belanda, AS, Jepun dan India. Jumlah eksport minyak sawit meningkat cergas sebanyak 23.1% kepada 7.4 juta tan metrik (Januari – Jun 2007: -9.0%; 6.1 juta tan metrik), sebahagiannya berikutan pertambahan permintaan untuk minyak sayuran dari pasaran baru seperti Rusia, Afrika Utara dan Timur Tengah. Pada masa yang sama, hasil eksport berkembang 90.4% kepada RM23,663 juta (Januari – Jun 2007: 29.8%; RM12,430 juta) didorong oleh harga minyak sawit yang tinggi dan peningkatan permintaan global. Bagi keseluruhan tahun, permintaan dan harga yang tinggi bagi minyak sawit dijangka meningkatkan jumlah dan hasil eksport sebanyak 14.9 juta tan metrik dan RM43,221 juta (2007: 13.7 juta tan metrik; RM32,643 juta). Harga yang tinggi berserta permintaan global yang kukuh bagi minyak sawit telah meningkatkan harga purata eksport minyak sawit kepada RM3,177 setan metrik (Januari – Jun 2007: RM2,055 setan metrik). Sehubungan itu, sumbangan minyak sawit kepada jumlah eksport pertanian dijangka bertambah 70.0%.

JADUAL 3.16

Eksport Komoditi Utama 2007 – 2008


PERTANIAN			Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Minyak sawit²				
Kuantiti ('000 tan metrik)	13,676	14,904	-4.4	9.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,387	2,900	54.3	21.5
Nilai (RM juta)	32,643	43,221	47.6	32.4
Minyak isirong kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	873	940	6.6	7.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,969	3,900	29.4	31.3
Nilai (RM juta)	2,592	3,666	38.0	41.4
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	4,644	4,500	-2.7	-3.1
Nilai seunit (RM/ meter padu)	455	465	-4.0	2.2
Nilai (RM juta)	2,112	2,093	-6.6	-0.9
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	3,356	3,200	14.3	-4.6
Nilai seunit (RM/ meter padu)	948	1,300	-21.3	37.1
Nilai (RM juta)	3,181	4,160	-10.0	30.8
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	1,018	990	-10.3	-2.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	7,205	8,350	-0.7	15.9
Nilai (RM juta)	7,335	8,263	-10.9	12.6
Lada hitam				
Kuantiti ('000 tan metrik)	15	17	-9.3	9.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	12,436	12,500	43.2	0.5
Nilai (RM juta)	187	206	29.9	10.5
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	18	20	32.0	12.2
Nilai seunit (RM/tan metrik)	6,500	6,600	16.1	1.5
Nilai (RM juta)	116	132	53.0	13.5
Jumlah pertanian (RM juta)	48,167	61,741	25.9	28.2
PERLOMBONGAN				
Minyak mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	16,959	17,425	0.6	2.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,938	2,675	2.2	38.1
Nilai (RM juta)	32,863	46,614	2.8	41.8
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	22,669	22,970	5.3	1.3
Nilai seunit (RM/tan metrik)	1,154	1,300	6.7	12.7
Nilai (RM juta)	26,157	29,861	12.3	14.2
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	16	14	-18.5	-11.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	49,522	55,000	64.6	11.1
Nilai (RM juta)	780	770	33.8	-1.3
Jumlah perlombongan (RM juta)	59,801	77,245	7.1	29.2
Jumlah nilai (RM juta)	107,968	138,985	14.8	28.7

¹ Anggaran.² Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.12

Eksport Komoditi Utama



Hasil eksport **minyak isi rong sawit** (PKO) melonjak 95.1% kepada RM2,040 juta (Januari – Jun 2007: 22.8%; RM1,045 juta). Peningkatan ini didorong oleh pertambahan eksport sebanyak 495,284 tan metrik dan harga eksport PKO yang meningkat lebih tinggi sebanyak 62.3% kepada RM4,118 setan metrik (Januari – Jun 2007: 5.7%; RM2,537 setan metrik).

Hasil eksport **getah** bertambah 26.2% kepada RM4,273 juta (Januari – Jun 2007: -15.6%; RM3,385 juta), disokong oleh pertambahan permintaan dan purata harga eksport yang lebih tinggi pada RM8.46 sekg. Bagi keseluruhan tahun, jumlah eksport getah dijangka bertambah 990,000 tan metrik manakala hasil eksport pula meningkat RM8,263 juta (2007: 1,018,052 tan metrik; RM7,335 juta), berikutan harga getah yang lebih tinggi. Malaysia membekalkan lebih kurang 11.8% daripada jumlah permintaan getah dunia, dengan 42% jumlah eksportnya ke China yang merupakan pengimport terbesar.

Jumlah eksport **minyak mentah** bertambah 2.1% kepada 8.6 juta tan metrik (Januari – Jun 2007: 0.7%; 8.4 juta tan metrik) disokong oleh perkembangan permintaan global yang lebih tinggi. Trend peningkatan harga eksport minyak mentah yang mencecah RM2,575 setan metrik (Januari – Jun 2007: RM1,756 setan metrik) telah melonjakkan hasil eksport sebanyak 49.7% kepada RM22,120 juta (Januari – Jun 2007: -7.5%; RM14,772 juta). Pada tahun 2008, harga minyak mentah dan permintaan yang tinggi dijangka meningkatkan hasil eksport sebanyak 41.8% kepada RM46,614 juta (2007: 2.8%; RM32,863 juta).

Meskipun jumlah eksport **LNG** menyusut 1.2%, hasil eksport berkembang 29.6% kepada RM16,694 juta (Januari – Jun 2007: 14.9%; RM12,878 juta) ekoran harga purata eksport yang lebih tinggi mencecah paras RM1,400 setan metrik (Januari – Jun 2007: RM1,067 setan metrik). Bagi keseluruhan tahun, hasil eksport LNG dianggar meningkat 14.2% kepada RM29,861 juta (Januari – Jun 2007: 12.3%; RM26,157 juta).

Prestasi Import

Import mencatatkan pertumbuhan kukuh...

Import kasar yang dinilai pada kos, insurans dan fret (c.i.f) berkembang 8.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 3.6%), seperti di *Jadual 3.17*. Peningkatan ini dicerminkan oleh import yang lebih tinggi bagi barangan pengantara untuk sektor pembuatan serta peningkatan permintaan bagi barangan modal. Trend ini dijangka berterusan dalam tempoh separuh kedua 2008 dengan pertumbuhan import bagi keseluruhan tahun dijangka kekal kukuh pada 8.1% (2007: 5.0%). Import barangan pengantara dan import barangan modal dianggar mencatat pertumbuhan 9.5% dan 9.2% (2007: 6.9%; 7.2%). Pada masa yang sama, import barangan pengguna juga diunjurkan meningkat kepada 9.5% (2007: 3.6%), didorong sebahagiannya oleh peningkatan harga barangan import pengguna.

Import **barangan pengantara** meningkat 9.6% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 7.7%) dan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada import barangan niaga dengan sumbangan 72.4%. Mengikut kategori, import barangan utama dan diproses yang digunakan dalam industri makanan dan minuman meningkat dengan ketara sebanyak 44.7% (Januari – Jun 2007: 7.9%) ekoran kos bahan mentah yang lebih tinggi. Import alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan terus meningkat dengan pesat sebanyak 18.2%, (Januari – Jun 2007: -4.3%), mencerminkan prestasi industri pemasangan motor yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, import bagi alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) menyusut 1.4% (Januari – Jun 2007: 0.8%) akibat permintaan dunia yang perlahan bagi barangan E&E.

Import **barangan modal** berkembang 9.9% (Januari – Jun 2007: -3.2%) dipacu oleh peningkatan aktiviti penerokaan dalam industri minyak dan gas. Perkembangan ini seiring dengan aktiviti pelaburan mantap bagi sektor

JADUAL 3.17

Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir Januari – Jun

	RM juta		Perubahan (%)		Sumbangan (%)	
	2007	2008	2007	2008	2007	2008
Barangan modal	31,418	34,515	-3.2	9.9	13.1	13.3
Barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan)	27,443	30,235	0.8	10.2	87.3	87.6
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	3,976	4,279	-23.7	7.6	12.7	12.4
Barangan Pengantara	171,387	187,857	7.7	9.6	71.6	72.4
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	5,764	8,338	7.9	44.7	3.4	4.4
Bekalan perindustrian utama dan diproses	59,711	66,766	23.1	11.8	34.8	35.5
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	16,437	23,434	1.5	42.6	9.6	12.5
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	5,713	6,751	-4.3	18.2	3.3	3.6
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	28,152	32,215	-1.4	14.4	16.4	17.1
Injap dan tiub termionik	55,610	50,354	1.9	-9.5	32.4	26.8
Barangan Penggunaan	13,807	15,637	4.9	13.3	5.8	6.0
Makanan dan minuman utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	5,042	6,147	8.8	21.9	36.5	39.3
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	144	234	-4.0	61.9	1.0	1.5
Barangan pengguna lain	8,621	9,256	2.9	7.4	62.4	59.2
Barang tahan lama	2,111	2,135	15.5	1.1	15.3	13.7
Barang separa tahan lama	2,648	2,831	-8.7	6.9	19.2	18.1
Barang tidak tahan lama	3,861	4,290	5.8	11.1	28.0	27.4
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	10,254	10,631	1.5	3.7	4.3	4.1
Import untuk eksport semula	12,582	10,672	-23.2	-15.2	5.3	4.1
Jumlah	239,448	259,311	3.6	8.3	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

lain yang telah menyumbang kepada peningkatan permintaan barangan modal. Sehubungan itu, import barangan modal tidak termasuk peralatan pengangkutan meningkat 10.2% (Januari – Jun 2007: 0.8%). Import peralatan pengangkutan untuk kegunaan industri kembali pulih 7.6% (Januari – Jun 2007: -23.7%) hasil daripada pengembangan perkhidmatan penerbangan dan pembelian kapal-kapal untuk pengangkutan LNG. Import barangan modal merangkumi 13.3% daripada jumlah import.

Import **barangan penggunaan** meningkat 13.3% (Januari – Jun 2007: 4.9%) disokong oleh harga import makanan dan kuantiti import peralatan pengangkutan bukan untuk industri yang lebih tinggi. Peningkatan nilai import makanan yang diproses sebanyak 37.5% (Januari – Jun 2007: 5.2%) didorong sebahagiannya oleh kenaikan harga makanan seperti beras, susu dan daging. Import peralatan pengangkutan bukan industri seperti basikal, motosikal dan motor sangkut melonjak 61.9% (Januari – Jun 2007: -4.0%)

ekoran daripada kenaikan harga minyak dan penggunaan basikal yang semakin meningkat. Import bagi barang tahan lama, barang separa tahan lama dan barang tidak tahan lama meningkat 1.1%, 6.9% dan 11.1% (Januari – Jun 2007: 15.5% -8.7%; 5.8%).

Import **barangan lain**, termasuk barang dua guna terus meningkat 3.7% (Januari – Jun 2007: 1.5%), didorong terutamanya oleh import bahan api yang diproses dan minyak pelincir yang lebih tinggi 41.3% (Januari – Jun 2007: 14.1%). Sementara itu, import bagi barangan eksport semula, terutamanya merangkumi aktiviti pembungkusan dan pemasangan produk E&E merosot 15.2% (Januari – Jun 2007: -23.2%) kesan pengurangan permintaan daripada AS.

Aliran Perdagangan

Lebih perdagangan yang kukuh disokong oleh eksport komoditi...

Jumlah dagangan Malaysia berkembang 12.2% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 2.2%) sejajar dengan peningkatan permintaan global bagi produk komoditi serta harga import yang lebih tinggi. Lebih perdagangan mencatat RM67,587 juta (Januari – Jun 2007: RM43,681 juta) dengan eksport menyumbang 55.8% daripada jumlah perdagangan. Meskipun dalam ketidakpastian global, perdagangan luar terus kukuh berikutan peningkatan perdagangan antara rantau Asia Pasifik dan kepelbagaian pasaran bukan tradisional seperti Australia, Mexico dan Emiriah Arab Bersatu. Singapura pula muncul sebagai rakan perdagangan terbesar, diikuti AS, Jepun dan China yang mewakili 47.2% daripada jumlah keseluruhan perdagangan. Sementara itu, dagangan dengan Republik Korea, ASEAN (tidak termasuk Singapura) dan EU meningkat 28.5% daripada jumlah keseluruhan perdagangan.

Perdagangan Malaysia dengan **Singapura** meningkat 15.1% kepada RM79,226 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: -3.2%; RM68,832 juta), menyumbang 13.5% kepada jumlah perdagangan. Eksport ke

Singapura kembali meningkat 19.8% kepada RM49,243 juta (Januari – Jun 2007: -9.1%; RM41,100 juta) sementara import berkembang 8.1% (Januari – Jun 2007: 7.0%), seperti di *Jadual 3.18*. Sebahagian besar eksport ke Singapura terdiri daripada produk petroleum bertapis, produk petroleum, produk E&E, serta perkilangan logam. Sementara itu, barangan utama yang diimport daripada Singapura pula adalah produk petroleum mentah, jentera, peralatan dan alat ganti serta peralatan pengangkutan. Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang besar dengan Singapura sebanyak RM19,260 juta (Januari – Jun 2007: RM13,368 juta).

Eksport ke **AS** merosot 9.0% (Januari – Jun 2007: -11.5%) ekoran kelembapan permintaan E&E yang mana merangkumi sebahagian besar eksport Malaysia ke AS (71.4%). Seterusnya, permintaan bagi produk kayu, terutamanya perabot juga merosot akibat pengurangan perbelanjaan pengguna AS yang disebabkan oleh kelembapan pasaran perumahan di AS. Sehubungan itu, kedudukan AS sebagai rakan dagang Malaysia telah berganjak dari tempat pertama ke tempat kedua. Dari sudut perkembangan positif pula, eksport minyak sawit ke AS meningkat ketara sebanyak 90.4% (Januari – Jun 2007: 29.8%), menjadikan AS sebagai pengimport keempat terbesar minyak sawit Malaysia. Import daripada AS pulih 0.4% (Januari – Jun 2007: -14.1%) kesan daripada permintaan yang lebih baik bagi produk E&E, jentera, peralatan dan alat ganti serta produk besi dan keluli. Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang rendah sebanyak RM15,159 (Januari – Jun 2007: RM19,443 juta).


Negara **Jepun** kekal sebagai salah satu rakan dagang utama Malaysia dengan jumlah dagangan mengukuh kepada RM65,092 juta dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: RM57,499 juta), menyumbang 11.1% kepada jumlah perdagangan. Eksport ke Jepun yang menyumbang 9.9% kepada jumlah eksport telah berkembang 24.0% kepada RM32,522 juta (Januari – Jun 2007: 6.8%; RM26,232 juta). LNG, E&E, produk kayu dan juga peralatan

Haluan Perdagangan Luaran - Malaysia Januari – Jun

	RM Juta				Imbangan		Sumbangan daripada Jumlah (%)		Kadar Pertumbuhan (%)	
	Eksport		Import		Perdagangan		Eksport		Eksport	
	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008
Amerika Syarikat	46,574	42,403	27,131	27,245	19,443	15,158	16.4	13.0	-11.5	-9.0
Singapura	41,100	49,243	27,732	29,983	13,368	19,260	14.5	15.1	-9.1	19.8
Jepun	26,232	32,522	31,267	32,570	-5,035	-48	9.3	9.9	6.8	24.0
Timur Laut Asia (tidak termasuk Jepun)	55,976	66,990	63,202	64,862	-7,226	2,128	19.8	20.5	8.8	19.7
China	22,913	30,783	29,182	32,232	-6,269	-1,449	8.1	9.4	25.5	34.3
Hong Kong SAR	12,894	14,319	6,929	7,127	5,965	7,192	4.6	4.4	-13.0	11.1
Republik Korea	12,073	13,685	12,365	12,268	-292	1,417	4.3	4.2	9.7	13.4
Taiwan	8,035	8,134	14,667	13,198	-6,632	-5,064	2.8	2.5	9.5	1.2
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	31,018	36,676	31,941	37,598	-923	-922	11.0	11.2	1.7	18.2
Thailand	14,505	16,706	13,122	14,314	1,383	2,392	5.1	5.1	-4.8	15.2
Indonesia	8,470	9,848	9,041	11,457	-571	-1,609	3.0	3.0	31.2	16.3
Filipina	3,969	4,278	3,960	4,474	9	-196	1.4	1.3	1.3	7.8
Viet Nam	2,921	4,251	3,003	4,261	-82	-10	1.0	1.3	-22.0	45.5
Kesatuan Eropah (27)	37,090	36,832	28,830	29,832	8,260	7,000	13.1	11.3	9.6	-0.7
Jerman	7,180	7,345	11,961	10,769	-4,781	-3,424	2.5	2.2	-2.2	2.3
Belanda	10,644	10,966	1,586	2,091	9,058	8,875	3.8	3.4	13.2	3.0
United Kingdom	4,896	5,059	3,273	3,814	1,623	1,245	1.7	1.5	-83.9	3.3
Asia Selatan	12,128	16,931	3,200	5,716	8,928	11,215	4.3	5.2	7.4	39.6
India	8,922	11,807	2,920	5,343	6,002	6,464	3.2	3.6	10.5	32.3
Pakistan	1,840	3,117	176	227	1,664	2,890	0.6	1.0	38.7	69.4
Asia Barat	8,860	11,744	8,673	11,909	187	-165	3.1	3.6	20.9	32.6
Emiriyah Arab Bersatu	4,792	5,371	2,112	3,959	2,680	1,412	1.7	1.6	36.5	12.1
Arab Saudi	1,230	1,426	3,351	3,934	-2,121	-2,508	0.4	0.4	40.0	15.9
Iran	954	1,077	687	1,030	267	47	0.3	0.3	30.9	12.9
Oman	221	377	1,128	1,569	-907	-1,192	0.1	0.1	26.1	70.6
Australia	9,604	12,212	5,056	5,075	4,548	7,137	3.4	3.7	8.5	27.2
New Zealand	987	2,049	790	1,542	197	507	0.3	0.6	-35.6	107.6
Afrika	4,410	6,295	1,815	2,947	2,595	3,348	1.6	1.9	18.0	42.7
Negara-negara lain	9,151	13,000	9,811	10,032	-661	2,969	3.2	4.0	53.5	42.1
Jumlah	283,130	326,897	239,448	259,311	43,681	67,587	100.0	100.0	10.5	1.1

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

Haluan Perdagangan Luar - Malaysia Januari – Jun 2008



¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perdagangan Malaysia.

optik dan saintifik merupakan eksport utama ke Jepun. Sementara itu, import daripada Jepun meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 4.2% kepada RM32,570 juta (Januari – Jun 2007: -0.6%; RM31,267 juta), terutamanya merangkumi peralatan pengangkutan, jentera, peralatan dan alat ganti serta perkilangan logam. Memandangkan pertumbuhan eksport yang lebih pesat berbanding import, defisit perdagangan menyusut kepada RM48 juta (Januari – Jun 2007: RM5,035 juta).

Negara **China** kekal sebagai rakan dagang Malaysia yang keempat dengan peningkatan sumbangan 10.7% kepada jumlah perdagangan. Eksport ke China meningkat 34.3% (Januari – Jun 2007: 25.5%), dipacu oleh produk E&E (44.3%), diikuti minyak sawit (21.0%) serta kimia dan produk kimia (9.1%). Import dari China yang sebahagian besarnya merupakan produk E&E meningkat 10.5% kepada RM32,232 juta (Januari – Jun 2007: 7.3%; RM29,182 juta),

mengekalkan China sebagai negara utama bagi import E&E. Defisit dagangan dengan China terus mengecil kepada RM1,449 juta (Januari – Jun 2007: RM6,269 juta).

Perdagangan Malaysia dengan **ASEAN (tidak termasuk Singapura)** meningkat dengan pesat sebanyak 18.0% kepada RM74,274 juta (Januari – Jun 2007: 0.1%; RM 62,959 juta), menyumbang 12.7% kepada jumlah perdagangan negara dalam tempoh enam bulan pertama 2008. Pertumbuhan perdagangan ini disokong oleh peningkatan permintaan, khususnya daripada Viet Nam dan Thailand. Eksport meningkat 18.2% kepada RM36,676 juta (Januari – Jun 2007: 1.7%; RM31,018 juta), terutamanya meliputi petroleum mentah, produk petroleum bertapis serta produk E&E. Sebaliknya, import daripada ASEAN (tidak termasuk Singapura) meningkat 17.7% (Januari – Jun 2007: -1.5%) berikutan peningkatan import E&E dan komoditi seperti beras dan getah asli.

Perdagangan dengan **EU** menyumbang 11.4% kepada jumlah perdagangan. Di kalangan EU, Jerman kekal sebagai rakan dagang terbesar, menyumbang 27.2% kepada jumlah dagangan, diikuti oleh Belanda (19.6%), UK (13.3%) dan Perancis (10.3%). Perdagangan dengan EU meningkat 1.1% (Januari – Jun 2007: 10.3%) hasil daripada usaha mempelbagaikan pasaran baru seperti Romania dan Bulgaria. Jumlah eksport berkurangan 0.7% (Januari – Jun 2007: 9.6%) berikutan eksport yang rendah bagi produk elektronik pengguna ke EU, disebabkan oleh penurunan harga, walaupun terdapat penambahbaikan teknologi dalam produk elektronik.

Walaupun bagaimanapun, eksport alat *hybrid*, minyak sawit dan sarung tangan getah dapat mengimbangi kejatuhan dalam eksport E&E. Eksport ke Belanda, pasaran eksport terbesar dalam negara EU, bertambah 3.0% kepada RM10,966 juta. Sementara itu, import dari EU meningkat 3.5% (Januari – Jun 2007: 11.1%), kebanyakannya dari Jerman, UK dan Perancis yang sebahagian besarnya terdiri daripada produk E&E dan jentera, peralatan

dan alat ganti. Perdagangan dengan EU terus menyebelahi Malaysia dengan mencatatkan lebih RM7,000 juta (Januari – Jun 2007: RM8,259 juta).

Imbangan Pembayaran

Akaun semasa mencatat lebih yang semakin tinggi...

Kedudukan **imbangan pembayaran** pada tahun 2008 dijangka terus kukuh, didorong oleh lebih akaun semasa yang teguh serta aliran keluar bersih dalam akaun kewangan yang lebih rendah. Lebih akaun semasa dijangka kekal tinggi pada RM114,979 juta atau 16.4% daripada KNK (2007: 16.0%; RM100,410 juta), seperti di *Jadual 3.19*, terutamanya berikutan lebih dalam akaun barangan yang lebih kukuh serta peningkatan dalam terimaan pelancong. Akaun kewangan mencatat kedudukan yang lebih baik berikutan aliran keluar bersih yang semakin berkurangan. Aliran ini, disumbangkan sebahagian besarnya oleh kemasukan FDI yang lebih tinggi, hasil

JADUAL 3.19

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran 2008 – 2009 (RM juta)

	2008 ¹			2009 ²		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	662,026	516,913	145,113	712,057	555,124	156,934
Perkhidmatan	103,010	102,412	598	108,418	106,283	2,134
Pengangkutan	23,969	40,019	-16,050	24,662	42,139	-17,476
Perjalanan	49,651	19,242	30,409	53,392	20,334	33,057
Perkhidmatan lain	29,082	42,410	-13,328	30,028	42,979	-12,952
Urus niaga kerajaan	308	741	-433	336	831	-496
Pendapatan	42,915	57,948	-15,033	47,734	63,981	-16,247
Pampasan pekerja	5,829	6,091	-262	6,488	6,808	-320
Pendapatan pelaburan	37,086	51,857	-14,771	41,246	57,173	-15,927
Pindahan semasa	1,789	17,488	-15,699	2,453	19,359	-16,906
Akaun semasa	809,740	694,761	114,979	870,662	744,747	125,915

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia.

daripada insentif yang ditawarkan bagi menarik pelabur asing serta pertumbuhan pembangunan koridor di bawah RMKe-9. Seiring dengan perkembangan ini, kedudukan rizab antarabangsa dijangka kekal kukuh.

Lebihan **akaun barangan** dijangka merekodkan pertumbuhan yang semakin tinggi sebanyak 13.7% kepada RM145,113 juta (2007: -5.1%; RM127,673 juta), disumbangkan oleh harga komoditi yang lebih kukuh. Sehubungan itu, eksport *free on board* (f.o.b) dijangka meningkat 9.3% kepada RM662,026 juta (2007: 2.7%; RM605,916 juta), dipacu oleh pendapatan eksport komoditi utama yang lebih tinggi seperti minyak sawit, minyak mentah dan LNG. Sementara itu, import f.o.b dijangka meningkat 8.1% kepada RM516,913 juta (2007: 5.1%; RM478,243 juta), berikutan pengembangan dalam aktiviti pelaburan khususnya sektor perlombongan dan pembuatan.

Akaun perkhidmatan yang terdiri daripada akaun perjalanan, pengangkutan, urus niaga kerajaan dan perkhidmatan lain dijangka mencatat lebihan bagi tahun kedua berturut-turut sebanyak RM598 juta (2007: RM2,373 juta). Ini berikutan kesan dalam akaun perjalanan yang kukuh, disokong oleh peningkatan dalam terimaan perjalanan dijangka dapat mengimbangi defisit dalam akaun pengangkutan dan perkhidmatan lain. *Akaun perjalanan* dijangka terus mencatat lebihan sebanyak RM30,409 juta (2007: RM29,115 juta), didorong sebahagian besarnya oleh jangkaan peningkatan bilangan pelancong. Bilangan ketibaan pelancong dianggarkan menjangkau 21.5 juta pada tahun 2008 (2007: 20.9 juta) berikutan pelanjutan tempoh kempen TMM sehingga Ogos tahun ini, serta penganjuran acara dan konvensyen antarabangsa seperti WCIT, Pameran Halal Antarabangsa 2008 dan Rodeo Malaysia. Aliran masuk akaun perjalanan dianggarkan berkembang 2.8% kepada RM49,651 juta (2007: 26.3%; RM48,289 juta). Aliran keluar kasar khususnya perbelanjaan bagi perniagaan, percutian serta urusan haji dan umrah dijangka meningkat sedikit 0.4% kepada RM19,242 juta (2007: 30.1%; RM19,174 juta).

Pengembangan dalam jumlah perdagangan dijangka melebarkan defisit *akaun pengangkutan*

kepada RM16,050 juta (2007: -RM13,173 juta). Aliran keluar akaun pengangkutan dijangka lebih tinggi, mencerminkan kebergantungan berterusan kepada syarikat asing dan peningkatan pembayaran pengangkutan kesan daripada kos fret dan bahan api yang lebih tinggi. Manakala, terimaan kasar akaun pengangkutan dijangka berkurangan berikutan pendapatan yang lebih rendah daripada perkhidmatan penumpang, kargo dan sewaan kapal. Aliran keluar bersih *akaun perkhidmatan lain* dijangka meningkat sedikit memandangkan Malaysia terus menggunakan kepakaran teknikal, perniagaan dan profesional asing. Sebagai tambahan, bayaran yang lebih tinggi untuk royalti, fi lesen dan perniagaan berkaitan perkhidmatan termasuk kewangan, sewaan serta peningkatan ketara premium risiko di beberapa laluan perdagangan dijangka menyumbang kepada aliran keluar bersih dalam akaun ini. Trend baru MNC di Malaysia melaksanakan *outsourcing* bagi perakaunan dan *back office services* ke luar negeri akan melebarkan lagi defisit dalam akaun perkhidmatan lain.

Akaun pendapatan dijangka mencatat defisit yang lebih besar berjumlah RM15,033 juta (2007: -RM13,893 juta). Defisit yang semakin melebar ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penghantaran keuntungan dan dividen yang lebih tinggi walaupun terdapat peningkatan terimaan kasar daripada pelaburan Malaysia di luar negara. Penghantaran keuntungan dan dividen ini dijangka meningkat 9.9% kepada RM57,948 juta (2007: 9.0%; RM52,733 juta), berikutan peningkatan pendapatan MNC. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada pendapatan pelaburan dijangka dikekalkan di Malaysia untuk tujuan pelaburan semula. Sementara itu, terimaan kasar dijangka meningkat 10.5% kepada RM42,915 juta (2007: 24.9%; RM38,840 juta) ekoran pendapatan yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negara terutamanya dalam sektor pembinaan, perkhidmatan kewangan dan pembuatan. Tambahan pula, pulangan yang lebih tinggi daripada pegangan rizab luar dijangka terus meningkat. *Akaun pampasan pekerja* yang terdiri daripada gaji dan kemudahan lain, yang diterima oleh residen yang bekerja di luar negara dan bukan residen yang bekerja di Malaysia, dijangka merekodkan defisit yang lebih rendah.


Aliran keluar bersih **akaun pindahan semasa** dijangka menguncup kepada RM15,699 juta (2007: -RM15,743 juta). Aliran masuk akaun pindahan semasa, terutamanya daripada kiriman wang oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dan pindahan simpanan dijangka bertambah kepada RM1,789 juta (2007: RM1,444 juta). Sementara itu, bayaran kasar bagi penghantaran pulang pendapatan oleh pekerja asing di Malaysia dijangka meningkat sedikit kepada RM17,488 juta (2007: RM17,187 juta).

Akaun kewangan dijangka merekodkan aliran keluar bersih yang lebih rendah, terutamanya berikutan aliran keluar pelaburan lain yang sederhana dan aliran masuk FDI yang lebih tinggi. Sektor pembuatan dan perkhidmatan dijangka menjadi penerima utama FDI khususnya berikutan pembangunan Iskandar Malaysia. Dasar pelaburan yang kondusif berserta dengan persekitaran mesra perniagaan membuka peluang dan mengukuhkan kedudukan Malaysia bagi menarik pelabur asing. Aliran keluar pelaburan langsung ke luar negara dijangka meningkat, menggambarkan kecenderungan syarikat Malaysia melabur di luar negara dan berkecimpung secara strategik di peringkat global. Walau bagaimanapun, kedudukan BOP dijangka terus menggalakkan berikutan aliran keluar yang tinggi ini akan diimbangi oleh lebihan akaun barangan yang kukuh serta aliran masuk FDI yang lebih tinggi.

Rizab antarabangsa dijangka terus kukuh sejajar dengan lebihan perdagangan yang teguh, disokong oleh eksport komoditi dan aliran masuk FDI yang mapan. Kedudukan rizab kekal kukuh mencatat RM403.9 bilion (USD123.7 bilion) pada 15 Ogos 2008 berbanding RM335.7 bilion (USD100.7 bilion) pada akhir tahun 2007, yang boleh digunakan tanpa halangan serta mampu membiayai 9.7 bulan import tertangguh dan menampung lima kali hutang luar jangka pendek. Paras rizab antarabangsa yang tinggi ini telah meningkatkan daya tahan dan keupayaan Malaysia untuk memenuhi pelbagai komitmen, termasuk aliran keluar perantaraan kewangan terutamanya tanggungan jangka pendek seperti pelaburan portfolio, hutang luar negeri jangka pendek dan deposit sistem perbankan.

CARTA 3.14

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 15 Ogos 2008.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

Harga

Inflasi meningkat...


Inflasi telah meningkat di seluruh dunia pada tahun 2008 berikutan harga bahan api dan makanan yang tinggi. Harga minyak mentah meningkat 79.0%, manakala harga komoditi makanan (gandum, beras, kacang soya, jagung dan CPO) naik antara 30.0% hingga 130.0% sejak separuh kedua 2007 hingga bulan Jun 2008. Seiring dengan harga yang tinggi, inflasi yang diukur melalui peratus perubahan tahunan **Indeks Harga Pengguna (CPI)** meningkat 4.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008 (Januari – Julai 2007: 2.0%) (rujuk rencana, *Trend Inflasi di Malaysia*). Berikutan pelarasan harga petrol (41%) dan diesel (63%) serta tarif elektrik antara 18% dan 26% bagi pengguna domestik, komersial dan industri berkuat kuasa mulai 1 Julai 2008, inflasi telah

meningkat 8.5% pada bulan Julai iaitu kadar tertinggi sejak Disember 1981, seperti di *Carta 3.15*. Memandangkan prospek harga global yang kekal tinggi, inflasi dijangka kekal pada paras yang tinggi dalam tempoh separuh kedua 2008 dan awal tahun 2009 sebelum menyederhana dalam tempoh separuh kedua 2009.

Penyumbang utama kepada kenaikan CPI ialah kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api serta pengangkutan disebabkan wajarnya yang besar sebanyak 68.7%. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008, harga **kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol** meningkat 6.9%, seperti di *Jadual 3.20*, dan menyumbang 2.2 mata peratusan kepada peningkatan CPI (Januari – Julai 2007: 2.8%; 0.9 mata peratusan). Barang makanan yang mengalami kenaikan harga yang ketara ialah beras, roti dan bijirin lain, sayur-sayuran, buah-buahan, daging, ikan dan makanan

CARTA 3.15

Arah Aliran CPI dan PPI (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

JADUAL 3.20

Indeks Harga Pengguna (CPI) Januari – Julai 2008

(2005 = 100)

Jumlah	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan CPI (%)
	Wajaran	2008	
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.4	6.9	50.3
Minuman alkohol dan tembakau	1.9	7.7	3.6
Pakaian dan kasut	3.1	-0.6	-0.4
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4	1.4	6.6
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.3	2.0	1.9
Kesihatan	1.4	1.9	0.6
Pengangkutan	15.9	6.7	25.7
Komunikasi	5.1	-0.6	-0.7
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	2.1	2.2
Pendidikan	1.9	2.1	0.9
Restoran dan hotel	3.0	7.0	4.8
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.0	3.4	4.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

laut. Harga **kumpulan pengangkutan** meningkat 6.7% dan menyumbang 1.1 mata peratusan kepada peningkatan CPI (Januari – Julai 2007: 3.2%; 0.5 mata peratusan). Harga **kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api** meningkat 1.4% dan menyumbang 0.3 mata peratusan kepada peningkatan CPI (Januari – Julai 2007: 1.4%; 0.3 mata peratusan). Sebaliknya, peningkatan inflasi sebahagiannya disederhanakan oleh pengurangan harga yang berterusan bagi **kumpulan pakaian dan kasut** sebanyak 0.6% dan **kumpulan komunikasi** sebanyak 0.6% (Januari – Julai 2007: -1.6%; -1.4%). Harga yang lebih

JADUAL 3.21

Indeks Harga Pengeluar (PPI)**Januari – Jun**

(2000 = 100)

	Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan PPI (%)	
		2007	2008	2007	2008
Ekonomi domestik	100.0	5.3	11.1	100.0	100.0
Makanan dan binatang hidup	5.3	8.5	10.6	8.0	6.6
Minuman dan tembakau	1.0	-2.9	4.8	-0.5	0.6
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	4.4	14.8	16.1	11.6	8.3
Minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan	11.9	-4.3	38.1	-9.2	53.1
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	3.8	34.9	51.4	23.7	23.0
Bahan kimia dan produk berkaitan t.s.t.l. ¹	5.1	4.2	9.1	3.8	5.4
Barang keluaran kilang dijeniskan mengikut bahan	11.0	5.8	6.2	11.2	7.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	50.5	5.2	-0.9	46.7	-5.6
Pelbagai barang keluaran kilang	6.9	3.0	1.0	3.7	0.8
Komoditi dan transaksi yang tidak dikelaskan di mana-mana dalam SITC ²	0.4	12.9	15.5	0.9	0.7
Pengeluaran tempatan	65.6	6.0	13.3	73.6	79.9
Import	34.4	4.1	6.4	26.4	20.1

¹ Tidak disenarai di tempat lain.² Klasifikasi Piawaian Perdagangan Antarabangsa.

Nota: Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

rendah ini disebabkan oleh persaingan sengit di kalangan pengeluar pakaian dan kasut domestik serta harga barangan import yang lebih murah. Begitu juga, persaingan harga dalam industri komunikasi telah menyumbang kepada penurunan harga bagi kumpulan komunikasi.

Indeks Harga Pengeluar (PPI) yang mengukur perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dan yang dibayar oleh pengimport mencatat peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 11.1% dalam tempoh enam bulan pertama 2008 (Januari – Jun 2007: 5.3%), berikutan harga komoditi yang lebih tinggi, seperti getah, CPO dan minyak mentah, seperti di *Jadual 3.21*. Kedua-dua komponen PPI meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu pengeluaran tempatan

sebanyak 13.3% dan import sebanyak 6.4% (Januari – Jun 2007: 6.0%; 4.1%).

Sebahagian besar peningkatan **PPI untuk pengeluaran tempatan** berpunca daripada kenaikan harga **minyak galian, pelincir dan bahan yang berkaitan** yang meningkat 41.2% dan menyumbang 8.7 mata peratusan kepada PPI. Harga **bahan mentah tidak boleh makan** meningkat 15.2% dan menyumbang 1.1 mata peratusan, manakala harga **minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran** naik 51.8% dan meliputi 4.0 mata peratusan kepada PPI. Sementara, peningkatan **PPI untuk import** disebabkan oleh harga **kumpulan jentera dan kelengkapan pengangkutan** yang tinggi sebanyak 4.2% dan menyumbang 2.7 mata peratusan kepada kenaikan PPI.

Trend Inflasi di Malaysia

Pengenalan

Dunia terus bergelut dengan inflasi yang kian meningkat sejak awal tahun 2008 akibat kenaikan harga makanan dan bahan api. Kadar inflasi di kebanyakan negara terus mencatat kadar tertinggi, mencecah kadar dua digit di sesetengah negara membangun. Malaysia mengalami kadar inflasi yang tinggi pada tahun 2008 dengan purata 4.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2008 berbanding 2.0% bagi keseluruhan tahun 2007. Pada bulan Julai 2008, kadar inflasi keseluruhan (*headline inflation*) meningkat 8.5% disebabkan terutama oleh harga makanan dan bahan api yang lebih tinggi, merupakan kadar tertinggi sejak peningkatan 7.6% pada bulan Januari 1982. Kenaikan harga pam minyak berikutan penstrukturan semula subsidi minyak pada 5 Jun 2008.

Pengukuran Inflasi

Inflasi keseluruhan di Malaysia diukur melalui perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (CPI). Sebaliknya, inflasi teras (*core inflation*) merupakan ukuran yang tidak termasuk barangan yang menghadapi perubahan harga volatil seperti makanan dan bahan api. Bagi mengukur kadar inflasi, indeks harga digunakan untuk membandingkan bagaimana harga yang diambil kira secara keseluruhan berubah mengikut tempoh masa atau lokasi geografi. CPI mengukur perubahan kos “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang lazim digunakan secara purata oleh isi rumah di Malaysia pada harga tempoh semasa dengan mengambil kira harga tempoh asas. “Bakul” ini merangkumi pelbagai barangan dan perkhidmatan berjumlah 460 item dengan 900 spesifikasi yang diklasifikasikan kepada 12 kumpulan berasaskan kepada *United Nations “Classification of Individual Consumption According to Purpose” (COICOP)*. Pemilihan barangan dan penentuan wajaran bagi setiap barangan diperoleh daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES), Jabatan Perangkaan Malaysia. Sejak 1990, HES telah dijalankan setiap lima tahun.

Item berwajaran lebih besar di dalam “bakul” barangan dan perkhidmatan mempunyai lebih pengaruh kepada CPI berbanding item berwajaran kecil. Kategori item berwajaran terbesar di dalam CPI ialah makanan, perumahan dan utiliti serta pengangkutan merangkumi 68.7%, seperti di *Jadual 1*. Apabila pendapatan isi rumah meningkat, lazimnya peruntukan isi rumah ke atas makanan daripada keseluruhan perbelanjaan akan menurun seperti ditunjukkan oleh pengurangan wajaran makanan daripada 46.8% pada tahun 1967 kepada 31.4% pada tahun 2005. Trend wajaran makanan bagi CPI Malaysia selari dengan kebanyakan ekonomi membangun antara 30.0% dan 40.0%, berbanding pada sekitar 15.0% bagi ekonomi maju. Memandangkan negara membangun mempunyai wajaran makanan yang besar, maka kenaikan mendadak harga makanan global sejak pertengahan tahun 2007 telah memberi kesan ketara kepada peningkatan inflasi di kalangan ekonomi membangun.

Justeru, impak kenaikan harga makanan lebih membebankan golongan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah oleh sebab sebahagian besar pendapatan mereka dibelanjakan untuk barangan makanan. Ini berdasarkan peratusan wajaran makanan dan minuman bukan alkohol yang tinggi sebanyak 43.0% bagi isi rumah Malaysia berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan dan sebanyak 38.9% bagi isi rumah yang kurang daripada RM1,500 sebulan. Isi rumah di kawasan luar bandar juga berbelanja lebih ke atas makanan dengan wajaran 37.0% berbanding 29.2% bagi isi rumah di bandar.

Harga Berbanding Inflasi

Peningkatan inflasi menghakis kuasa beli pengguna dengan mengurangkan kemampuan membeli barangan dan perkhidmatan berdasarkan pendapatan boleh guna sedia ada. Dalam keadaan harga yang semakin meningkat, terdapat persepsi bahawa CPI tidak menggambarkan kenaikan harga sebenar

yang dialami. Bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa CPI merupakan sebuah indeks berwajaran purata, yang diperoleh selepas mengambil kira kenaikan atau penurunan harga setiap barangan yang dipuratakan. CPI diwujudkan sebagai penunjuk gambaran menyeluruh bagi perubahan harga runcit yang dialami oleh isi rumah secara umum dan tidak mencerminkan corak penggunaan sesebuah isi rumah. *Jadual 2* menunjukkan perbezaan perubahan harga sebenar beberapa barangan terpilih berbanding peratus perubahan bagi indeks kumpulan. Sebagai contoh, sejak tahun 2005 hingga Januari – Jun 2008, harga sekilogram ikan kembong telah meningkat 9.9%, manakala indeks kumpulan

JADUAL 1
Komponen CPI mengikut Wajaran

	Kumpulan	1967= 100	1980= 100	1990= 100	1994= 100	2000= 100	Kumpulan	2005= 100
1.	Makanan	46.8	36.9	33.7	34.9	33.8	Makanan & minuman bukan alkohol	31.4
2.	Minuman & Tembakau	8.9	4.7	4.3	3.6	3.1	Minuman alkohol & tembakau	1.9
3.	Pakaian & kasut	4.8	4.8	4.0	3.6	3.4	Pakaian & kasut	3.1
4.	Sewa kasar, bahan api & kuasa	9.4	18.7	20.2	21.1	22.4	Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.4
5.	Perabot, perkakasan & peralatan & operasi isi rumah	6.6	5.8	5.8	5.6	5.3	Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	4.3
6.	Rawatan perubatan & perbelanjaan kesihatan	2.0	1.2	1.8	1.9	1.8	Kesihatan	1.4
7.	Pengangkutan & komunikasi	10.4	16.0	18.6	17.9	18.8	Pengangkutan	15.9
8.	Rekreasi, hiburan pendidikan & perkhidmatan kebudayaan	5.6	6.4	5.2	5.8	5.9	Komunikasi	5.1
9.	Pelbagai barangan & perkhidmatan	5.5	5.5	6.4	5.6	5.5	Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	4.6
10.							Pendidikan	1.9
11.							Restoran dan hotel	3.0
12.							Pelbagai barangan & perkhidmatan	6.0
	Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	Jumlah	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

makanan meningkat lebih tinggi sebanyak 12.2%. Dalam tempoh yang sama, harga baju kurung siap menurun 4.0% tetapi kumpulan pakaian dan kasut hanya menyusut 2.9%. Walau bagaimanapun, CPI keseluruhan bagi tempoh yang sama meningkat 9.0%. Perbezaan dalam perubahan peratusan antara harga sebenar bagi item tertentu dan indeks kumpulan disebabkan oleh wajaran yang berlainan bagi setiap item dalam CPI.

JADUAL 2
Perubahan Harga bagi Barangan Terpilih
2005=100

Item	Wajaran	Harga Purata (RM)	Perubahan (%) Januari – Jun 2008 berbanding 2005		
		2005	Harga	Indeks Kumpulan	CPI
Beras ST 15% / kg	0.560	1.67	10.8	12.2	9.0 ¹
Ikan kembong / kg	0.596	7.18	9.9	12.2	
Susu pekat / tin 400gm	0.014	1.87	36.4	12.2	
Susu tepung / pek 700 gm	0.185	10.63	6.1	12.2	
Susu tepung bayi / pek ² 800 gm	0.185	14.07	4.1	12.2	
Marjerin / pek 500 gm	0.014	5.04	21.0	12.2	
Serbuk kopi tempatan / 250 gm	0.104	2.79	13.6	12.2	
Minuman coklat / pek 200 gm	0.130	3.09	24.9	12.2	
Baju kurung (siap) / unit	0.264	54.91	-4.0	-2.9	
Telefon selular / unit	0.118	627.55	-21.3	-3.1	

¹ Perubahan (%) dalam CPI setelah mengambil kira perubahan peratus harga secara purata bagi semua item di dalam 12 kumpulan bakul barangan.


² Merujuk kepada 650 gm / pek pada tahun 2008.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Carta 1 menunjukkan perubahan peratusan tahunan kumpulan terpilih berbanding CPI keseluruhan dalam tempoh 1981 hingga Januari – Jun 2008. Pergerakan harga kumpulan makanan didapati menjejak rapat CPI disebabkan oleh wajaran kumpulan makanan yang besar dalam indeks. Walaupun kumpulan pengangkutan hanya meliputi 15.9% daripada jumlah wajaran CPI keseluruhan, namun pelarasan harga baru petrol dan diesel pada bulan Jun telah menyebabkan kumpulan ini menyumbang hampir separuh daripada kenaikan 7.7% kepada CPI. Di samping itu, kenaikan CPI sebahagiannya disederhanakan oleh penurunan harga yang berterusan dalam kumpulan pakaian dan kasut serta kumpulan komunikasi.

CARTA 1

Perubahan Peratusan Indeks Tahunan bagi Kumpulan Terpilih Berbanding CPI Keseluruhan



¹ Diklasifikasikan semula sebagai Makanan dan minuman bukan alkohol pada tahun 2005.

² Klasifikasi berasingan bagi Pengangkutan dan Komunikasi pada tahun 2005.


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna merujuk CPI untuk menilai sejauh mana kuasa beli mereka telah terhakis oleh kenaikan harga. Kerajaan pula menggunakannya untuk menentukan pendirian dasar monetari dan merangka program bagi membantu golongan miskin dan isi rumah berpendapatan rendah sementara kesatuan pekerja dan majikan menggunakan CPI sebagai rujukan bagi perundingan upah.

Trend Inflasi, 1970 – 2008

Malaysia secara amnya mengalami keadaan inflasi yang rendah dan stabil, sungguhpun terdapat peningkatan dalam beberapa tahun tertentu, seperti di *Carta 2*, terutama berikutan kesan harga minyak mentah yang tinggi. Paras inflasi yang tinggi dalam beberapa tahun tertentu juga berpunca daripada permintaan agregat melebihi penawaran yang diburukkan oleh keadaan pasaran buruh yang ketat.

CARTA 2

Trend Inflasi dan Pertumbuhan KDNK Malaysia, 1970 – 2008¹¹ Januari – Jun 2008.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kadar inflasi yang tinggi telah dialami oleh negara ketika berlakunya kejutan minyak global. Malaysia mengalami paras inflasi tertinggi dalam sejarah sebanyak 17.0% pada tahun 1974 berikutan langkah embargo minyak Arab pada tahun 1973 dan 1974. Harga minyak mentah telah meningkat mendadak daripada USD2.59 setong pada bulan Januari 1973 kepada USD11.65 pada bulan Januari 1974. Bagaimanapun, berikutan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1974 dan 1975, ekonomi Malaysia turut terjejas dengan pertumbuhan yang kecil sebanyak 0.8% pada tahun 1975 (1974: 8.3%). Berikutan itu, keadaan deflasi seterusnya berlaku hingga menyebabkan kadar inflasi domestik menurun daripada 17.0% pada tahun 1974 kepada 4.8% pada tahun 1975.

Peningkatan ketara dalam inflasi seterusnya ialah semasa kejutan minyak global kedua yang tercetus oleh perang Iran-Iraq pada tahun 1979 sehingga 1980, yang menyaksikan harga minyak mentah mencecah USD32 setong pada bulan November 1980 berbanding USD13 pada bulan Januari 1979. Inflasi domestik meningkat ketara daripada 3.5% pada tahun 1979 kepada 6.9% pada tahun 1980 dan 9.8% pada tahun 1981. Kejutan minyak global ketiga pula berpunca daripada pencerobohan Iraq ke atas Kuwait pada bulan Ogos 1990, mengakibatkan harga minyak global melambung kepada USD36 setong pada bulan Oktober 1990 berbanding USD18 sebelum pencerobohan tersebut. Krisis minyak ini serta-merta mengakibatkan peningkatan tekanan inflasi kepada negara perindustrian dan membangun. Inflasi Malaysia juga meningkat 4.4% pada tahun 1991 daripada 3.1% pada tahun 1990.

Malaysia mengalami kadar inflasi yang rendah antara 0.5% dan 0.8% dalam tempoh 1985 hingga 1987, berikutan kemelesetan ekonomi pada tahun 1985 akibat kejatuhan global harga komoditi utama seperti minyak sawit mentah (-31.3%), soya (-21.2%), getah (-20.8%), jagung (-17.3%) dan timah (-5.7%). Eksport yang perlahan serta langkah potongan perbelanjaan awam dan swasta telah mengakibatkan prestasi ekonomi Malaysia menguncup 1.1% pada tahun 1985. Kadar pengangguran

meningkat daripada 6.3% pada tahun 1984 kepada 7.6% pada tahun 1985 manakala guna tenaga berkembang dengan perlahan sebanyak 1.4% berbanding 2.7% pada tahun 1984.

Peningkatan inflasi seterusnya berlaku pada tahun 1992 berikutan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam tempoh 1986 sehingga 1993 dengan purata 11.6% setahun berikutan peningkatan permintaan domestik agregat yang ketara. Di samping itu, aliran masuk pelaburan asing meningkatkan lagi tekanan ke atas pasaran buruh yang ketat dan membawa kepada peningkatan upah serta menyumbang kepada tekanan kos. Penawaran wang juga bertambah dengan kukuh dan mencecah paras tertinggi sebanyak 23.5% pada tahun 1993. Peningkatan dalam penawaran wang ini turut mewujudkan kedudukan perbelanjaan permintaan yang berlebihan dan seterusnya menambah tekanan ke atas harga. Berikutan perkembangan ini bersama batasan kapasiti pengeluaran domestik, paras inflasi telah meningkat 4.6% pada tahun 1992, kadar tertinggi sejak tahun 1982.

Krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998 telah menjejaskan ekonomi Malaysia dengan ketara, mengakibatkan keluaran dalam negeri kasar benar menguncup 7.4%. Inflasi meningkat 5.2% pada tahun 1998, mencerminkan harga import yang lebih tinggi berikutan nilai ringgit yang lemah. Kadar inflasi ini merupakan yang tertinggi dicatatkan dalam dekad 1990an. Bagaimanapun, kadar inflasi telah menyederhana kepada 2.8% pada tahun 1999 dan berada di bawah paras 2.0% sepanjang 2000 hingga 2004 berikutan ketiadaan tekanan inflasi domestik dan luar.

Pada tahun 2005, inflasi mencecah paras 3.0% (2004: 1.4%) berikutan pelarasan harga kawalan secara pentadbiran bagi barangan dan perkhidmatan seperti diesel, petrol dan gas petroleum cecair (LPG), ayam, kadar tol dan tambang pengangkutan awam. Harga minuman alkohol dan tembakau turut naik berikutan peningkatan duti eksais dalam Bajet 2005. Dalam keadaan peningkatan kadar inflasi disokong oleh prospek pertumbuhan ekonomi yang mapan, kadar dasar semalaman (OPR) telah dinaikkan sebanyak 30 mata asas kepada 3.00% pada bulan November 2005, pertama kali sejak diperkenalkan pada bulan April 2004.

Inflasi global terus menjadi kebimbangan utama pada tahun 2006 berikutan kenaikan harga bahan api dan komoditi disebabkan oleh peningkatan permintaan sejajar dengan prestasi kukuh ekonomi dunia dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Harga minyak mentah mencecah paras setinggi USD77 setong pada bulan Julai 2006. Harga runcit produk petroleum domestik telah dinaikkan pada bulan Februari, mengakibatkan kadar inflasi melonjak kepada 4.8% pada bulan Mac dengan purata inflasi pada keseluruhan tahun 2006 sebanyak 3.6%, seperti di *Jadual 3*. Kadar OPR juga dinaikkan sebanyak dua kali sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada bulan Februari dan tambahan 25 mata asas lagi kepada 3.50% pada bulan April untuk menyelaraskan kedudukan monetari dengan persekitaran semasa. Pada tahun 2007, kadar inflasi telah menyederhana kepada 2.0% sungguhpun harga minyak mentah dan komoditi terus meningkat. Ini disebabkan terutamanya oleh langkah subsidi minyak yang diberikan oleh Kerajaan. Sementara itu, persaingan sengit antara pengeluar dan peruncit serta peralihan pengguna kepada barang penggantian sebagai respons terhadap harga yang lebih tinggi telah membantu mengimbangi kesan langsung kenaikan harga global kepada harga domestik.

Harga makanan dan bahan api global terus melonjak pada tahun 2008, menyebabkan inflasi meningkat di seluruh dunia. Harga minyak mentah telah mencecah paras tertinggi beberapa kali dan mencatat rekod tertinggi sebanyak USD145 setong pada awal bulan Julai. Inflasi domestik meningkat 3.8% pada bulan Mei dan terus naik mendadak sebanyak 7.7% pada bulan Jun, paras tertinggi sejak 26 tahun lalu. Ini berikutan kenaikan harga makanan dan pelarasan harga petrol yang menyumbang 6.7 mata peratusan kepada peningkatan CPI keseluruhan. Inflasi terus meningkat 8.5% pada bulan Julai. Namun begitu, OPR kekal 3.50% pada bulan Julai, memandangkan risiko ekonomi negara untuk berkembang lebih perlahan semakin ketara berbanding risiko kenaikan inflasi yang lebih tinggi. Berdasarkan perkembangan ini, keutamaan segera dalam pengurusan ekonomi adalah perlu untuk mengelak daripada berlakunya kelembapan yang boleh menjurus kepada peningkatan pengangguran dan seterusnya membebankan golongan miskin dan golongan yang memerlukan.

Pertumbuhan ekonomi dunia dan domestik yang sederhana dalam tempoh separuh kedua 2008 dan separuh pertama 2009 dijangka akan mengurangkan tekanan harga. Tanda-tanda positif trend harga komoditi global yang mula menurun jelas ditunjukkan oleh Indeks Komoditi *Standard & Poor's Goldman Sachs*, berkurangan 12.0% kepada 760.2 mata pada akhir bulan Julai 2008 daripada 862.7 mata pada akhir bulan Jun 2008. Pada awal bulan Ogos, harga minyak mentah juga menurun di bawah paras harga USD120 setong. Kerajaan akan terus memantau dengan teliti perkembangan domestik dan antarabangsa serta mengambil tindak balas yang bersesuaian berasaskan penilaian terhadap risiko pertumbuhan ekonomi dan kesan kenaikan harga yang menyeluruh.

Tindak Balas Dasar

Teras utama dasar monetari adalah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan kestabilan harga. Pengurusan ekonomi yang pragmatik telah membolehkan Malaysia terus menikmati pertumbuhan dalam persekitaran inflasi yang stabil dan rendah, meskipun terdapat kenaikan harga yang mendadak dalam beberapa tahun tertentu disebabkan terutamanya oleh faktor luaran. Selain itu, beberapa langkah lain telah diambil untuk menangani tekanan inflasi, termasuk meningkatkan pengeluaran makanan, mewujudkan stok penimbal beras dan menambah baik pengedaran makanan serta mengawal harga barangan keperluan makanan, memberi subsidi ke atas barangan keperluan dan melaksanakan penguatkuasaan yang tegas bagi mencegah kenaikan harga secara sewenang-wenangnya.

Kerajaan juga menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Anti-Inflasi pada bulan April 2008 untuk mencadangkan langkah bagi meringankan beban golongan miskin dan golongan yang memerlukan dalam menghadapi kenaikan kos barangan makanan dan bahan api. Pada bulan Ogos, Jawatankuasa tersebut telah diganti oleh Majlis Ekonomi yang bertindak sebagai badan penasihat untuk mencadangkan langkah bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi, memandangkan keadaan ekonomi dunia yang perlahan serta mengenal pasti pendekatan untuk membendung tekanan inflasi.

Penutup

Sejak awal tahun 2008, negara maju dan membangun berhadapan dengan peningkatan inflasi berikutan kenaikan harga makanan dan bahan api. Inflasi di Malaysia melonjak 8.5% pada bulan Julai, kadar tertinggi dalam tempoh 26 tahun berikutan kenaikan harga makanan dan bahan api. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dijangka mengurangkan tekanan harga. Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk meringankan beban kenaikan harga kepada golongan miskin dan golongan yang memerlukan dengan memberi keutamaan untuk meluaskan program bantuan sosial serta meningkatkan pengeluaran makanan. Pengalaman negara dalam menangani situasi yang serupa dan dimantapkan oleh asas ekonomi yang kukuh serta sistem perbankan yang teguh, membolehkan Malaysia mengharungi cabaran semasa peningkatan inflasi dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan.

JADUAL 3**Pelarasan Harga Petroleum dan Kesan ke atas Inflasi**

Tarikh Berkuat kuasa	RM	Inflasi Bulanan		Tahunan
		Sebelum	Selepas	
2000				
1 Oktober	Petrol ¹ – 1.20 (+0.10) Diesel – 0.701 (+0.05) LPG ² – 1.28 (+0.10)	September 1.5	Oktober 1.8	1.5
2001				
20 Oktober	Petrol – 1.3t0 (+0.10) Diesel – 0.711 (+0.10)	September 0.9	Oktober 1.5	1.4
2002				
1 Mei	Petrol – 1.32 (+0.02) Diesel – 0.731 (+0.02) LPG – 1.29 (+0.01)	April 1.9	Mei 1.9	1.8
1November	Petrol – 1.33 (+0.01) Diesel – 0.741 (+0.01) LPG – 1.31 (+0.02)	Oktober 2.1	November 1.6	
2003				
1Mac	Petrol – 1.35 (+0.02) Diesel – 0.761 (+0.02) LPG – 1.33 (+0.02)	Februari 0.7	Mac 1.0	1.2
2004				
1Mei	Petrol – 1.37 (+0.02) Diesel – 0.781 (+0.02) LPG – 1.35 (+0.02)	April 1.0	Mei 1.2	1.4
1Oktober	Petrol – 1.42 (+0.05) Diesel – 0.831 (+0.05) LPG – 1.40 (+0.05)	September 1.6	Oktober 2.1	
2005				
1 Mac	Diesel – 1.881 (+0.05)	Februari 2.5	Mac 2.6	3.0
5 Mei	Petrol – 1.52 (+0.10)	April 1.0	Mei 1.2	
31Julai	Petrol – 1.62 (+0.10) Diesel – 1.28 (+0.20) LPG – 1.45 (+0.05)	September 1.6	Oktober 2.1	
2006				
28 Februari	Petrol – 1.92 (+0.30) Diesel – 1.58 (+0.30) LPG – 1.75 (+0.30)	Februari 3.2	Mac 4.8	3.6
2008				
5 Jun	Petrol – 2.70 (+0.78) Diesel – 1.58 (+1.00)	Mei 3.8	Jun 7.7	5.5%-6.0% ³

¹ Petrol merujuk kepada RON 97.² gas petroleum cecair.³ Anggaran oleh Bank Negara Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh yang stabil....

Prestasi pasaran buruh dijangka kekal stabil pada tahun 2008 didorong oleh sektor perkhidmatan yang memberangsangkan dan sektor pembuatan yang menggalakkan. Prestasi ini dapat dilihat menerusi peningkatan **guna tenaga** sebanyak 1.7% kepada 11.6 juta pekerja (2007: 2.2%; 11.4 juta). Sementara itu, peluang pekerjaan baru dijangka berkurangan daripada 250,600 pada tahun 2007 kepada 196,200 pada tahun 2008 berikutan peningkatan penggunaan teknologi baru dan ICT serta penambahbaikan dalam proses kerja. Walau bagaimanapun, **kadar pengangguran** dijangka kekal pada paras 3.2% (2007: 3.2%), sementara tenaga buruh dijangka meningkat 1.7% kepada 12.0 juta orang (2007: 2.0%; 11.8 juta). Pada masa yang sama, sebanyak 4.4% daripada jumlah penduduk adalah berumur 65 tahun dan ke atas berbanding 4.3% pada tahun 2007 berikutan perkhidmatan kesihatan dan kualiti hidup yang lebih baik.

Nisbah tanggungan berumur yang mengukur bilangan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas kepada jumlah penduduk bekerja dijangka meningkat 6.46% (2007: 6.45%). Sebanyak 67.1% daripada jumlah penduduk adalah dalam kumpulan umur bekerja 15 – 64 tahun (2007: 67.0%). **Kadar penyertaan guna tenaga** bagi lelaki dan wanita dijangka kekal 87.2% dan 46.2% (2007: 87.0%; 46.1%). Kumpulan umur

JADUAL 3.22

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Tenaga buruh	11,781.0	11,985.8	2.0	1.7
Guna tenaga	11,409.6	11,605.9	2.2	1.7
Pengangguran	371.5	379.9	3.2	3.2


¹ Anggaran.

² Peratus kepada tenaga buruh.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

CARTA 3.16

Penunjuk Pasaran Kerja



20 – 29 tahun merupakan penyumbang terbesar, merangkumi 31.3% daripada jumlah keseluruhan tenaga buruh, diikuti oleh kumpulan umur 30 – 39 pada kadar 27.5%. Kualiti tenaga buruh dijangka meningkat dengan mereka yang berkelulusan pendidikan tertiar diramal bertambah 23.8% kepada 2.9 juta orang (2007: 22.5%; 2.6 juta orang). Berikutan perkembangan ekonomi yang berterusan, semua sektor dijangka menawarkan pertambahan peluang pekerjaan dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar yang mewakili 52.1% daripada jumlah pekerjaan (2007: 51.9%), diikuti oleh sektor pembuatan (29.0%), pertanian (12.0%), pembinaan (6.5%) dan perlombongan (0.4%).

Keadaan pasaran buruh yang menggalakkan turut ditunjukkan oleh peningkatan **kekosongan** pekerjaan. Dalam tempoh separuh pertama 2008, kekosongan pekerjaan yang dilaporkan melalui Bursa Buruh Elektronik (ELX) meningkat 34.8% kepada 512,300 kekosongan (Januari – Jun 2007: -4.2%; 379,967). Permintaan bagi pekerjaan

JADUAL 3.23

Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)		Bahagian (%)		Perubahan (%)	
	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹	2007	2008 ¹
Pertanian	1,391.2	1,389.7	-0.1	-0.1	12.2	12.0
Perlombongan	42.9	43.2	0.8	0.7	0.4	0.4
Pembuatan	3,296.6	3,369.0	2.2	2.2	28.9	29.0
Pembinaan	757.3	760.0	0.3	0.4	6.6	6.5
Perkhidmatan	5,921.6	6,043.9	3.1	2.1	51.9	52.1
Elektrik, gas dan bekalan air	96.8	98.4	1.9	1.7	0.8	0.8
Perdagangan borong dan runcit	1,957.7	1,986.0	1.4	1.4	17.2	17.1
Kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	789.7	813.0	2.9	3.0	6.9	7.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	660.0	673.6	2.1	2.1	5.8	5.8
Perkhidmatan Kerajaan	1,244.4	1,266.8	8.0	1.8	10.9	10.9
Perkhidmatan lain	1,173.0	1,206.1	2.0	2.8	10.3	10.4
Jumlah	11,409.6	11,605.9	2.2	1.7	100.0	100.0
Sektor pertama	1,434.1	1,432.9	-0.1	-0.1	12.6	12.3
Sektor kedua	4,053.9	4,129.0	1.8	1.9	35.5	35.6
Sektor ketiga	5,921.6	6,043.9	3.1	2.1	51.9	52.1

¹ Anggaran.

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

profesional yang terdiri daripada pegawai undang-undang, pengurus dan pegawai kanan, profesional, juruteknik dan profesional bersekutu meningkat ketara sebanyak 125.6% kepada 79,214 kekosongan (Januari – Jun 2007: 136.7%; 35,120). Jumlah kekosongan profesional turut meningkat kepada 15.5% daripada kekosongan keseluruhan (Januari – Jun 2007: 9.2%). Kekosongan di peringkat graduan pula meningkat 72.2% kepada 54,426 (Januari – Jun 2007: 153.5%; 31,604), dengan kebanyakan tawaran pekerjaan adalah dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam bidang kewangan, harta tanah dan perkhidmatan perdagangan serta pendidikan. Perkembangan ini menggambarkan permintaan yang semakin meningkat untuk pekerja berpengetahuan, selaras dengan inisiatif untuk menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Pekerjaan asas seperti buruh di sektor pembuatan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan serta pembantu rumah dan

tukang cuci, menyumbang kepada kekosongan terbesar dengan jumlah pecahan 66.4% (Januari – Jun 2007: 55.2%). Sektor perkhidmatan mencatat jumlah kekosongan yang tertinggi dengan 161,149 pekerjaan, merangkumi 31.5% daripada jumlah keseluruhan, diikuti oleh sektor pembuatan (30.5%) dan pertanian (27.9%).

Sehingga akhir bulan Jun 2008, **bilangan pencari kerja aktif** didaftarkan seramai 190,237 (akhir Disember 2007: 92,508). Dari segi kelayakan akademik 47.3% adalah pemegang ijazah dan diploma, sementara 29.7% adalah lepasan sekolah dengan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (akhir Disember 2007: 45.2%; 30.0%). Kebanyakan lepasan siswazah yang mendaftar dengan sistem ELX terdiri daripada lulusan pentadbiran perniagaan, IT, sastera, sains dan bidang teknikal. Daripada keseluruhan jumlah pencari kerja, 60.6% adalah tergolong dalam

kumpulan umur 20-24 tahun, manakala 21.8% adalah daripada kumpulan umur 25-29 tahun (akhir Disember 2007: 59.2%; 23.0%).

Suasana pasaran buruh yang stabil pada tahun 2008 juga turut dibuktikan oleh penyusutan **kadar pemberhentian** pekerja. Dalam tempoh enam bulan pertama 2008, jumlah pekerja yang diberhentikan berkurang 37.7% kepada 5,218 (Januari – Jun 2007: -18.2%; 8,382). Sektor pembuatan, terutamanya dalam subsektor pembuatan pakaian, radio, televisyen dan peralatan komunikasi serta perabot mencatat jumlah pemberhentian yang tertinggi seramai 3,495 pekerja, meliputi 67.0% daripada jumlah keseluruhan pemberhentian (Januari – Jun 2007: 6,351; 75.8%). Pekerja yang terlibat kebanyakannya terdiri daripada operator loji dan mesin, pemasang, pekerja am serta pekerja pertukangan dan yang berkaitan.

Dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah, termasuk menggalakkan penggunaan *Industrialised Building System (IBS)*, terutama dalam projek Kerajaan serta meningkatkan penggunaan automasi dan jentera dalam sektor pembuatan dan pertanian. Sehingga akhir bulan Mac 2008, jumlah **pekerja asing** adalah seramai 2.1 juta orang yang mana 36.0% adalah dalam sektor pembuatan, diikuti oleh perladangan (16.1%) dan pembinaan (14.9%).

Permintaan untuk pekerja mahir dan berpengetahuan akan terus meningkat sejajar dengan peralihan Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti menambah baik proses kelulusan dan mengurangkan kerenah birokrasi untuk memudahkan pengambilan ekspatriat dalam bidang yang kekurangan profesional dan pekerja mahir tempatan. Selain itu, isteri atau suami ekspatriat yang mempunyai kelayakan profesional turut dibenarkan bekerja di Malaysia. Sehingga akhir bulan Jun 2008, seramai 38,090 ekspatriat (2007: 36,554 ekspatriat) diambil bekerja, terutamanya dalam sektor perkhidmatan (55.7%) dan sektor pembuatan (29.9%). Majoriti ekspatriat tersebut berasal dari India (19.4%), diikuti

oleh China (9.3%) dan Jepun (8.4%). Sebagai usaha memudahkan pengambilan ekspatriat, Kerajaan akan melaksana sistem permohonan secara *on-line* menjelang akhir bulan Oktober 2008. Selain itu, PEMUDAH turut menerbitkan buku panduan "*Guidebook on the Employment of Expatriates: Processes and Procedures*" untuk memberi penerangan dan membantu masyarakat ekspatriat serta pelabur dalam semua aspek pengambilan pekerja ekspatriat.

Prospek 2009

Ekonomi Malaysia

Ekonomi domestik terus kukuh...

Kesan harga minyak global yang tinggi serta tekanan inflasi yang semakin meningkat dalam tempoh separuh kedua 2008 dijangka terus memberikan impak kepada ekonomi global dalam tempoh separuh pertama 2009. Walau bagaimanapun, permintaan global yang menyederhana dijangka dapat mengurangkan peningkatan harga komoditi dan tekanan inflasi. Dalam senario sebegini, ekonomi global dianggar stabil dengan peningkatan pertumbuhan dalam tempoh separuh kedua 2009. Dari sudut domestik, walaupun harga bahan api dan makanan yang lebih tinggi telah memperlahankan aktiviti pengguna dan perniagaan, langkah proaktif Kerajaan dalam mengurangkan beban pengguna dijangka mengawal kesan kenaikan tersebut. Justeru, permintaan domestik dianggar kekal kukuh. Pertambahan perbelanjaan RMKe-9 dan pelaksanaan pembangunan bagi pelbagai projek koridor pertumbuhan dijangka mengimbangi permintaan domestik. Sehubungan itu, prospek ekonomi yang stabil bagi negara yang sedang membangun berikutan permintaan domestik yang kukuh dijangka menyokong sektor luaran dan mengimbangi permintaan yang lemah dari negara maju. Pada keseluruhannya, pertumbuhan KDNK dijangka menyeluruh pada kadar 5.4% pada tahun 2009 (2008: 5.7%). Sehubungan itu, KNK nominal per kapita dijangka meningkat 8.1% kepada RM27,334 (2008: 9.3%; RM25,274). Dari segi PPP pula, pendapatan per kapita dijangka berkembang 5.6% mencecah USD17,549 (2008: 14.7%; USD16,617).

Prospek Mengikut Sektor

Pengembangan menyeluruh...

Pertumbuhan ekonomi dijangka terus dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pertumbuhan **sektor perkhidmatan** dianggar kekal kukuh sebanyak 6.9% pada tahun 2009 (2008: 7.1%), disokong oleh pengembangan menyeluruh dalam semua subsektor. Subsektor perdagangan borong dan runcit akan didorong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh serta peningkatan jumlah ketibaan pelancong. Subsektor penginapan dan restoran turut dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan ini. Tambahan pula, momentum pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka pulih disokong oleh peningkatan aktiviti perniagaan. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans dijangka kukuh berikutan peningkatan aktiviti berasaskan fi dan produk kewangan yang inovatif. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan serta komunikasi dijangka mapan berikutan peningkatan aktiviti berkaitan perdagangan dan penambahbaikan liputan rangkaian oleh syarikat telekomunikasi.

Sektor pembuatan dijangka mengalami pertumbuhan 4.3% (2008: 4.7%) berikutan prestasi industri berorientasi eksport yang stabil dan pengembangan berterusan dalam permintaan domestik. Industri E&E dianggar meningkat sedikit diterajui oleh permintaan dan negara sedang membangun bagi produk industri berasaskan sumber yang dijangka kekal kukuh ekoran permintaan teguh bagi produk petroleum, plastik dan bahan kimia dan produk berasaskan getah. Tambahan pula, industri galian bukan logam dan logam dijangka mencatat prestasi yang menggalakkan disokong oleh aktiviti industri pembinaan yang stabil.

Pertumbuhan **sektor pertanian** dianggar meningkat 3.7% (2008: 3.6%) didorong oleh pertambahan pengeluaran makanan dan pertumbuhan mapan minyak sawit dan getah. Subsektor pengeluaran pertanian lain dijangka berkembang pesat pada kadar 8.0% (2008: 4.4%) disokong oleh pengeluaran padi, buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi. Pengeluaran

perikanan dan penternakan diunjurkan meningkat seiring dengan usaha Kerajaan yang berterusan untuk mengembangkan lagi industri ini. Bagi sektor perladangan, pengeluaran minyak sawit dijangka kekal kukuh pada 1.3% sejajar dengan peningkatan hasil dan pertambahan kawasan matang. Pengeluaran getah dijangka bertambah disokong oleh peningkatan pengeluaran daripada klon yang lebih berkualiti serta teknik penorehan yang lebih baik.

Sektor perlombongan dijangka berkembang pada kadar 3.4% (2008: 2.8%) dengan pertumbuhan dijana oleh pengeluaran minyak mentah dan gas. Pengeluaran minyak mentah diunjurkan berkembang berikutan pengeluaran yang tinggi daripada medan minyak Kikeh serta medan minyak baru, termasuk Sumandak dan Bunga Orkid. Pengeluaran LNG dijangka meningkat ekoran permintaan tambahan dari Jepun dan Korea serta permintaan baru dari China.

Sektor pembinaan dianggar berkembang 3.1% (2008: 4.0%), diterajui oleh subsektor kejuruteraan awam berikutan pelaksanaan projek infrastruktur di bawah RMKe-9 serta kerancangan aktiviti industri minyak dan gas. Tambahan pula, langkah memesatkan pelaksanaan projek pembangunan koridor juga dijangka dapat merangsang kerja pembinaan. Subsektor bukan kediaman dijangka kembali meningkat ekoran peningkatan permintaan ruang pejabat dan bangunan perindustrian berikutan pertambahan aktiviti perniagaan. Subsektor kediaman dianggar mencatat prestasi yang menggalakkan hasil daripada insentif yang diperkenalkan bertujuan menggalakkan pemilikan rumah serta pertambahan peruntukan projek perumahan kos rendah dan sederhana.

Permintaan Dalam Negeri

Sektor swasta merangsang pertumbuhan...

Perbelanjaan domestik agregat (tidak termasuk perubahan dalam stok) dijangka mencatat pertumbuhan 6.0% (2008: 6.1%), disokong oleh aktiviti sektor swasta yang kukuh. Perbelanjaan sektor swasta dijangka meningkat 6.4% (2008: 6.6%), diperteguhkan oleh perbelanjaan

pelaburan yang mapan dan perbelanjaan penggunaan yang berterusan. Kesan kenaikan harga runcit petrol ke atas penggunaan dijangka berkurangan pada tahun 2009 berikutan pelbagai langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengekang inflasi, seterusnya mengekalkan pendapatan boleh guna isi rumah. Sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan KDNK kekal tinggi pada kadar 4.0 mata peratusan (2008: 4.1 mata peratusan). Sementara itu, perbelanjaan sektor awam dijangka bertambah 5.1% (2008: 4.7%), menyumbang 1.2 mata peratusan kepada KDNK pada tahun 2009 (2008: 1.1 mata peratusan).

Pelaburan swasta dijangka berkembang 5.8%, menyumbang 12.0% kepada KDNK (2008: 6.2%; 11.9%). Peningkatan ini adalah hasil daripada inisiatif Kerajaan dalam menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif, terutamanya dalam mengurangkan kos kendalian perniagaan serta penambahbaikan infrastruktur. Sebagai tambahan, Inisiatif Pembiayaan Swasta yang diumumkan dalam RMKe-9 akan terus menggalakkan aktiviti pelaburan swasta. Secara keseluruhannya, semua sektor dijangka terus menarik pelaburan swasta meskipun sebahagian besar modal tersebut akan disalurkan ke dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta industri minyak dan gas. Sementara itu, **pelaburan awam** dijangka berkembang 6.4% (2008: 3.6%), diterajui oleh pelaksanaan berterusan projek mesra rakyat bertujuan membasmi kemiskinan, mengurangkan ketidaksamaan wilayah serta memperbaiki infrastruktur sosial dan fizikal.

Penggunaan swasta dijangka berkembang 6.5% (2008: 6.8%), hasil daripada peningkatan pendapatan ekoran keadaan pasaran buruh yang lebih baik serta harga komoditi yang kukuh yang dijangka memanfaatkan pengguna. Tambahan pula, langkah bagi mengurangkan beban inflasi ke atas golongan berpendapatan rendah akan meningkatkan pendapatan boleh guna, seterusnya mengekalkan tahap penggunaan. Selain itu, persekitaran kewangan yang menggalakkan termasuk pelanjutan tempoh bayaran balik pinjaman perumahan akan terus menyokong penggunaan swasta. Seajar dengan peningkatan perbelanjaan

yang bertujuan mengekang peningkatan harga makanan dan bahan api, **penggunaan awam** dijangka mencatat pertumbuhan 4.0% (2008: 5.7%).

Kedudukan Sumber Negara

Lebih tabungan-pelaburan kekal tinggi...

TNK dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 11.3% pada tahun 2009 (2008: 10.2%), seiring dengan jangkaan peningkatan pendapatan negara nominal sebanyak 10.4% (2008: 11.6%). Sehubungan itu, bahagian TNK mengikut peratusan kepada KNK kekal tinggi sebanyak 38.2% (2008: 38.0%). Daripada jumlah keseluruhan TNK, 74.1% akan dijana oleh sektor swasta. Sementara itu, jumlah perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) diunjurkan meningkat 12.6% kepada RM170.0 bilion, menyumbang 22.0% kepada KNK (2008: 7.2%; RM151.0 bilion; 21.5%). **Lebih tabungan-pelaburan** pada tahun 2009 dijangka terus kukuh pada RM125.9 bilion atau 16.3% daripada KNK (2008: RM115.0 bilion; 16.4%), menyediakan dana yang mencukupi untuk membiayai aktiviti pelaburan.

Perdagangan Luar Negeri

Eksport yang kukuh meningkatkan lebih akaun semasa...

Prestasi ekonomi dan perdagangan yang lebih baik dalam keadaan global yang semakin pulih dijangka meningkatkan lagi lebih akaun semasa pada tahun 2009. Perdagangan luar negeri dijangka bertambah baik berikutan pertumbuhan stabil perdagangan dunia. Prestasi perdagangan yang lebih mantap disokong oleh pertumbuhan kukuh eksport komoditi dan pembuatan. **Akaun barangan BOP** dijangka terus mencatat lebih RM156,934 juta, dirangsang oleh prestasi eksport yang menggalakkan pada kadar 7.6% kepada RM712,057 juta (2008: 9.3%; RM662,026 juta). Kedudukan eksport yang kukuh sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan dalam

permintaan global terhadap produk E&E dan harga komoditi yang kukuh. Sementara itu, import f.o.b. dianggar merekodkan pertumbuhan 7.4% kepada RM555,124 juta (2008: 8.1%; RM516,913 juta), sejajar dengan aktiviti ekonomi domestik yang menggalakkan serta peningkatan input bagi menampung permintaan eksport barangan pembuatan.

Akaun perkhidmatan dijangka merekodkan lebihan yang semakin tinggi sebanyak RM2,134 juta (2008: RM598 juta), terutamanya didorong oleh aliran masuk bersih yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan dan aliran keluar bersih yang lebih baik dalam perkhidmatan lain. Sementara

itu, defisit **akaun pendapatan** dijangka meningkat sedikit kepada RM16,247 juta (2008: -RM15,033 juta) berikutan peningkatan penghantaran keuntungan dan dividen oleh syarikat asing. Aliran keluar bersih dalam **akaun pindahan semasa** dianggar meningkat kepada RM16,906 juta (2008: -RM15,699 juta), yang sebahagian besarnya terdiri daripada penghantaran wang oleh pekerja asing. Lebihan akaun barangan dan perkhidmatan dijangka lebih dari mencukupi untuk mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan dan pindahan. Sehubungan itu, lebihan **akaun semasa** dijangka kekal tinggi pada RM125,915 juta atau 16.3% daripada KNK (2008: RM114,979 juta; 16.4%).